



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 171

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Sebagaimana pada 1 Disember 2012

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	...	...	18 Mac 1976
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	...	...	25 Mac 1976
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1311 yang mula berkuat kuasa pada	...	...	...	...	1 September 2011; P.U.(B) 488/2011 bagi Perlis, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor; P.U.(B) 491/2011 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	...	...	...	1998
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	...	...	...	2001
<i>Cetakan Semula Yang Ketiga</i>	...	...	...	2006

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 171

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II PENTADBIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

3. Pengisytiharan dan penetapan taraf kawasan pihak berkuasa tempatan
4. Penukaran nama dan taraf, dan pengubahan sempadan
5. Percantuman dua atau lebih pihak berkuasa tempatan
6. Pewarisan hak, tanggungan dan kewajipan
7. Akta ini dipeluas ke kawasan bukan pihak berkuasa tempatan
8. Pentadbiran kawasan pihak berkuasa tempatan
9. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk memberi arahan
10. Anggota Majlis
11. Pengakuan oleh Anggota Majlis sebelum memegang jawatan
12. Anggota Majlis dikecualikan daripada berkhidmat sebagai pengapit hakim atau ahli juri
13. Pihak berkuasa tempatan adalah perbadanan
14. Meterai perbadanan

Seksyen

15. Peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan terhenti mempunyai kesan

BAHAGIAN III

PEGAWAI DAN PEKERJA PIHAK BERKUASA TEMPATAN

16. Senarai jawatan
17. Kuasa pihak berkuasa tempatan bagi mengadakan tatatertib, dsb., bagi pegawainya
18. Kumpulan Wang Bekal Tua atau Kumpulan Wang Simpanan

BAHAGIAN IV

PENJALANAN URUSAN

19. Pejabat pihak berkuasa tempatan
20. Mesyuarat biasa
21. Mesyuarat khas
22. Notis mengenai mesyuarat
23. Mesyuarat pihak berkuasa tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai
24. Kuorum
25. Pengerusi mesyuarat
26. Undi lebih suara memutuskan
27. Minit hendaklah disimpan mengenai segala perjalanan
28. Pelantikan jawatankuasa
29. Perintah tetap untuk mengawal selia perjalanan pihak berkuasa tempatan
30. Kuasa luar biasa dalam perkara kecemasan
31. Keesahan perbuatan pegawai pihak berkuasa tempatan
32. Pengesahan dan penyempurnaan dokumen
33. Pengecualian Anggota Majlis, dsb., daripada tanggungan sendiri
34. Hilang upaya Anggota Majlis bagi mengundi oleh kerana ada mempunyai kepentingan dalam kontrak, dsb.
35. Sekatan
36. Kontrak
37. Cara menyempurnakan kontrak lebih daripada sepuluh ribu ringgit

Seksyen

38. Pekerja tidak boleh mempunyai kepentingan dalam kontrak

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN AM KEWANGAN

39. Hasil pihak berkuasa tempatan
40. Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan
41. Kuasa pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan pinjaman
42. Kuasa pihak berkuasa tempatan mengeluarkan gadai janji atau stok debentur dan membuat peraturan-peraturan mengenainya
43. Notis mengenai amanah, gadaian atau kepentingan lain tidak boleh diterima
44. Sekuriti hendaklah menjadi pelaburan amanah
45. Remedi kerana mungkir
46. Kuasa meminjam bagi maksud khas
47. Pinjaman oleh Kerajaan
48. Pinjaman menjadi tanggungan pertama atas hasil dan aset
49. Pendahuluan dengan cara overdraf
50. Kumpulan wang penjelas
51. Pihak Berkuasa Negeri boleh memberi arahan mengenai kumpulan wang penjelas
52. Kumpulan wang pembaharuan dan insurans

BAHAGIAN VI

AKAUN DAN AUDIT

53. Akaun hendaklah disimpan
54. Tahun kewangan
55. Anggaran tahunan hendaklah diluluskan dan dipersetujui
56. Anggaran tambahan
57. Perbelanjaan tidak boleh dilakukan melainkan jika dimasukkan dalam anggaran
58. Pindah Peruntukan
59. Bentuk anggaran
60. Pengauditan akaun

Seksyen

- 61. Kuasa mengambil keterangan
- 62. Saraan juruaudit

BAHAGIAN VII
TEMPAT AWAM

- 63. Pengawalan tempat awam, dsb.
- 64. Kuasa untuk mengadakan tempat awam, dsb., yang baru dan membesarkannya
- 65. Kuasa sementara untuk menutup tempat awam
- 66. Kuasa untuk mendirikan bangunan awam di tempat awam terbuka
- 67. Syarat dan sekatan mengenai penutupan lebu, dsb.
- 68. Menamakan tempat awam, dsb.

BAHAGIAN VIII
PENCEMARAN ANAK SUNGAI

- 69. Melakukan kacau ganggu dalam anak sungai, dsb.
- 70. Pencemaran anak sungai dengan sampah perdagangan, dsb.
- 71. Pihak berkuasa tempatan boleh menuntut belanja bagi kerja yang dilakukan

BAHAGIAN IX
MAKANAN, PASAR, KEBERSIHAN DAN
KACAU GANGGU

- 72. Kuasa
- 73. Undang-undang kecil
- 74. Rumah, dsb., kotor
- 75. Kuasa untuk memasuki dan mencuci rumah atau bangunan
- 76. Memusnahkan tikus
- 77. Menutup dan meruntuhkan, dsb., tempat kediaman yang tidak bersih
- 78. Rumah yang diduduki dengan penuh sesak
- 79. Bila rumah disifatkan sebagai “penuh sesak”
- 80. Kacau ganggu hendaklah dihapuskan

Seksyen

81. Kacau ganggu yang tindakan secara terus boleh diambil atasnya di bawah Akta ini
82. Notis menghendaki kacau ganggu dihapuskan
83. Perintah untuk meruntuhkan rumah yang tidak layak untuk kediaman
84. Kuasa untuk mengambil tindakan jika sebab kacau ganggu terbit di luar kawasan pihak berkuasa tempatan

BAHAGIAN X

PERKHIDMATAN BOMBA

85 – 93. (*Dipotong*)

BAHAGIAN XI

TEMPAT PERKUBURAN, MEMBAKAR MAYAT DAN MENGELUARKAN MAYAT DARI KUBUR

94. Pihak berkuasa tempatan boleh mengadakan tanah perkuburan dan tempat membakar mayat dan mengeluarkan lesen untuknya
95. Penalti bagi pengkebumian yang menyalahi undang-undang
96. Kuasa untuk menutup tanah perkuburan dan tempat membakar mayat
97. Penggalian mayat
98. Kuasa untuk membuat undang-undang kecil
99. Menyimpan daftar
100. Undang-undang bertulis lain tidak dipakai

BAHAGIAN XII

KUASA TAMBAHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

101. Kuasa tambahan pihak berkuasa tempatan

BAHAGIAN XIII

UNDANG-UNDANG KECIL

102. Kuasa am untuk membuat undang-undang kecil

Seksyen

- 102A. Undang-undang kecil, dll., boleh menetapkan bayaran dan caj
- 103. Undang-undang kecil hendaklah disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri
- 104. Penalti kerana melanggar undang-undang kecil
- 105. Kuasa untuk meminta pemohon permit membayar wang deposit
- 106. Penyerian undang-undang kecil, kaedah atau peraturan dalam *Warta* adalah menjadi notis

BAHAGIAN XIV

PELBAGAI

- 107. Lesen
- 108. Notis, dsb.
- 109. Kemungkiran mematuhi notis atau perintah
- 110. Kuasa untuk memasuki premis
- 111. Pegawai boleh meminta nama dan alamat diberikan
- 112. Penalti kerana menghalang Anggota Majlis dan lain-lain
- 113. Mendapatkan belanja
- 114. Belanja dan kos kena dibayar oleh pemunya
- 115. Mendapatkan belanja atau kos daripada orang yang tidak menjalankan kerja
- 116. Mendapatkan caj bagi perkhidmatan pihak berkuasa tempatan
- 117. Mendapatkan wang secara ansuran
- 118. Pampasan, ganti rugi dan kos hendaklah diputuskan oleh mahkamah yang berbidang kuasa layak
- 119. Penalti am
- 120. Pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan pendakwaan
- 121. Kuasa menangkap
- 122. Buku pihak berkuasa tempatan adalah keterangan *prima facie* mengenai jumlah wang yang kena dibayar
- 123. Tanggungan terhadap perbuatan dan ketinggalan
- 124. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
- 125. Perlindungan bagi Anggota Majlis, pegawai dan pekerja daripada tanggungan sendiri
- 126. Pegawai adalah pekhidmat awam

BAHAGIAN XV
KADAR DAN NILAIAN

Seksyen

127. Kuasa untuk mengenakan kadar
128. Kadar tambahan
129. Membahagikan kawasan dan pegangan bagi maksud kadar
130. Asas taksiran kadar
131. (*Dipotong*)
132. Kadar perparitan
133. Lamanya tempoh kadar
134. Pengecualian dari kadar
135. Pengecualian atau pengurangan kadar
136. Kadar minimum yang kena dibayar
137. Menyediakan Senarai Nilai
138. Perihal jika nama pemunya tidak diketahui
139. Nilai bersama atau berasingan
140. Penyata boleh dikehendaki
141. Notis mengenai Senarai Nilai baru hendaklah disiarkan
142. Bantahan
143. Mengesahkan Senarai Nilai baru
144. Pindaan kepada Senarai Nilai
145. Rayuan
146. Kadar hendaklah menjadi tanggungan pertama
147. Tindakan jika kadar tidak dibayar
148. Tindakan untuk menuntut tunggakan
149. Jualan harta yang ditahan
150. Menggunakan hasil jualan
151. Menahan dan menjual pegangan
152. Menuntut kos
153. Kuasa untuk memberhentikan jualan
154. Bantahan terhadap tahanan
155. Menuntut kadar yang telah dibayar oleh penduduk

Seksyen

- 156. Tunggakan boleh didakwa sebagai hutang
- 157. Keterangan mengenai kadar
- 158. Taksiran, dsb., yang tidak mengikut bentuk cara tidak boleh dicabar
- 159. Tanggungan pemunya atas pemecah bahagian atau penyatuan pegangan
- 160. Notis mengenai pindah milik pegangan berkadar
- 161. Notis mengenai bangunan baru
- 162. Pulangan balik mengenai bangunan yang tidak diduduki
- 163. Peruntukan bagi mengkadar bangunan di atas tanah Kerajaan Negeri atau tanah yang dirizabkan
- 164. Kecualian

BAHAGIAN XVI

PERUNTUKAN KHAS

- 165. Pemindahan tugas
- 166. Pemansuhan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 171

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Suatu Akta bagi menyusun semula dan menyatukan undang-undang berhubungan dengan kerajaan tempatan.

[Lihat Lampiran]

BAHAWASANYA adalah suai manfaat dibuat suatu undang-undang berkenaan dengan kerajaan tempatan bagi maksud hanya untuk menentukan persamaan undang-undang dan dasar:

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut peruntukan-peruntukan Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan **MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kerajaan Tempatan 1976, dan hendaklah terpakai hanya bagi Semenanjung Malaysia sahaja.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa di sesuatu Negeri pada tarikh yang ditetapkan berhubungan dengan Negeri itu oleh Pihak Berkuasa Negeri, selepas berunding dengan Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Pihak Berkuasa Negeri boleh, selepas berunding dengan Menteri, menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan Akta ini yang berlainan dan boleh menguatkuasakan semua atau mana-mana daripada peruntukan

Akta ini sama ada di seluruh Negeri itu atau di mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian Negeri itu sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (2), berhubungan dengan Wilayah Persekutuan, Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(4) Pihak Berkuasa Negeri boleh, walau apa pun subseksyen (2), melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengecualikan sesuatu kawasan dalam mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini atau daripada mana-mana undang-undang kecil.

(5) Jika dalam sesuatu pemberitahuan yang dibuat di bawah subseksyen (2) adalah dinyatakan bahawa bahagian atau bahagian-bahagian daripada Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa, Pihak Berkuasa Negeri boleh menyatakan dalam pemberitahuan itu juga peruntukan manakah daripada undang-undang yang disebutkan dalam seksyen 166 yang hendak dimansuhkan.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Ahli Majlis” berhubungan dengan sesuatu pihak berkuasa tempatan, ertinya seseorang yang dilantik di bawah Akta ini untuk berkhidmat dalam pihak berkuasa tempatan itu dan termasuklah Datuk Bandar atau Yang Dipertuanya;

“bangunan” termasuklah sesebuah rumah, pondok, syed atau kepungan beratap, sama ada digunakan bagi maksud kediaman manusia atau selainnya, dan juga sesuatu tembok, pagar, pelantar, tangki bawah tanah, pementasan, get, tiang, pilar, paling, bingkai, papan dendeng, pelancar, limbungan, dermaga, tembok sambut, jeti, pentas pengkalan, kolam renang, jambatan, landasan keretapi, talian penghantaran, kabel, talian redifusyen, talian paip atas atau bawah tanah, atau apa-apa rangka bina lain, tupang atau asas;

“bangunan sementara” ertinya bangunan yang dikelaskan sebagai bangunan sementara di bawah undang-undang kecil bangunan;

“Datuk Bandar” ertinya orang yang pada masa ini menjalankan kewajipan jawatan Datuk Bandar sesuatu Majlis Bandaraya dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Datuk Bandar;

“dokumen hakmilik” ertinya geran, pajakan tanah Kerajaan, sijil hakmilik, hakmilik bersyarat, catatan dalam daftar Mukim, pajakan lombong atau sijil perlombongan dan dokumen lain yang membuktikan hakmilik atau pendaftaran tanah, yang disimpan oleh Pendaftar Hakmilik atau Pemungut Hasil Tanah;

“kacau ganggu” ertinya sesuatu perbuatan, peninggalan atau benda yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan bencana, kesusahan, kesalahan, kerosakan, bahaya atau kecacatan kepada deria penglihatan, bau atau pendengaran atau yang membencanakan atau berbahaya atau yang mungkin membencanakan atau berbahaya kepada kesihatan atau harta atau yang menjejaskan keselamatan atau hak penduduk umumnya;

“kemajuan” berhubungan dengan sesuatu pegangan, ertinya segala kerja yang dibuat atau segala bahan yang digunakan pada bila-bila masa pada atau untuk faedah pegangan itu oleh pemunya atau penduduknya dengan menggunakan modal atau tenaga diri setakat mana kerja yang dibuat atau bahan yang digunakan itu berkesan untuk menambah nilai pegangan itu;

“kumbahan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah *Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 [*Akta 508*];

“lebu” termasuklah sesuatu jalan, medan, siar kaki, jalan lalu atau jalan susur, sama ada jalan tembus atau tidak, di atas mana orang ramai berhak lalu, dan juga jalan di atas sesuatu jambatan, dan juga termasuklah sesuatu jalan, siar kaki atau jalan lalu, halaman terbuka atau jalan kecil terbuka, yang digunakan atau dicadang untuk digunakan sebagai suatu jalan masuk kepada dua buah pegangan atau lebih, sama ada orang ramai berhak lalu di atasnya atau tidak, dan semua saluran, parit dan longkang di sisi mana-mana lebu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada lebu itu;

*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*].

“Majlis Bandaraya” ertinya Majlis mana-mana Perbandaran yang telah diberi taraf Bandaraya;

“nilai tahunan” ertinya anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah dijangka akan diperolehi dari setahun ke setahun dari pegangan yang berkenaan jika disewakan, dengan tuan tanah membayar belanja bagi pembaikan, insurans, penyenggaraan atau pemeliharaan dan segala kadar dan cukai awam:

Dengan syarat bahawa—

- (a) pada menganggar nilai tahunan tiada apa-apa perkiraan boleh diambil tentang apa-apa sekatan atau kawalan ke atas sewa setakat mana sekatan atau kawalan itu menghadkan sewa yang mungkin dikehendaki oleh seseorang tuan tanah atau dituntut daripada seseorang penyewa sesuatu pegangan;
- (b) pada menganggar nilai tahunan sesuatu pegangan yang ada pada atau di atasnya apa-apa jentera yang digunakan bagi mana-mana atau semua daripada maksud yang berikut:
 - (i) membuat apa-apa benda atau sebahagian daripada sesuatu benda;
 - (ii) mengubah, membaiki, menghiasi atau menyiapkan apa-apa benda;
 - (iii) menyesuaikan apa-apa benda untuk jualan,

nilai tambahan yang diberi kepada pegangan itu oleh sebab adanya jentera itu tidak boleh diambil kira, dan bagi maksud perenggan ini “jentera” termasuklah, enjin stim, dandang atau kuasa gerak lain yang berkaitan dengan jentera itu;

- (c) mengenai mana-mana tanah—

- (i) yang sebahagiannya diduduki atau sebahagiannya ada apa-apa binaan di atasnya;
- (ii) yang kosong, tidak diduduki atau tidak ada apa-apa

binaan di atasnya;

- (iii) yang ada di atasnya suatu bangunan yang belum siap; atau
- (iv) yang ada di atasnya suatu bangunan yang telah diperakui oleh pihak berkuasa tempatan sebagai ditinggalkan atau buruk atau tidak layak untuk kediaman manusia,

nilai tahunan, mengenai subperenggan (i) ialah sama ada nilai tahunan sebagaimana ditakrifkan di dalam ini sebelum daripada ini atau sepuluh peratus dari nilainya dalam pasaran terbuka mengikut budi bicara mutlak Pegawai Penilai dan, mengenai subperenggan (ii), (iii) dan (iv), nilai tahunan ialah sepuluh peratus dari nilainya dalam pasaran terbuka seolah-olah, berhubungan dengan subperenggan (iii) dan (iv), ia adalah tanah kosong tanpa apa-apa bangunan di atasnya dan dalam segala hal pihak berkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengurangkan peratus itu hingga minimum lima peratus;

- (d) jika berkenaan dengan sesuatu pegangan tertentu, Pegawai Penilai berpendapat bahawa tidak ada keterangan yang cukup untuk membolehkan suatu penilaian dibuat berasaskan keterangan itu tentang nilai tahunan Pegawai Penilai boleh menggunakan apa-apa cara penilaian yang pada pendapatnya sesuai untuk menentukan nilai tahunan;

“nilai tambah” pegangan ertinya harga yang seorang pemunya sanggup dan tidak berkewajipan untuk menjual, boleh mengharap secara berpatutan mendapat daripada seorang pembeli yang sanggup membeli dengannya pemunya itu sedang berunding, tentang penjualan dan pembelian pegangan itu;

“pasar” ertinya sesuatu tempat awam yang biasanya digunakan untuk menjual haiwan atau daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran atau barang makanan manusia lain yang mudah musnah dan untuk menjual apa-apa pakaian atau barang dagangan lain dan termasuklah semua tanah dan premis yang digunakan dengan apa-apa cara bersama-sama, berkenaan atau bersangkutan dengannya;

“pegangan” ertinya mana-mana tanah yang ada atau tidak ada bangunan di atasnya, yang dipegang di bawah suatu dokumen hakmilik yang berasingan dan, mengenai bangunan yang dipecah bahagi, ertinya harta bersama dan mana-mana petaknya dan, mengenai Pulau Pinang dan Melaka, “pegangan” termasuklah mesuaj, bangunan, isemen dan hereditamen dari apa-apa pemegangan, sama ada terdedah atau terkepung, sama ada bangunan ada di atasnya atau tidak, sama ada awam atau persendirian, dan sama ada disenggara di bawah pihak berkuasa berkanun atau tidak;

“pegangan berkadar” ertinya sesuatu pegangan yang tertakluk kepada pembayaran sesuatu kadar yang dibuat atau dilevi di bawah Akta ini;

“Pegawai Kesihatan” ertinya pegawai yang pada masa ini menjalankan kewajipan seseorang Pegawai Kesihatan sesuatu pihak berkuasa tempatan dan termasuklah seseorang Penolong Pegawai Kesihatan;

“Pegawai Penilai” ertinya mana-mana Pegawai Penilai yang dilantik oleh pihak berkuasa tempatan;

“pemunya”—

(a) berhubungan dengan mana-mana tanah atau bangunan, ertinya tuan punya berdaftar tanah itu dan jika, pada pendapat pihak berkuasa tempatan, tuan punya berdaftar tanah itu tidak dapat dikesan, ertinya orang yang pada masa itu menerima sewa bagi premis yang berkaitan dengannya perkataan itu digunakan sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima atau yang akan menerima sewa itu jika premis itu disewakan kepada seorang penyewa; dan

(b) mengenai bangunan yang dipecah bahagi, termasuklah perbadanan pengurusan dan mana-mana tuan punya subsidiari;

“penduduk” ertinya orang yang menduduki premis yang mengenainya perkataan itu digunakan atau yang berkuasa menjaga,

mengurus atau mengawalnya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen seorang lain tetapi tidak termasuk seseorang penumpang;

“Pihak Berkuasa Negeri”—

- (a) berhubungan dengan Negeri-negeri Semenanjung Malaysia, ertinya Raja dalam Mesyuarat atau Gabenor dalam Mesyuarat sesebuah Negeri dan termasuklah di Negeri Sembilan Yang di-Pertuan Besar yang bertindak bagi pihak dirinya sendiri dan Pembesar-pembesar Memerintah; dan
- (b) berhubungan dengan Wilayah Persekutuan, ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi kerajaan tempatan;

“pihak berkuasa tempatan” ertinya mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah, mengikut mana-mana berkenaan, dan berhubungan dengan Wilayah Persekutuan ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*];

“Senarai Nilai” ertinya senarai nilai yang disediakan di bawah Akta ini;

“Setiausaha” ertinya Ketua Pegawai Pentadbir yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai yang pada masa ini menjalankan kewajipan Ketua Pegawai Pentadbir dengan sah di sisi undang-undang;

“tanah” termasuklah benda yang bercantum kepada bumi atau yang terpasang dengan kekalnya kepada sesuatu yang bercantum kepada bumi;

“tanda langit” ertinya apa-apa binaan yang terdiri daripada suatu bingkai, papan dendeng, papan, bar, pilar, tiang, dawai atau sesuatu gabungan daripada benda-benda itu, atau apa-apa binaan yang serupa itu, atau apa-apa benda boleh dilihat yang terapung atau yang ditetapkan kedudukannya dengan ikatan dawai atau dengan alat lain yang boleh dilentur, yang ditunjukkan bagi maksud iklan perdagangan atau profesion dalam sesuatu kedudukan supaya boleh mudah dilihat berlatarkan langit dari mana-mana lebu atau tempat awam;

“tempat awam” ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan, sama ada terkepung atau tidak, yang dikhas atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa;

“undang-undang kecil” berhubungan dengan sesuatu pihak berkuasa tempatan ertinya mana-mana undang-undang kecil yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan itu di bawah mana-mana kuasa yang diberi kepada pihak berkuasa tempatan itu bagi maksud itu oleh mana-mana daripada peruntukan Akta ini atau yang berkuat kuasa menurut peruntukan Akta ini;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa ini menjalankan kewajipan jawatan Yang Dipertua suatu Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Pengisytiharan dan penetapan taraf kawasan pihak berkuasa tempatan

3. Bagi pentadbiran kerajaan tempatan di bawah Akta ini, Pihak Berkuasa Negeri, dengan berunding dengan Menteri dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*—

- (a) mengisytiharkan mana-mana kawasan dalam Negeri itu menjadi suatu kawasan pihak berkuasa tempatan;
- (b) memberi suatu nama kepada kawasan pihak berkuasa tempatan itu;
- (c) menentukan sempadan bagi kawasan pihak berkuasa tempatan itu; dan
- (d) menetapkan taraf pihak berkuasa tempatan bagi kawasan pihak berkuasa tempatan itu dan taraf itu adalah taraf Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah.

Penukaran nama dan taraf, dan pengubahan sempadan

4. (1) Pihak Berkuasa Negeri, dengan berunding dengan pihak berkuasa tempatan, boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menukar nama mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan.

(2) Pihak Berkuasa Negeri, dengan berunding dengan Menteri dan pihak berkuasa tempatan, boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menukar taraf sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan.

(3) Pihak Berkuasa Negeri, dengan berunding dengan Menteri dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengubah sempadan mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan.

Percantuman dua atau lebih pihak berkuasa tempatan

5. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan bahawa mulai dari sesuatu tarikh sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu dua atau lebih pihak berkuasa tempatan yang disebutkan dalam perintah itu hendaklah dicantumkan dan pihak-pihak berkuasa tempatan yang dicantumkan sedemikian hendaklah mulai dari tarikh itu disebut sebagai satu pihak berkuasa tempatan yang dikenali dengan sesuatu nama sebagaimana yang ditetapkan, dan hendaklah ditadbirkan oleh suatu pihak berkuasa tempatan sebagaimana yang dinyatakan, dalam perintah tersebut.

(2) Sebelum membuat sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah berunding dengan Menteri dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya.

Pewarisan hak, tanggungan, dan kewajipan

6. Segala hak, tanggungan dan kewajipan berhubungan dengan apa-apa perkara yang sebelum sahaja penubuhan pihak berkuasa tempatan di bawah seksyen 3 atau percantuman pihak berkuasa tempatan di bawah seksyen 5 adalah tanggungjawab Majlis Tempatan, Lembaga Bandaran,

Majlis Bandaran, Majlis Daerah, Lembaga Luar Bandar, Majlis Perbandaran, Majlis Bandar Raya atau Lembaga Pengurusan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, selepas penubuhan atau percantuman itu, berpindah kepada pihak berkuasa tempatan itu dan dalam apa-apa tindakan undang-undang yang belum selesai pada tarikh penubuhan atau percantuman itu hendaklah diganti satu pihak dengan suatu pihak lain sebagaimana yang perlu memandangkan kepada apa-apa pemindahan hak, tanggungan atau kewajipan yang tersebut di atas; dan bagi menghapuskan apa-apa keraguan, adalah dengan ini dinyatakan bahawa semua pegawai dan pekhidmat Majlis Tempatan, Lembaga Bandaran, Majlis Bandaran, Majlis Daerah, Lembaga Luar Bandar, Majlis Perbandaran, Majlis Bandaraya atau Lembaga Pengurusan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, selepas penubuhan atau percantuman itu, menjadi pegawai dan pekhidmat pihak berkuasa tempatan itu.

Akta ini dipeluas ke kawasan bukan pihak berkuasa tempatan

7. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengenakan dengan apa-apa ubahsuaian yang difikirkan patut mana-mana daripada peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil kepada mana-mana kawasan yang terletak dalam Negeri itu yang tidak terkandung sama ada kesemuanya atau sebahagiannya dalam mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan dan dengan itu semua peruntukan dan undang-undang kecil yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu hendaklah, tertakluk kepada ubahsuaian seperti tersebut di atas, mula berkuat kuasa dalam kawasan yang kepadanya ia telah dikenakan itu.

(2) Jika di bawah subseksyen (1), mana-mana daripada peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil telah dikenakan kepada mana-mana kawasan Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik seorang atau beberapa orang, sama ada atas nama atau atas jawatan, untuk menjalankan dan melaksanakan dalam kawasan itu semua atau mana-mana daripada kuasa dan kewajipan yang diberi atau ditanggungkan oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang kecil kepada atau ke atas pihak berkuasa tempatan itu atau mana-mana daripada pegawainya.

Pentadbiran kawasan pihak berkuasa tempatan

8. Hal ehwal tiap-tiap kawasan pihak berkuasa tempatan hendaklah ditadbirkan oleh suatu pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan oleh dan mengikut Akta ini:

Dengan syarat bahawa jika pemakaian Akta ini bagi Wilayah Persekutuan terdapat apa-apa percanggahan antara Akta ini dengan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 itu hendaklah dipakai.

Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk memberi arahan

9. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa memberi kepada pihak berkuasa tempatan arahan am, dan yang tidak berlawanan dengan Akta ini, mengenai dasar yang hendak diikuti dalam menjalankan kuasa yang diberi dan kewajipan yang dikenakan oleh atau di bawah Akta ini kepada atau ke atas pihak berkuasa tempatan itu berhubungan dengan perkara yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri menyentuh kepentingan kawasan pihak berkuasa tempatan itu, dan pihak berkuasa tempatan itu hendaklah menguatkuasakan semua arahan itu dengan seberapa segera yang boleh.

(2) Pihak berkuasa tempatan itu hendaklah memberi kepada Pihak Berkuasa Negeri apa-apa penyata, akaun dan maklumat lain yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa berkenaan dengan harta dan aktiviti pihak berkuasa tempatan itu.

Anggota Majlis

10. (1) Pihak berkuasa tempatan hendaklah terdiri daripada—

(a) Datuk Bandar atau Yang Dipertua; dan

(b) tidak kurang daripada lapan dan tidak lebih daripada dua puluh empat orang Anggota Majlis lagi,

yang akan dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Anggota Majlis pihak berkuasa tempatan hendaklah dilantik dari antara orang yang bilangan terbesar daripada mereka hendaklah orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu dan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan atau yang telah memperoleh kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, atau pun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan komuniti mereka dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu.

(3) Tempoh jawatan bagi setiap seorang Anggota Majlis tidak boleh lebih daripada tiga tahun.

(4) Kerusi seseorang Anggota Majlis hendaklah menjadi kosong jika sekiranya peletakan jawatannya diterima, jika dia hilang kelayakan di bawah subseksyen 34(7) atau jika pelantikannya dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(5) Apabila kerusi seseorang Anggota Majlis menjadi kosong, Datuk Bandar atau Yang Dipertua hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Negeri dengan segera.

(6) Seseorang Anggota Majlis adalah layak dilantik semula apabila tamat tempoh jawatannya.

(7) Jika Datuk Bandar atau Yang Dipertua tidak bersetuju dengan Anggota Majlis yang lain itu tentang penjalanan mana-mana daripada kuasanya atau kuasa pihak berkuasa tempatan itu, dia hendaklah merujukkan perkara itu kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri itu dan keputusan Menteri Besar atau Ketua Menteri itu atas perkara itu adalah muktamad dan mengikat pihak berkuasa tempatan itu.

(8) Datuk Bandar atau Yang Dipertua boleh membenarkan Anggota Majlis tidak menghadiri mesyuarat selama tempoh dan atas apa-apa syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(9) Setiap seorang Anggota Majlis dan seseorang yang dilantik ke sesuatu jawatankuasa di bawah seksyen 28 hendaklah dibayar gaji

atau boleh dibayar elaun mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pengakuan oleh Anggota Majlis sebelum memegang jawatan

11. Seseorang Anggota Majlis tidak boleh bertindak dalam jawatan Anggota Majlis melainkan jika dia telah membuat dan menandatangani di hadapan pihak berkuasa tempatan itu suatu pengakuan menerima jawatan dalam Borang A dalam Jadual Pertama kepada Akta ini dan pengakuan itu adalah dikecualikan daripada duti setem.

Anggota Majlis dikecualikan daripada berkhidmat sebagai pengapit hakim atau ahli juri

12. Tiada seorang pun Anggota Majlis bertanggungjawab untuk berkhidmat sebagai pengapit hakim atau sebagai ahli juri.

Pihak berkuasa tempatan adalah perbadanan

13. Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan adalah suatu pertubuhan perbadanan dan adalah kekal turun-menurun dan hendaklah mempunyai suatu meterai yang mana boleh diubah dari semasa ke semasa dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman, memperoleh, memegang dan menjual harta dan amnya boleh melaku dan menjalankan apa-apa perbuatan dan perkara yang boleh dilaku dan dijalankan di sisi undang-undang oleh pertubuhan perbadanan.

Meterai perbadanan

14. (1) Meterai Perbadanan sesuatu pihak berkuasa tempatan hendaklah disimpan oleh Setiausaha dan penggunaannya hendaklah disahkan dengan tandatangan Datuk Bandar atau Yang Dipertua, seorang Anggota Majlis dan Setiausaha.

(2) Meterai itu hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan terhenti mempunyai kesan

15. (1) Walau apapun yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, semua peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah terhenti berkuat kuasa atau mempunyai kesan.

(2) Semua Anggota Majlis yang memegang jawatan sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini adalah serta-merta terhenti memegang jawatan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “Anggota Majlis” ertinya—

- (a) Anggota Lembaga Pengurusan yang dilantik di bawah subseksyen 4(1) *Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-Peruntukan Sementara) 1973;
- (b) Anggota Majlis atau Pesuruhjaya Majlis-Majlis Perbandaran;
- (c) Anggota Majlis bagi Majlis Bandaran, Majlis Daerah atau Majlis Daerah Luar Bandar; dan
- (d) Anggota bagi Lembaga Bandaran atau Majlis Tempatan.

BAHAGIAN III**PEGAWAI DAN PEKERJA PIHAK BERKUASA TEMPATAN****Senarai jawatan**

16. (1) Pihak berkuasa tempatan hendaklah, sekali dalam tiap-tiap tahun sebelum atau pada masa mengemukakan Belanjawan Pihak Berkuasa Tempatan itu kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 55, mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusannya suatu senarai jawatan yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa tempatan itu bagi maksud Akta ini dengan gaji dan elaun, jika ada, yang dicadang hendak diberi kepada jawatan itu masing-masing.

*CATATAN—Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) 1973 dimansuhkan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]—lihat seksyen 166.

(2) Senarai itu, apabila diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, hendaklah terus berkuat kuasa sehingga suatu senarai baru diluluskan dengan cara yang sama.

(3) Pihak berkuasa tempatan boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusannya apa-apa perubahan dan tambahan dalam dan kepada senarai itu, dan perubahan dan tambahan itu, apabila diluluskan, hendaklah mempunyai kuat kuasa yang sama seolah-olah ia telah dimasukkan dalam senarai itu.

(4) Datuk Bandar Kuala Lumpur, mengenai Wilayah Persekutuan, atau Datuk Bandar atau Yang Dipertua atau wakilnya yang mana hendaklah seorang Anggota Majlis, Setiausaha dan seorang lagi Anggota Majlis, mengenai pihak berkuasa tempatan lain, boleh melantik orang itu ke jawatan yang ditunjukkan dalam senarai yang diluluskan sedemikian dan boleh menurunkan pangkat atau membuang orang itu dari jawatan dan boleh melantik orang lain bagi menggantikan mereka:

Dengan syarat bahawa penurunan pangkat atau pembuangan seseorang Ketua Jabatan atau Timbalannya dari jawatannya tidak boleh berkuat kuasa sehingga penurunan pangkat atau pembuangan itu telah disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri:

Dengan syarat selanjutnya bahawa tiada seorang pun pegawai atau pekerja boleh diturunkan pangkat atau dibuang tanpa diberi peluang yang berpatutan untuk didengar.

Kuasa pihak berkuasa tempatan bagi mengadakan tatatertib, dsb., bagi pegawainya

17. (1) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, dari semasa ke semasa membuat kaedah-kaedah bagi maksud mengekalkan kelakuan baik dan tatatertib antara pegawai dan pekerja dan boleh mengenakan apa-apa hukuman ke atas mana-mana pegawai atau pekerja itu yang bersalah kerana salah laku atau melanggar kewajipannya dalam menjalankan tugas rasminya:

Dengan syarat bahawa tiada sesuatu hukuman boleh dikenakan ke atas mana-mana Ketua Jabatan atau Timbalannya tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Pihak berkuasa tempatan itu boleh menggantung daripada kewajipan mana-mana pegawai atau pekerja yang dituduh melakukan salah laku atau pelanggaran terhadap kewajipan pada menjalankan tugas rasminya, dan jika semasa digantung sedemikian pegawai atau pekerja itu adalah dipecat daripada jawatannya hendaklah dibayar kepadanya bagi tempoh penggantungan itu sebahagian sahaja daripada gaji jawatannya yang mana tidak boleh kurang daripada setengah mengikut sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan itu.

(3) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, dari semasa ke semasa membuat kaedah-kaedah bagi mengadakan peraturan mengenai kelulusan, pemegangan jawatan, kewajipan dan syarat perkhidmatan, termasuk perkara yang berhubungan dengan faedah bersalin, hari rehat, waktu kerja, lebih masa, hari kelepasan, cuti, faedah pengurangan kakitangan dan persaraan, bagi pegawai dan pekerjanya.

(4) Seksyen ini hendaklah mempunyai kuat kuasa walau apa pun peruntukan Akta Pekerjaan 1955 [*Akta 265*].

Kumpulan Wang Bekal Tua atau Kumpulan Wang Simpanan

18. (1) Sesuatu pihak berkuasa tempatan, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, boleh membuat kaedah-kaedah—

- (a) bagi menubuhkan suatu Kumpulan Wang Bekal Tua atau Kumpulan Wang Simpanan;
- (b) bagi memperuntukkan bayaran atau elaun lain bagi orang yang telah bekerja dengan pihak berkuasa tempatan itu apabila mereka mati, diberhentikan kerana tua, meletakkan jawatan, bersara atau diberhentikan; dan

- (c) bagi pencaruman wang oleh pihak berkuasa tempatan itu untuk Kumpulan Wang Bekal Tua atau Kumpulan Wang Simpanan itu.

(2) Tiada apa-apa pembayaran atau elaun lain yang dibuat atau diberi kepada orang daripada suatu Kumpulan Wang Bekal Tua atau Kumpulan Wang Simpanan apabila mereka mati, diberhentikan kerana tua, meletakkan jawatan, bersara atau diberhentikan dan juga tiada apa-apa hak mana-mana pencarum yang diperoleh di bawahnya, boleh diserahkan hak atau dipindah milik atau boleh ditahan, diasingkan atau dilevi untuk atau mengenai apa-apa jua hutang atau tuntutan.

(3) Seseorang boleh dengan suatu memorandum yang ditandatangani melantik seorang atau beberapa orang penama bagi wang yang kena dibayar apabila dia mati daripada suatu Kumpulan Wang Bekal Tua atau Kumpulan Wang Simpanan dan boleh membuat peruntukan bagi pelantikan seorang atau beberapa orang penama baru bagi wang itu dan bagi pelaburannya.

(4) Resit daripada seorang penama atau penama yang telah dilantik dengan sewajarnya atau jika sekiranya tidak ada apa-apa pelantikan sedemikian resit daripada wakil diri di sisi undang-undang bagi seseorang yang telah mati adalah menjadi suatu yang melepaskan tanggungan pihak berkuasa tempatan itu bagi apa-apa wang yang kena dibayar apabila orang itu mati daripada suatu Kumpulan Wang Bekal Tua atau Kumpulan Wang Simpanan.

(5) Semua Kumpulan Wang Bekal Tua atau Kumpulan Wang Simpanan yang ditubuhkan dengan sewajarnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan oleh Akta ini hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan kesan yang sepenuhnya seolah-olah Kumpulan Wang itu telah ditubuhkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini tetapi tanpa menyentuh apa-apa hak yang terakru atau apa-apa tanggungan yang telah dilakukan atau apa-apa perbuatan atau perkara yang telah dilakukan sebelum daripada pemansuhan itu.

BAHAGIAN IV

PENJALANAN URUSAN

Pejabat pihak berkuasa tempatan

19. Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan hendaklah mengadakan suatu pejabat dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu untuk menjalankan urusannya.

Mesyuarat biasa

20. Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan hendaklah mengadakan suatu mesyuarat biasa bagi menjalankan urusannya pada hari dan waktu yang ditetapkan olehnya dari semasa ke semasa, tetapi tidak kurang daripada sekali sebulan.

Mesyuarat khas

21. (1) Datuk Bandar atau Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa dan hendaklah, atas permintaan bertulis daripada tidak kurang satu pertiga daripada Anggota Majlis, memanggil suatu mesyuarat khas pihak berkuasa tempatan, dan hari yang ditetapkan untuk mesyuarat itu hendaklah dalam masa empat belas hari dari permintaan itu disampaikan.

(2) Notis mengenai sesuatu mesyuarat khas hendaklah menyatakan tujuan mesyuarat itu, dan tiada apa-apa perkara yang lain daripada perkara yang dinyatakan dalam notis itu boleh dibincangkan dalam mesyuarat itu.

Notis mengenai mesyuarat

22. Notis mengenai masa dan tempat bagi tiap-tiap mesyuarat pihak berkuasa tempatan hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap orang Anggota Majlis sama ada kepadanya sendiri atau dengan meninggalkannya di tempat tinggalnya yang biasa atau di alamat

urusannya tidak kurang daripada dua puluh empat jam sebelum mesyuarat itu:

Dengan syarat bahawa ketinggalan yang tidak sengaja daripada menyampaikan notis itu tidak akan menyentuh sahnyanya sesuatu mesyuarat.

Mesyuarat pihak berkuasa tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai

23. Semua mesyuarat pihak berkuasa tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai dan kepada wakil akhbar melainkan jika selainnya diputuskan oleh pihak berkuasa tempatan itu dengan ketetapan dalam mesyuarat itu:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak boleh dipakai bagi mana-mana Jawatankuasa pihak berkuasa tempatan itu melainkan jika selainnya diputuskan oleh Jawatankuasa itu dengan ketetapan.

Kuorum

24. (1) Kuorum yang perlu bagi menjalankan urusan dalam sesuatu mesyuarat khas pihak berkuasa tempatan ialah setengah daripada bilangan penuh Anggota Majlisnya tidak termasuk mana-mana kerusi yang kosong dan jika bilangan Anggota Majlis tidak boleh dibahagi dengan dua, kuorum yang perlu ialah setengah daripada bilangan yang lebih kecil sebelum sahaja daripadanya.

(2) Kuorum yang perlu bagi menjalankan urusan dalam sesuatu mesyuarat biasa pihak berkuasa tempatan ialah satu pertiga daripada bilangan penuh Anggota Majlisnya tidak termasuk mana-mana kerusi yang kosong dan jika bilangan Anggota Majlis itu tidak boleh dibahagi dengan tiga, kuorum yang perlu ialah satu pertiga daripada bilangan yang lebih kecil sebelum sahaja daripadanya yang boleh dibahagi dengan tiga.

(3) Jika dalam sesuatu mesyuarat khas atau biasa pihak berkuasa tempatan kuorum tidak ada mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan

kepada suatu hari lain sebagaimana ditetapkan oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua, dan urusan yang sepatutnya telah dibawa dalam mesyuarat yang asal itu, jika sekiranya kuorum ada, hendaklah dibawa dan dijalankan dalam mesyuarat tangguhan itu sama ada kuorum ada atau tidak dalam mesyuarat itu.

Pengerusi mesyuarat

25. (1) Pada tiap-tiap mesyuarat pihak berkuasa tempatan, Datuk Bandar atau Yang Dipertua atau jika dia tidak hadir Timbalan Datuk Bandar atau Timbalan Yang Dipertua jika hadir, hendaklah menjadi Pengerusi.

(2) Jika Datuk Bandar atau Yang Dipertua dan Timbalan Datuk Bandar atau Timbalan Yang Dipertua kedua-duanya tidak hadir dalam mesyuarat itu, Anggota Majlis yang hadir hendaklah memilih seorang dari kalangan mereka untuk menjadi Pengerusi mesyuarat itu.

Undi lebih suara memutuskan

26. (1) Kecuali ditetapkan selainnya semua soal yang dibawa ke dalam mana-mana mesyuarat pihak berkuasa tempatan hendaklah diputuskan dengan undi lebih suara Anggota Majlis yang hadir.

(2) Jika bilangan undi sama banyaknya Pengerusi dalam mesyuarat itu adalah berhak memberi suatu undi kedua atau undi pemutus.

Minit hendaklah disimpan mengenai segala perjalanan

27. (1) Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan hendaklah menyebabkan supaya minit dibuat dengan sewajarnya dari semasa ke semasa mengenai semua perjalanan pihak berkuasa tempatan itu dan perjalanan tiap-tiap Jawatankuasa yang dilantik olehnya, termasuk nama semua Anggota Majlis yang hadir, dan nama semua Anggota Majlis yang mengundi atas sesuatu soal yang diputuskan dengan mengadakan suatu pembahagian undi.

(2) Semua minit hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat.

(3) Minit semua perjalanan pihak berkuasa tempatan hendaklah disimpan di pejabat pihak berkuasa tempatan dan hendaklah pada setiap masa yang munasabah terbuka untuk diperiksa oleh mana-mana Anggota Majlis atau pembayar kadar kawasan pihak berkuasa tempatan itu dan oleh mana-mana pegawai Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dalam mana terletak kawasan pihak berkuasa tempatan itu, mana-mana di antara mereka boleh pada setiap masa yang munasabah membuat suatu salinan mengenai mana-mana bahagian minit itu tanpa bayaran:

Dengan syarat bahawa minit perjalanan mana-mana Jawatankuasa tidak boleh terbuka untuk diperiksa oleh seseorang pembayar kadar melainkan jika pihak berkuasa tempatan itu mengarahkan sebaliknya.

(4) Minit perjalanan dalam suatu mesyuarat pihak berkuasa tempatan atau mesyuarat sesuatu Jawatankuasa yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pengerusi bagi mesyuarat dalam mana minit itu ditandatangani hendaklah diterima sebagai keterangan tanpa bukti lagi dan, tertakluk kepada semua kecualian yang patut, hendaklah menjadi keterangan mengenai perkara yang dinyatakan di dalamnya.

Pelantikan Jawatankuasa

28. Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan boleh dari semasa ke semasa melantik Jawatankuasa, sama ada dari jenis am atau khas, terdiri daripada seorang Pengerusi dan sesuatu bilangan Anggota Majlis dan beberapa orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan itu, bagi maksud memeriksa dan melaporkan apa-apa perkara atau menjalankan apa-apa perbuatan yang pada pendapat pihak berkuasa tempatan itu akan lebih sesuai dijalankan dengan cara suatu Jawatankuasa, dan boleh mewakilkan kepada mana-mana Jawatankuasa apa-apa kuasa yang difikirkannya patut melainkan kuasa untuk mendapatkan wang melalui kadar atau pinjaman, dan boleh menetapkan kuorum bagi mana-mana Jawatankuasa itu.

Perintah tetap untuk mengawal selia perjalanan pihak berkuasa tempatan

29. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiap-tiap pihak berkuasa tempatan boleh dari semasa ke semasa membuat perintah tetap untuk mengawal selia perjalanannya dan perjalanan mana-mana Jawatankuasanya, bagi mengekalkan ketenteraman dalam mesyuarat-mesyuaratnya atau dalam mesyuarat mana-mana Jawatankuasanya dan bagi mengatur kewajipan Anggota Majlis dan perjalanan hal ehwal pihak berkuasa tempatan itu.

Kuasa luar biasa dalam perkara kecemasan

30. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Bandar atau Yang Dipertua, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengarahkan supaya dilaksanakan dengan segera apa-apa kerja atau dilakukan apa-apa perbuatan untuk keselamatan nyawa atau harta, dan boleh mengarahkan supaya belanja mengenainya dibayar daripada Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan dan hendaklah melaporkan hal yang demikian itu pada mesyuarat pihak berkuasa tempatan itu yang pertama berikut.

Keesahan perbuatan pegawai pihak berkuasa tempatan

31. (1) Semua perbuatan pihak berkuasa tempatan atau perbuatan mana-mana orang yang bertindak sebagai Datuk Bandar atau Yang Dipertua, Anggota Majlis, Setiausaha atau seseorang lain pegawai pihak berkuasa tempatan adalah sah dan berkesan seolah-olah orang itu telah dilantik dan berkelayakan dengan sewajarnya walaupun didapati ada sesuatu kecacatan dalam pelantikan mana-mana orang itu atau walaupun mana-mana orang itu telah hilang kelayakan.

(2) Tiada apa-apa jua yang dilakukan di bawah Akta ini boleh menjadi tidak sah semata-mata oleh sebab bilangan Anggota Majlis dalam sesuatu pihak berkuasa tempatan adalah kurang daripada bilangan yang ditetapkan.

Pengesahan dan penyempurnaan dokumen

32. Tiap-tiap notis, perintah, waran, lesen, resit atau dokumen lain seumpamanya yang dikeluarkan atau yang memerlukan pengesahan oleh suatu pihak berkuasa tempatan hendaklah disifatkan sebagai disahkan dengan cukupnya tanpa meterai pihak berkuasa tempatan itu jika ditandatangani oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Bandar atau Yang Dipertua, Setiausaha atau oleh mana-mana lain pegawai pihak berkuasa tempatan itu yang diberi kuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Bandar atau Yang Dipertua, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau oleh mana-mana perintah tetap atau undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan itu.

Pengecualian Anggota Majlis, dsb., daripada tanggungan sendiri

33. Tiada sesuatu perkara atau hal yang dilakukan atau tidak dilakukan dan tiada sesuatu kontrak yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan, dan tiada sesuatu perkara atau hal yang dilakukan atau tidak dilakukan oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua, Anggota Majlis, pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan atau orang lain yang bertindak di bawah arahan pihak berkuasa tempatan boleh, jika perkara atau hal itu telah dilakukan atau tidak dilakukan atau kontrak itu telah dibuat dengan suci hati bagi maksud Akta ini atau bagi maksud mana-mana undang-undang kecil yang berkuat kuasa dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu, menjadikan orang atau orang-orang itu secara sendiri atau bersesama tertakluk kepada apa-apa jua guaman, tanggungan, tuntutan atau desakan; dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang itu hendaklah dibayar oleh pihak berkuasa tempatan daripada Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan.

Hilang upaya Anggota Majlis bagi mengundi oleh kerana ada mempunyai kepentingan dalam kontrak, dsb.

34. (1) Jika seseorang Anggota Majlis ada mempunyai sesuatu kepentingan wang, secara langsung atau secara tidak langsung, dalam sesuatu kontrak atau kontrak yang dicadangkan atau perkara lain, dan dia

hadir dalam sesuatu mesyuarat pihak berkuasa tempatan itu atau mesyuarat mana-mana jawatankuasa pihak berkuasa tempatan itu dalam mana kontrak atau perkara lain itu adalah menjadi perkara pertimbangan, dia hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas mesyuarat itu dimulakan, menzahirkan hal itu, dan hendaklah menarik diri daripada mesyuarat itu semasa kontrak atau perkara itu ditimbangkan:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak boleh dipakai bagi sesuatu kepentingan dalam sesuatu kontrak atau perkara lain yang seorang Anggota Majlis mungkin ada mempunyai sebagai seorang pembayar kadar atau sebagai penduduk kawasan pihak berkuasa tempatan itu, atau sebagai seorang pengguna biasa air, gas, elektrik atau perkhidmatan lain pihak berkuasa tempatan atau bagi sesuatu kepentingan dalam apa-apa perkara berhubungan dengan syarat-syarat atas mana hak untuk mengambil bahagian dalam apa-apa perkhidmatan pihak berkuasa tempatan, termasuk bekalan barang-barang, ada ditawarkan kepada orang ramai.

(2) Bagi maksud seksyen ini seseorang Anggota Majlis hendaklah dikira sebagai ada mempunyai suatu kepentingan wang secara tidak langsung dalam sesuatu kontrak atau perkara lain, jika—

- (a) dia atau mana-mana penamanya adalah seorang anggota bagi suatu syarikat atau badan lain yang dengannya kontrak itu dibuat atau dicadang hendak dibuat atau yang ada mempunyai suatu kepentingan wang secara langsung dalam perkara lain yang sedang ditimbangkan itu; atau
- (b) dia adalah seorang pekongsi, atau bekerja untuk, seseorang yang dengannya kontrak itu dibuat atau dicadang hendak dibuat atau yang ada mempunyai kepentingan wang secara langsung dalam perkara lain yang sedang ditimbangkan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidaklah terpakai bagi orang yang menjadi anggota, atau yang bekerja untuk, sesuatu badan awam.

(3) Mengenai orang yang berkahwin, kepentingan seorang suami isteri hendaklah, jika diketahui oleh suami isteri yang satu lagi itu, disifatkan bagi maksud seksyen ini sebagai juga suatu kepentingan suami isteri yang satu lagi itu.

(4) Suatu notis am yang diberi secara bertulis kepada Setiausaha oleh seseorang Anggota Majlis yang bermaksud bahawa Anggota Majlis itu atau suami isterinya adalah seorang anggota atau bekerja untuk suatu syarikat atau badan lain yang tertentu, atau bahawa Anggota Majlis itu atau suami isterinya adalah seorang pekongsi atau bekerja untuk seorang yang tertentu, hendaklah, melainkan jika notis itu ditarik balik, disifatkan sebagai suatu penzahiran yang cukup mengenai kepentingannya dalam sesuatu kontrak, kontrak yang dicadangkan, atau perkara lain berhubungan dengan syarikat atau badan lain itu atau berhubungan dengan orang itu, yang menjadi perkara pertimbangan selepas tarikh notis itu.

(5) Setiausaha hendaklah merekodkan dalam suatu buku yang hendak disimpan bagi maksud itu butir-butir penzahiran yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan butir-butir sesuatu notis yang diberi di bawah subseksyen (4), dan buku itu hendaklah terbuka pada setiap masa yang munasabah untuk diperiksa oleh mana-mana Anggota Majlis.

(6) Jika seseorang Anggota Majlis tidak mematuhi subseksyen (1), dia melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan selain daripada itu Mahkamah boleh membuat suatu perintah perlucuthakan mengenai apa-apa keuntungan yang telah terakru atau mungkin terakru kepadanya sebagai hasil dari kepentingan itu.

(7) Seseorang Anggota Majlis yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah sesudah itu hilang kelayakan daripada menjadi seorang Anggota Majlis seterusnya.

(8) Seseorang Anggota Majlis yang hilang kelayakan di bawah subseksyen (7) tidak boleh dilantik menjadi seorang Anggota Majlis bagi mana-mana pihak berkuasa tempatan.

(9) Sesuatu pendakwaan atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini tidak boleh dibawa kecuali dengan izin Pendakwa Raya.

(10) Bagi maksud seksyen ini “Anggota Majlis” termasuklah seseorang yang dilantik ke sesuatu jawatankuasa pihak berkuasa tempatan.

Sekatan

35. Tiada seorang pun Anggota Majlis boleh dengan sendirinya atau melalui pekongsi atau ejennya bertindak atas apa-apa sifat profesional bagi atau terhadap pihak berkuasa tempatan yang dia adalah seorang Anggota Majlisnya.

Kontrak

36. (1) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh membuat kontrak yang perlu untuk menyempurnakan mana-mana daripada tugasnya dengan syarat bahawa kontrak itu tidak melibatkan apa-apa perbelanjaan dalam tahun itu lebih daripada jumlah yang diperuntukkan dalam anggaran tahunan yang telah diluluskan bagi menyempurnakan tugas itu melainkan jika perbelanjaan itu adalah dibenarkan dalam tahun itu di bawah seksyen 56.

(2) Semua kontrak yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan itu atau oleh sesuatu jawatankuasanya bagi pihak berkuasa tempatan itu hendaklah dibuat mengikut perintah tetap pihak berkuasa tempatan itu dan mengenai kontrak untuk membekalkan barang atau bahan atau untuk menjalankan kerja, perintah tetap itu menghendaki bahawa—

- (a) kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya di dalamnya, tender hendaklah dipanggil mengikut cara yang ditetapkan dalam perintah itu; dan
- (b) tiada sesuatu kontrak yang memakan masa lebih lama daripada masa antara ia dibuat dengan akhir tahun kewangan boleh dibuat tanpa mendapat persetujuan pihak berkuasa tempatan itu terlebih dahulu.

Cara menyempurnakan kontrak lebih daripada sepuluh ribu ringgit

37. Tiap-tiap kontrak yang melibatkan perbelanjaan di pihak berkuasa tempatan lebih daripada sepuluh ribu ringgit hendaklah menyatakan—

- (a) kerja atau kewajipan yang hendak dijalankan;
- (b) bahan yang hendak digunakan;
- (c) harga yang hendak dibayar bagi kerja, kewajipan atau bahan itu;
- (d) tempoh atau tempoh-tempoh dalam masa bila kerja atau kewajipan itu hendak dilakukan atau bahan itu hendak dibekalkan; dan
- (e) ganti rugi kerana pelanggaran kontrak oleh kontraktor,

dan hendaklah dimeterai dengan meterai pihak berkuasa tempatan itu.

Pekerja tidak boleh mempunyai kepentingan dalam kontrak

38. Tiada seorang pun pegawai atau pekerja sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh dengan apa-apa cara ada mempunyai sangkut paut atau kepentingan dalam sesuatu kontrak atau kerja yang dibuat dengan atau dijalankan bagi pihak berkuasa tempatan itu tanpa pengetahuan dan persetujuan pihak berkuasa tempatan itu terlebih dahulu.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN AM KEWANGAN

Hasil pihak berkuasa tempatan

39. Hasil sesuatu pihak berkuasa tempatan adalah terdiri daripada—

- (a) semua cukai, kadar, sewa, bayaran lesen, dius dan wang lain atau caj yang kena dibayar kepada pihak berkuasa tempatan itu menurut peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (b) semua caj atau keuntungan yang terbit daripada apa-apa perdagangan, perkhidmatan atau pengusahaan yang

dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan itu di bawah kuasa yang terletak hak padanya;

- (c) semua bunga atas apa-apa wang yang dilaburkan oleh pihak berkuasa tempatan itu dan semua pendapatan yang terbit daripada harta alih dan tak alih pihak berkuasa tempatan itu; dan
- (d) semua hasil lain yang terakru kepada pihak berkuasa tempatan itu daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau daripada mana-mana badan berkanun, pihak berkuasa tempatan lain atau daripada mana-mana punca lain sebagai pemberian, sumbangan, derma kekal atau lain-lain.

Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan

40. (1) Semua wang yang diterima oleh pihak berkuasa tempatan menurut Akta ini atau menurut mana-mana undang-undang bertulis yang lain hendaklah menjadi suatu kumpulan wang yang dinamakan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan dan, bersama dengan semua harta yang terletak hak pada pihak berkuasa tempatan itu, hendaklah di bawah arahan dan kawalan pihak berkuasa tempatan itu.

(2) Semua wang yang diterima oleh pihak berkuasa tempatan itu berkenaan dengan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dimasukkan dalam akaun semasa atau akaun deposit dalam satu bank atau lebih yang dilesen di bawah Akta Bank Dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*].

(3) Semua perintah atau cek terhadap Kumpulan Wang yang tersebut itu hendaklah ditandatangani oleh dua orang pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh pihak berkuasa tempatan itu.

(4) Mana-mana wang itu boleh dilaburkan dalam mana-mana sekuriti yang pemegang amanah diberi kuasa melabur dalamnya atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri Kewangan.

Kuasa pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan pinjaman

41. (1) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang lain, sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh, melalui ketetapan dan dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, dari semasa ke semasa mendapatkan melalui pinjaman apa-apa amaun dengan apa-apa syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mana-mana daripada maksud yang berikut:

- (a) untuk membayar perbelanjaan yang dilakukan atau yang akan dilakukan bagi mana-mana daripada yang berikut:
 - (i) pengambilan tanah yang pihak berkuasa tempatan itu diberi kuasa mengambilnya;
 - (ii) mendirikan sesuatu bangunan yang pihak berkuasa tempatan itu ada kuasa mendirikan;
 - (iii) menjalankan sesuatu kerja tetap, mengadakan atau membaharui sesuatu loji atau mengadakan atau mengganti kereta; dan
- (b) untuk menjelaskan pinjaman yang sedia ada:

Dengan syarat bahawa pinjaman itu tidak boleh menjadikan hutang pihak berkuasa tempatan itu berjumlah lebih daripada lima kali nilai tahunan sebagaimana yang terdapat dalam Senarai Nilai semasa pihak berkuasa tempatan itu dan juga dengan syarat bahawa tempoh pembayaran balik pinjaman itu tidak boleh lebih daripada enam puluh tahun.

(2) Sebelum sesuatu ketetapan itu dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan itu suatu anggaran lengkap hendaklah dibuat mengenai kos projek yang dicadangkan itu dan yang atasnya wang yang dipinjam itu hendak dibelanjakan, kos tahunan untuk menyenggara projek itu, hasil tahunan yang akan didapati daripadanya, lamanya tempoh projek itu, dan cara pembayaran balik yang dicadangkan.

Kuasa pihak berkuasa tempatan mengeluarkan gadai janji atau stok debentur dan membuat peraturan-peraturan mengenainya

42. (1) Pihak berkuasa tempatan boleh memberi sekuriti bagi semua atau mana-mana wang yang dia diberi kuasa meminjam di bawah seksyen 41 dengan gadai janji atau gadaian atau dengan mengada dan mengeluarkan stok debentur.

(2) Syarat pengeluaran gadai janji, gadaian dan stok debentur hendaklah—

- (a) tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) diisytiharkan pada masa pengeluaran itu;
- (c) dicatatkan dalam daftar sekuriti itu,

dan suatu salinan bercetak bagi syarat itu hendaklah diberi kepada tiap-tiap pemunya sekuriti itu yang berkehendakkannya.

(3) Pihak berkuasa tempatan itu hendaklah membuat berkenaan dengan stok debentur yang dikeluarkan olehnya di bawah Akta ini peraturan-peraturan mengadakan peruntukan bagi—

- (a) bentuk prospektus yang hendak dikeluarkan;
- (b) bentuk bagi stok debentur itu atau bagi mana-mana daripadanya;
- (c) mengadakan dan menyenggara dalam bentuk yang ditetapkan suatu atau beberapa daftar bagi stok debentur itu dan pemunya pada masa itu;
- (d) pemeriksaan mana-mana daftar itu oleh orang ramai dan hal mendapatkan salinannya yang diperakui dan cabutan daripadanya;
- (e) pindah milik mana-mana stok debentur itu;

- (f) perpindahan hak milik bagi mana-mana sekuriti itu apabila pemunya hak milik itu mati, menjadi bankrap atau pun dengan kuat kuasa undang-undang;
- (g) membetulkan mana-mana daftar itu;
- (h) bayaran yang hendaklah dibayar oleh seseorang berkenaan dengan pengeluaran, pendaftaran, pindah milik atau perpindahan mana-mana sekuriti itu atau bagi pemeriksaan mana-mana daftar itu atau bagi hal mendapatkan sesuatu salinannya atau cabutan daripadanya; dan
- (i) pelantikan Pendaftar dan penanggung dan bayaran yang kena dibayar kepada mereka.

(4) Semua peraturan-peraturan itu hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk diluluskan dan, apabila diluluskan sedemikian hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(5) Sesuatu daftar yang disenggara di bawah peruntukan mana-mana peraturan itu adalah menjadi keterangan mengenai apa-apa perkara yang diarah atau dibenarkan olehnya supaya dicatatkan dalamnya dan, berkenaan dengan orang yang dicatatkan dalamnya sebagai pemunya stok debentur, daftar itu adalah menjadi keterangan mengenai hakmilik setiap seorang terhadap stok debentur itu.

Notis mengenai amanah, gadaian atau kepentingan lain tidak boleh diterima

43. Pihak berkuasa tempatan tidak terikat oleh notis, sama ada nyata, difahamkan atau ditafsirkan, mengenai sesuatu amanah, gadaian atau kepentingan lain, di sisi undang-undang atau di sisi ekuiti, yang dengannya seseorang yang lain daripada pemunya atau pemunya berdaftar pada masa itu boleh mendakwa sebagai ada mempunyai kepentingan dalam atau berhak kepada mana-mana sekuriti yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan itu.

Sekuriti hendaklah menjadi pelaburan amanah

44. (1) Seseorang pemegang amanah, wasi atau pentadbir, melainkan jika ditegah oleh wasiat atau surat cara surat cara lain yang di bawahnya dia bertindak itu, boleh melaburkan kumpulan wang amanah itu dalam sesuatu sekuriti yang dikeluarkan oleh sesuatu pihak berkuasa tempatan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan bagi maksud itu boleh menarik balik mana-mana kumpulan wang amanah yang telah dilaburkan dalam mana-mana sekuriti yang lain.

(2) Jika mana-mana pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun adalah dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang melaburkan wang dalam sekuriti Kerajaan Persekutuan, dia boleh melaburkan wang itu dalam mana-mana sekuriti yang dikeluarkan oleh sesuatu pihak berkuasa tempatan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Remedi kerana mungkir

45. (1) Jika pada bila-bila masa bunga yang kena dibayar atas sesuatu pinjaman, melainkan stok yang dipinjam oleh sesuatu pihak berkuasa tempatan di bawah Akta ini, adalah masih belum dibayar oleh pihak berkuasa tempatan itu selama tiga bulan selepas tuntutan bertulis disampaikan kepada pihak berkuasa tempatan itu oleh orang yang berhak kepadanya atau oleh wakilnya yang diberi kuasa olehnya dengan sewajarnya, permohonan boleh dibuat oleh orang atau wakilnya itu kepada Mahkamah Tinggi untuk pelantikan seorang penerima bagi harta dan hasil yang telah dijadikan sekuriti bagi pinjaman itu.

(2) Selepas mendengar permohonan itu Mahkamah itu boleh membuat apa-apa perintah dan memberi apa-apa arahan sebagaimana yang sesuai dalam hal keadaan itu untuk mendapatkan dan membayar wang yang kena dibayar itu, dan khususnya, Mahkamah itu boleh memerintahkan bahawa sesuatu kadar atau kadar-kadar bagi apa-apa amaun atau amaun-amaun yang ditetapkannya hendaklah dibuat dan dilevi ke atas semua harta berkadar dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu, dan kadar yang diperintahkan sedemikian itu adalah menimpakan beban sama seperti beban sesuatu kadar yang dikenakan oleh pihak berkuasa

tempatan itu dan boleh dikuatkuasakan dengan cara yang serupa, dan hasil kadar itu hendaklah dibayar kepada mahkamah itu atau pun sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah itu.

(3) Jika penjelasan bagi mana-mana pinjaman itu atau bagi sesuatu ansurannya tidak dibuat selepas tempoh tiga puluh hari dari tarikh pinjaman atau ansuran itu kena dijelaskan, tindakan yang serupa boleh diambil atas permohonan orang yang kepadanya penjelasan itu kena dibuat atau atas permohonan wakilnya yang diberi kuasa olehnya dengan sewajarnya.

(4) Atas permohonan itu, Mahkamah itu boleh, selain daripada apa-apa perintah yang dia diberi kuasa membuat di bawah subseksyen (2), memerintahkan dijual apa-apa harta yang telah dijadikan sekuriti bagi pinjaman itu, tertakluk sentiasa kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis tentang pemindahan mana-mana tanah yang terletak hak pada pihak berkuasa tempatan itu.

Kuasa meminjam bagi maksud khas

46. (1) Selain daripada kuasa meminjam yang diberi kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan oleh seksyen 41, dan tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang lain sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh, bagi maksud memajukan pengusahaan perumahan, perdagangan dan perindustrian, mendapatkan wang dengan cara pinjaman daripada mana-mana orang bagi apa-apa amaun, dengan apa-apa kadar bunga dan atas apa-apa syarat sebagaimana yang dipersetujui antara pihak berkuasa tempatan itu dengan orang itu dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Sesuatu pinjaman yang diberi kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan di bawah seksyen ini boleh, dengan jalan gadai janji pertama atau gadaian pertama atau dengan jalan debentur, bersekuritikan aset, dan hasil yang diperolehi daripada aset yang mengenainya wang itu dipinjam dan bukan bersekuritikan aset lain atau hasil pihak berkuasa tempatan itu.

(3) Seksyen 45 tidak boleh dipakai bagi pinjaman itu atau bagi apa-apa bunga yang kena dibayar di atasnya, tetapi pemegang gadai janji,

pemegang gadai atau pemegang debentur itu boleh menjalankan segera remedi di sisi undang-undang dan di sisi ekuiti yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dalam Negeri di mana pihak berkuasa tempatan itu terletak.

Pinjaman oleh Kerajaan

47. (1) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri boleh memberi pinjaman daripada hasilnya atau daripada wang lain yang diasing atau diperuntukkan dari semasa ke semasa bagi maksud itu kepada mana-mana pihak berkuasa tempatan dengan apa-apa kadar bunga dan atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut dikenakan yang akan dipatuhi oleh pihak berkuasa tempatan yang mendapatkan pinjaman itu, selain daripada terma dan syarat yang ditetapkan oleh undang-undang.

(2) Jika sesuatu pihak berkuasa tempatan tidak dapat membayar mana-mana wang yang kena dibayar mengenai sesuatu pinjaman yang diberi di bawah seksyen ini, Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri boleh, pada bila-bila masa selepas tamat enam puluh hari dari tarikh wang itu genap masanya dibayar dan kena dibayar, memerintahkan bahawa suatu kadar atau kadar-kadar bagi apa-apa amaun yang ditetapkannya hendaklah dibuat dan dilevi ke atas semua harta berkadar dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu dan kadar yang diperintahkan sedemikian itu adalah menimpakan beban sama seperti beban sesuatu kadar yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan itu dan boleh dikuatkuasakan dengan cara yang serupa, dan hasil kadar itu hendaklah dibayar kepada hasil am Persekutuan atau hasil am Negeri itu.

Pinjaman menjadi tanggungan pertama atas hasil dan aset

48. Tertakluk kepada apa-apa gadaian yang terdahulu, tiap-tiap pinjaman yang diberi di bawah seksyen 41 dan 47 hendaklah menjadi tanggungan yang pertama ke atas hasil dan aset pihak berkuasa tempatan yang mendapatkan pinjaman itu.

Pendahuluan dengan cara overdraf

49. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang lain sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh mendapatkan pendahuluan daripada sesuatu bank dari semasa ke semasa dengan cara overdraf dan sesuatu overdraf itu adalah memerlukan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, melainkan jika overdraf itu diliputi oleh deposit tetap dengan bank itu juga:

Dengan syarat bahawa segala wang yang didahulukan sedemikian oleh bank itu dan apa-apa bunganya hendaklah menjadi suatu hutang yang kena dibayar oleh pihak berkuasa tempatan itu dan hendaklah menjadi suatu tanggungan ke atas harta dan hasil pihak berkuasa tempatan itu, yang ada pada masa itu atau pada masa hadapan, dan subseksyen 47(2) hendaklah dipakai dalam serba perkara seolah-olah pendahuluan itu adalah pinjaman yang diberi di bawah seksyen 47.

Kumpulan wang penjelas

50. Pihak berkuasa tempatan hendaklah menubuhkan suatu kumpulan wang atau kumpulan wang penjelas mengenai mana-mana pinjaman yang telah didapatkan oleh atau diberi kepadanya dan hendaklah menyebabkan supaya dibayar kepada kumpulan wang atau kumpulan-kumpulan wang itu apa-apa jumlah wang pada tiap-tiap tahun untuk mengadakan penebusan bagi pinjaman itu atau apa-apa jumlah wang sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan pihak berkuasa tempatan itu tidak boleh menguntukkan apa-apa jumlah wang daripada kumpulan wang penjelas itu bagi apa-apa maksud lain tanpa persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

Pihak Berkuasa Negeri boleh memberi arahan mengenai kumpulan wang penjelas

51. Pihak Berkuasa Negeri boleh, menurut budi bicaranya, dari semasa ke semasa memberi arahan kepada pihak berkuasa tempatan itu tentang cara bagaimana wang dalam mana-mana kumpulan wang penjelas itu hendak atau boleh digunakan, dilabur atau dipindahkan kepada mana-mana kumpulan wang lain atau kepada aset am pihak berkuasa tempatan itu.

Kumpulan wang pembaharuan dan insurans

52. Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh dari semasa ke semasa mengadakan peruntukan bagi mengasingkan tiap-tiap tahun amaun untuk mewujudkan—

- (a) kumpulan wang pembaharuan yang cukup bagi mengganti seluruh atau sebahagian daripada aset pihak berkuasa tempatan itu, yang mana oleh sebab susutan atau sebab lain perlu diganti pada sesuatu masa yang akan datang; dan
- (b) kumpulan wang insurans untuk meliputi risiko atau untuk mengadakan peruntukan bagi luar jangka, iaitu tanggungan yang jika tidak ada kumpulan wang itu tetap kena dijelaskan oleh pihak berkuasa tempatan itu apabila jua risiko atau luar jangka itu berlaku;

BAHAGIAN VI**AKAUN DAN AUDIT****Akaun hendaklah disimpan**

53. Pihak berkuasa tempatan hendaklah mengarahkan buku dan akaun yang sepatutnya diadakan dan rekod yang benar dan teratur dicatatkan di dalamnya mengenai semua transaksi pihak berkuasa tempatan itu dan buku dan akaun itu hendaklah terbuka pada setiap masa yang munasabah dan selama tempoh yang munasabah untuk diperiksa oleh mana-mana Anggota Majlis dengan terlebih dahulu mendapat izin Datuk Bandar atau Yang Dipertua.

Tahun kewangan

54. (1) Bagi maksud Akta ini, tahun kewangan ialah dua belas bulan yang berakhir pada dan termasuk tiga puluh satu haribulan Disember setiap tahun.

(2) Akaun pihak berkuasa tempatan hendaklah dengan seberapa segera yang boleh diimbangkan bagi tahun kewangan yang lalu dan suatu penyata akaun tahunan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan itu hendaklah disediakan.

(3) Salinan penyata tahunan itu yang ditandatangani oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Bandar atau Yang Dipertua, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dibentangkan di hadapan pihak berkuasa tempatan itu tidak lewat daripada mesyuarat biasanya yang pertama dalam bulan Mei yang berikutnya, atau pada bila-bila masa selepasnya mengikut sebagaimana yang dibenarkan oleh pihak berkuasa tempatan itu.

(4) Penyata tahunan itu hendaklah disediakan mengikut apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Anggaran tahunan hendaklah diluluskan dan dipersetujui

55. (1) Pihak berkuasa tempatan hendaklah tidak lewat daripada sepuluh haribulan November setiap tahun meluluskan anggaran lengkap mengenai hasil dan perbelanjaan pihak berkuasa tempatan itu bagi tahun kewangan yang berikut selepas sahaja daripadanya.

(2) Anggaran itu hendaklah dalam apa-apa bentuk yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri dan hendaklah diluluskan dalam suatu mesyuarat khas pihak berkuasa tempatan itu.

(3) Suatu salinan draf anggaran itu hendaklah disampaikan kepada setiap seorang Anggota Majlis tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.

(4) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini pihak berkuasa tempatan itu boleh, menurut budi bicaranya, meluluskan, mengubah suai, menolak atau menambah apa-apa butiran dalam draf anggaran itu.

(5) Selepas Bajet itu diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan itu, Bajet itu hendaklah dihantar kepada Pihak Berkuasa Negeri tidak lewat daripada dua puluh haribulan November dan hendaklah

ditimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri tidak lewat daripada tiga puluh satu haribulan Disember dalam tahun itu dan Pihak Berkuasa Negeri boleh mengurangkan atau menolak apa-apa butiran perbelanjaan yang terdapat di dalamnya itu.

(6) Ringkasan Bajet itu sebagaimana diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan pihak berkuasa tempatan itu adalah terikat olehnya.

Anggaran tambahan

56. (1) Jika peruntukan wang tambahan dikehendaki dalam sesuatu tahun pihak berkuasa tempatan boleh dari semasa ke semasa meluluskan anggaran tambahan menunjukkan punca dari mana apa-apa perbelanjaan tambahan yang dilakukan olehnya boleh dibayar.

(2) Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, seksyen 55 hendaklah dipakai bagi sesuatu anggaran tambahan mengikut cara sama seperti peruntukan itu dipakai bagi anggaran tahunan:

Dengan syarat bahawa anggaran tambahan itu hendaklah ditimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri tidak lewat daripada enam minggu selepas tarikh ia diterima.

Perbelanjaan tidak boleh dilakukan melainkan jika dimasukkan dalam anggaran

57. Tiada sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh melakukan apa-apa perbelanjaan yang tidak dimasukkan dalam anggaran yang diluluskan kecuali dengan izin Pihak Berkuasa Negeri.

Pindah Peruntukan

58. Pihak Berkuasa tempatan boleh memindahkan semua atau mana-mana bahagian daripada wang yang diperuntukkan bagi satu butiran daripada perbelanjaan berulang tahunan kepada suatu butiran perbelanjaan berulang tahunan yang lain yang terdapat di bawah kepala

perbelanjaan yang sama dalam ringkasan Bajet sebagaimana yang diluluskan dan disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen 55(6).

Bentuk anggaran

59. Anggaran tahunan dan anggaran tambahan dan ringkasannya hendaklah disediakan mengikut apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang lengkap sebagaimana dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pengauditan akaun

60. (1) Ketua Audit Negara atau juruaudit lain yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri atas syor Ketua Audit Negara hendaklah memeriksa akaun pihak berkuasa tempatan pada seluruh tahun kewangan itu, dan pihak berkuasa tempatan itu hendaklah, sama ada melalui Bendahari atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa tempatan itu, mengemuka dan membentangkan di hadapan juruaudit itu semua buku dan akaun pihak berkuasa tempatan itu bersama dengan semua baucer, kertas, kontrak dan dokumen berhubungan dengannya.

(2) Adalah menjadi kewajipan juruaudit itu untuk mengemukakan kepada pihak berkuasa tempatan itu pada atau sebelum tiga puluh satu haribulan Oktober setiap tahun pandangan tahunan mengenai akaun pihak berkuasa tempatan itu bagi tahun kewangan yang lalu dan memperakui di dalamnya sama ada atau tidak—

- (a) akaun pihak berkuasa tempatan itu adalah betul;
- (b) akaun yang berasingan berkenaan dengan semua perusahaan perdagangan telah disimpan;
- (c) akaun yang dikeluarkan itu menunjukkan suatu gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan pihak berkuasa tempatan itu dan mengenai perusahaan perdagangan;

- (d) peruntukan yang sewajarnya telah dibuat untuk menebus dan membayar balik semua wang yang dipinjam oleh pihak berkuasa tempatan itu;
- (e) amaun yang diasingkan untuk susutan dan pembaharuan aset pihak berkuasa tempatan itu cukup; dan
- (f) semua kehendak juruaudit telah dipatuhi.

(3) Juruaudit itu boleh menyatakan dalam pandangan tahunannya pendapatnya atas semua soal yang timbul daripada perakuan yang diberi olehnya di bawah subseksyen (2) dan boleh dalam pandangan itu menarik perhatian kepada semua hal dalam mana dia berpendapat bahawa peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain telah tidak dijalankan atau bahawa apa-apa perbuatan, perkara atau hal telah dilaksanakan atau dijalankan tanpa kuasa yang sewajarnya.

(4) Akaun yang telah diaudit bersama-sama dengan pandangan juruaudit atasnya itu hendaklah dibentangkan di hadapan pihak berkuasa tempatan itu dalam mesyuarat biasanya yang pertama berikut dan hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(5) Suatu salinan penyata dan akaun hendaklah dihantar kepada Pihak Berkuasa Negeri yang akan menyebabkannya dibentang dalam Dewan Negeri dan, bagi Bandaraya Kuala Lumpur dalam Dewan Rakyat.

Kuasa mengambil keterangan

61. (1) Bagi maksud sesuatu pemeriksaan di bawah Akta ini seseorang juruaudit boleh menghendaki melalui notis secara bertulis mana-mana pegawai pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang lain mengemukakan apa-apa rekod, minit, buku dan dokumen dalam miliknya atau di bawah kawalannya dan memberi apa-apa maklumat atau penerangan yang perlu bagi menjalankan dengan sempurna kewajipan di bawah Akta ini.

(2) Seseorang yang, tanpa sebab yang munasabah, enggan mengemukakan sesuatu rekod, minit, buku atau dokumen atau enggan memberi sesuatu maklumat atau penerangan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap satu hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Saraan juruaudit

62. Juruaudit hendaklah dibayar oleh pihak berkuasa tempatan sesuatu saraan mengikut sebagaimana yang dipersetujui.

BAHAGIAN VII

TEMPAT AWAM

Pengawalan tempat awam, dsb.

63. Sesuatu pihak berkuasa tempatan adalah berkuasa menjalankan kawalan dan jagaan am ke atas semua tempat dalam kawasan pihak berkuasa tempatan, yang telah atau akan pada bila-bila masa diasingkan dan diletak hak pada pihak berkuasa tempatan bagi kegunaan orang ramai atau yang terhadapnya orang ramai akan pada bila-bila masa mempunyai atau telah memperolehi hak bersama.

Kuasa untuk mengadakan tempat awam, dsb., yang baru dan membesarkannya

64. Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh—

- (a) mengadakan, membina, menyusun atur atau mengkhaskan tempat awam baru; dan
- (b) melebar, membuka, membesar atau pun memajukan mana-mana tempat awam itu dengan memberi pampasan yang wajar mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis

kepada pemunya dan penduduk mana-mana tanah, rumah atau bangunan yang dikehendaki bagi mana-mana maksud tersebut atau yang terjejas oleh yang demikian itu.

Kuasa sementara untuk menutup tempat awam

65. Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh menutup bagi sementara mana-mana tempat awam yang diletak hak padanya atau yang berada di bawah kawalannya.

Kuasa untuk mendirikan bangunan awam di tempat awam terbuka

66. Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh mendirikan dan menyenggara bangunan di mana-mana tempat awam terbuka bagi maksud awam dan boleh mengkhaskan mana-mana tempat awam itu atau mana-mana bahagiannya bagi apa-apa maksud yang difikirkan patut dari semasa ke semasa oleh pihak berkuasa tempatan itu.

Syarat dan sekatan mengenai penutupan lebih, dsb.

67. (1) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh menutup atau melencongkan secara kekal mana-mana lebih awam atau menutup secara kekal mana-mana tempat awam atau mengubah secara kekal sempadannya:

Dengan syarat bahawa—

- (a) sebelum pihak berkuasa tempatan mengizinkan sesuatu penutupan, pelencongan atau pengubahan yang kekal bagi sempadan notis tidak kurang daripada empat belas hari hendaklah diberi mengenai cadangan hendak mengusulkan suatu ketetapan bagi maksud itu;
- (b) sebelum sesuatu penutupan, pelencongan atau pengubahan itu dijalankan, pihak berkuasa tempatan hendaklah menyediakan satu pelan bagi kerja yang dicadangkan itu dan satu pernyataan menunjukkan tentang perlunya yang

demikian itu dan hendaklah tidak kurang daripada satu bulan sebelum dimulakan kerja yang dicadangkan itu memberi notis mengenainya dalam *Warta* dan dengan apa-apa cara lain yang diarahkan oleh pihak berkuasa tempatan melalui ketetapan dan notis itu hendaklah menyatakan tempat di mana pelan yang tersebut itu boleh diperiksa oleh orang ramai pada waktu yang munasabah dan satu salinan notis itu hendaklah ditampalkan pada sesuatu bahagian lebuhr atau tempat awam yang tersebut itu;

- (c) adalah layak bagi seseorang pemunya atau penduduk bagi mana-mana tanah yang terjejas oleh penutupan, pelencongan atau pengubahan itu membuat suatu tuntutan secara bertulis kepada pihak berkuasa tempatan dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu disiarkan dalam *Warta* untuk mendapat pampasan oleh sebab penutupan, pelencongan atau pengubahan itu dan jika tuntutan itu dibuktikan dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan itu, pihak berkuasa tempatan itu hendaklah membayar pampasan kepada mana-mana pemunya atau penduduk itu dan pada mentaksirkan amaun pampasan yang kena dibayar, faedah atau keuntungan yang didapati atau mungkin akan didapati daripada penutupan, pelencongan atau pengubahan itu oleh orang itu hendaklah diambil kira;
- (d) jika seseorang yang terkilan dengan sesuatu penutupan, pelencongan atau pengubahan yang dicadangkan itu membantah terhadapnya secara bertulis dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu disiarkan dalam *Warta* berkenaan dengan penutupan, pelencongan atau pengubahan yang dicadangkan itu, melainkan jika bantahan itu ditarik balik, penutupan, pelencongan atau pengubahan itu hendaklah jangan dijalankan tanpa izin Pihak Berkuasa Negeri; dan
- (e) selepas penyampaian sesuatu bantahan itu, Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas permohonan pihak berkuasa tempatan itu, melantik seorang atau beberapa orang untuk menjalankan suatu penyiasatan berkenaan dengan penutupan, pelencongan atau pengubahan yang dicadangkan itu dan juga bantahan terhadapnya itu dan untuk membuat laporan mengenainya dan selepas menerima laporan orang atau orang itu Pihak

Berkuasa Negeri boleh membuat suatu perintah tidak membenarkan penutupan, pelencongan atau pengubahan yang dicadangkan itu atau membenarkannya dengan apa-apa ubah suaian, jika ada, yang difikirkannya perlu.

(2) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh, dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, menutup atau melencongan secara kekal mana-mana lebuhraya yang bukan suatu lebuhraya awam dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu, tetapi dalam tiap-tiap hal yang demikian, penutupan atau pelencongan itu hendaklah tertakluk kepada subseksyen (1).

Menamakan tempat awam, dsb.

68. Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menetapkan nama dengan mana sesuatu tempat awam atau taman perumahan atau skim perumahan akan dikenali dan boleh dari semasa ke semasa mengubah nama sesuatu tempat awam atau taman perumahan atau skim perumahan atau mana-mana bahagiannya sama ada atau tidak nama itu telah digunakan bagi tempat, taman atau skim itu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

BAHAGIAN VIII

PENCEMARAN ANAK SUNGAI

Melakukan kacau ganggu dalam anak sungai, dsb.

69. Seseorang yang melakukan sesuatu kacau ganggu atau meletakkan apa-apa kekotoran dalam atau di atas tebing mana-mana anak sungai, saluran, parit awam atau alur air lain dalam kawasan pihak berkuasa tempatan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap satu hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Pencemaran anak sungai dengan sampah perdagangan, dsb.**70. Seseorang yang—**

- (a) meletakkan atau menyebabkan supaya diletakkan atau jatuh atau mengalir atau dengan disedarinya membenarkan diletak atau jatuh atau mengalir atau dibawa ke dalam mana-mana anak sungai sampah pepejal atau sampah cecair dari mana-mana kilang, proses pengilangan atau kuari atau apa-apa sampah atau abu api atau apa-apa buangan lain atau apa-apa benda reput supaya sama ada dengan perbuatan itu sahaja atau bersama dengan perbuatan lain oleh orang itu atau oleh mana-mana orang lain mengganggu pengalirannya yang wajar atau mencemar airnya;
- (b) menyebabkan jatuh atau mengalir atau dengan disedarinya membenarkan jatuh atau mengalir atau dibawa ke dalam mana-mana anak sungai sesuatu benda kumbahan sama ada pepejal atau cecair; atau
- (c) menggunakan mana-mana anak sungai, saluran, parit awam atau alur air lain atau limbah, kolam atau tangki bagi maksud menjalankan apa-apa tred dobi,

di dalam atau di luar sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap satu hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Pihak berkuasa tempatan boleh menuntut belanja bagi kerja yang dilakukan

71. (1) Jika apa-apa perbelanjaan dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan pada menjalankan apa-apa kerja oleh sebab kesalahan yang tersebut dalam seksyen 69 dan 70, pihak berkuasa tempatan itu hendaklah memberi suatu perakuan mengenai kos kerja itu kepada orang yang melakukan kesalahan itu dan perakuan pihak berkuasa

tempatan itu adalah bukti muktamad mengenai jumlah wang yang kena dibayar itu.

(2) Jumlah wang itu hendaklah disifatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada pihak berkuasa tempatan itu dan boleh dituntut dengan apa-apa cara yang diperuntukkan oleh Akta ini bagi penuntutan kadar yang belum dijelaskan.

BAHAGIAN IX

MAKANAN, PASAR, KEBERSIHAN DAN KACAU GANGGU

Kuasa

72. (1) Sesuatu pihak berkuasa tempatan adalah mempunyai kuasa bagi melakukan semua atau mana-mana daripada perkara yang berikut, iaitu:

- (a) untuk mengadakan, menyenggarakan dan menjalankan apa-apa perkhidmatan kebersihan bagi menguruskan effluen;
- (b) untuk menubuh, mendirikan, menyenggara, menyewakan, mengawal dan menguruskan pasar dan bangunan pasar, rumah tumpangan, rumah, bilik atau bangunan yang disenggara bagi tempat makan-minum orang ramai, kedai, gerai dan sanggar dan mengawal hal berkenaan dengan penghunian dan penggunaannya;
- (c) untuk melesen bangunan sementara, gerai, meja, papan tunjuk, kereta sorong, pedati, basikal roda tiga atau bekas lain sama ada tetap pada sesuatu tempat atau tidak, yang didirikan atau digunakan untuk menjual atau mendedahkan untuk jualan—
 - (i) apa-apa makanan atau minuman di jalan, tempat awam atau tempat tumpuan awam atau di premis persendirian;
 - (ii) barang-barang lain daripada makanan atau minuman di jalan, tempat awam atau tempat tumpuan awam, dan untuk menyita, memusnahkan atau melupuskannya jika ia tidak dilesen sedemikian;

- (d) untuk mengadakan, membina dan menyenggara tandas awam, jamban dan tempat buang air kecil awam, sama ada di atas atau di bawah tanah, di mana-mana tempat awam;
 - (e) untuk mengadakan, membina, menyenggara dan mengawal rumah penyembelihan, sama ada di dalam atau di luar kawasan pihak berkuasa tempatan;
 - (f) untuk melindungi dan memajukan kesihatan awam dan mengambil segala langkah yang perlu dan munasabah praktik—
 - (i) bagi mencegah berlakunya apa-apa penyakit berjangkit, boleh berjangkit atau boleh dicegah;
 - (ii) (*Dipotong oleh Akta A1311*);
 - (iii) bagi mencegah berlakunya, atau bagi meremedi atau menyebabkan diremedi, apa-apa kacau ganggu atau keadaan yang mungkin mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan;
 - (g) untuk mengadakan, membina, melengkapkan, menyenggara, mengawal dan mengendalikan kerja simpanan sejuk dan depot bagi pemeriksaan daging;
 - (h) untuk mengadakan, membina, melengkapkan, menyenggara, mengawal dan mengendalikan depot bagi pemeriksaan, pemprosesan, pembahagian, pembelian dan penjualan susu atau keluaran susu;
 - (i) untuk mengadakan, memperoleh, membina, menyenggara, mengawal dan mengendalikan perusahaan pencucian pakaian dan tempat mencuci pakaian; dan
 - (j) mengadakan, membina, menyenggara, mengawal dan mengendalikan stesen penyahjangkit.
- (2) Bagi maksud seksyen 72 dan 73, cecair buangan tidak termasuk kumbahan.

Undang-undang kecil

73. (1) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh dari semasa ke semasa membuat, meminda atau membatalkan undang-undang kecil untuk menjalankan peruntukan Akta ini dengan cara lebih baik dan khususnya—

- (a) (i) untuk mengadakan, menyenggara dan memaksa penggunaan apa-apa perkhidmatan bagi menguruskan effluen dan untuk menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana premis untuk melaksanakan urusan itu dan untuk mengawal selia dan mengawal caranya;
- (ii) untuk memelihara tempat awam supaya berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada cecair buangan dan untuk melarang air simbah atau cecair buangan lain dibuang, dijatuhkan, diletakkan atau dikeluarkan ke mana-mana anak sungai, saluran atau alur air lain, dan menahan cecair itu daripada mengalir ke dalam mana-mana tempat itu, dan untuk mengawal selia atau melarang orang, binatang atau benda daripada dimandikan atau dibasuh di mana-mana tempat itu;
- (iii) untuk melarang, memberhentikan, menghapuskan dan mencegah berlakunya kacau ganggu:

Dengan syarat bahawa dalam sesuatu hal di mana didapati sesuatu kacau ganggu yang ada dalam kawasan pihak berkuasa tempatan disebabkan kesemuanya atau sebahagiannya oleh sesuatu perbuatan atau kemungkiran di luar kawasan pihak berkuasa tempatan itu, tindakan boleh diambil terhadap sesiapa jua berkenaan dengan perbuatan atau kemungkiran itu mengikut cara yang sama dan dengan beban dan akibat yang sama seolah-olah perbuatan atau kemungkiran itu adalah ke semuanya dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu;

- (iv) untuk memastikan kandang kuda, kandang kambing, kandang kerbau-lembru, kandang babi dan bangsal ayam itik dibina dengan sempurnanya dan untuk melarang burung atau binatang daripada dipelihara di premis yang tidak dibina mengikut undang-undang kecil atau yang dibina dengan cara atau terletak pada tempat yang mungkin menyebabkan premis itu menjadi suatu kacau ganggu jika burung atau binatang dipelihara di dalamnya dan untuk melarang burung atau binatang daripada dipelihara di mana-mana premis yang diperakui oleh Pegawai Kesihatan sebagai terletak pada suatu tempat yang menjadikan premis itu tidak layak bagi maksud itu;
 - (v) untuk melarang binatang daripada diberi makan atau daripada meragut di mana-mana tempat yang lain daripada yang dikhaskan bagi maksud itu;
- (b)
- (i) untuk memelihara kesihatan awam;
 - (ii) untuk mencegah penyakit daripada berlaku dan merebak, untuk mengisytiharkan apakah penyakit yang kena diberitahu kepada pihak berkuasa yang berkenaan, dan untuk mengadakan peruntukan bagi memindahkan secara paksa orang yang menghidap mana-mana penyakit itu ke hospital atau tempat pengasingan yang sesuai dan bagi menahan dan merawat mereka di situ jika, pada pendapat Pegawai Kesihatan, pemindahan, tahanan atau perawatan tersebut adalah perlu sama ada untuk memperlindungi kesihatan awam atau oleh sebab rumah tempat pesakit itu tinggal atau menginap tidak mencukupi atau tidak sesuai untuknya;
 - (iii) untuk mengatur dan menguatkuasakan kuarantin, pencegah jangkitan orang, pencegah jangkitan tempat dan benda dan untuk membenarkan barang yang dijangkiti atau yang telah terdedah kepada jangkitan disita dan ditahan dan untuk memastikan barang itu dimusnahkan jika, pada pendapat Pegawai Kesihatan, pemusnahan itu adalah perlu, dengan membayar

pampasan kepada pemunyaanya sebanyak yang akan ditetapkan melalui persetujuan atau timbang tara;

- (iv) untuk mengadakan penalti kerana tidak memberi apa-apa maklumat apabila diminta oleh Pegawai Kesihatan atau kerana tidak mengemukakan apa-apa keterangan dokumen atau keterangan lain yang dikehendaki oleh Pegawai Kesihatan bagi maksud mengesan punca dan mencegah merebaknya jangkitan;
 - (v) untuk menghendaki ditutup sekolah atau premis perdagangan yang disyaki menjadi atau mungkin akan menjadi punca jangkitan, dan untuk melarang orang yang dijangkiti atau disyak dijangkiti atau mungkin akan dijangkiti daripada menjalankan apa-apa perdagangan, urusan atau pekerjaan yang mungkin menyebabkan merebaknya sesuatu penyakit;
 - (vi) untuk menghendaki orang yang tiba di kawasan pihak berkuasa tempatan dari tempat yang dijangkiti, atau yang disyak dijangkiti oleh sesuatu penyakit yang kena diberitahu kepada pihak berkuasa yang berkenaan, dengan sesuatu vesel, kapal udara atau alat kenderaan lain yang dijangkiti atau disyak dijangkiti sedemikian, melaporkan diri kepada Pegawai Kesihatan dan menyampaikan kepadanya apa-apa maklumat sebagaimana yang ditetapkan;
- (c)
- (i) untuk mengadakan peruntukan bagi memeriksa apa-apa barang makanan atau minuman atau barang ais untuk jualan;
 - (ii) untuk mengatur, mengawal, memeriksa dan menyelia hal mengilang, menyediakan, menyimpan, mengendali, mengirim dan mengangkut apa-apa barang makanan atau minuman atau barang ais untuk jualan;
 - (iii) untuk melarang daripada dibawa masuk ke dalam kawasan pihak berkuasa tempatan, daripada dimiliki,

dijual atau ditawarkan untuk jualan bagi maksud makanan manusia atau daripada dikendalikan, melainkan bagi maksud memusnahkan, binatang, burung, daging atau ikan berpenyakit atau buah-buahan, sayur-sayuran atau tidak barang makanan atau minuman lain yang busuk, tidak baik atau pun tidak layak untuk makanan manusia;

- (iv) untuk membenarkan disita, dan diperiksa dan untuk memastikan pemusnahan, jika pada pendapat Pegawai Kesihatan pemusnahan itu perlu, apa-apa binatang, burung, daging atau ikan berpenyakit atau buah-buahan, sayur-sayuran atau barang makanan lain atau minuman yang busuk, tidak baik atau pun tidak layak untuk makanan manusia;
 - (v) untuk mengadakan peruntukan bagi menahan binatang, burung atau barang makanan atau minuman lain atau barang ais, sementara menanti pemeriksaan atau penyiasatan;
- (d)
- (i) bagi mengatur pengawalan dan penggunaan pasar dan bangunan, kedai, bangsal, gerai, kandang dan apa-apa binaan lain di dalamnya dan bagi mencegah kacau ganggu atau halangan di dalamnya atau pada jalan masuk ke dalamnya yang berhampiran dengannya;
 - (ii) bagi mengadakan alat timbang, penimbang dan alat sukat standard untuk digunakan di dalam pasar dan bagi melarang daripada digunakan di dalamnya alat timbang, penimbang atau alat sukat yang palsu atau cacat;
 - (iii) (*Dipotong oleh Akta A1311*);
 - (iv) bagi melesen atau pun mengawal orang yang menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa jua barang dalam pasar;
 - (v) bagi menetapkan bayaran yang hendak dibayar untuk

lesen bagi mengendalikan pasar dan bagi menawar barang untuk jualan di dalamnya;

- (vi) bagi mengaturkan hari dan waktu pasar boleh diadakan;
 - (vii) bagi melarang apa-apa pasar diadakan dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan itu dan bagi menetapkan syarat dan sekatan yang tertakluk kepadanya kebenaran itu boleh diberi;
- (e) untuk mengatur penyembelihan binatang dan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan, pengawalan, penyeliaan dan pemeriksaan rumah penyembelihan dalam kawasan pihak berkuasa tempatan dan bagi—
- (i) memeriksa binatang sebelum disembelih dan juga karkasnya;
 - (ii) menahan untuk perhatian dan rawatan binatang yang dibawa untuk disembelih dan disyaki berpenyakit;
 - (iii) menyembelih binatang yang dibawa untuk disembelih, yang berpenyakit atau yang oleh kerana kurus atau apa-apa lain, pada pendapat Pegawai Kesihatan atau Pegawai Veterinar tidak layak untuk makanan manusia;
 - (iv) melupuskan karkas binatang berpenyakit;
 - (v) menandakan karkas binatang yang disembelih di rumah penyembelihan untuk menunjukkan yang binatang itu telah disembelih di rumah penyembelihan;
 - (vi) melarang binatang disembelih di dalam lingkungan kawasan pihak berkuasa tempatan melainkan di sesuatu rumah penyembelihan atau tempat yang dibenarkan;

- (vii) melarang dibawa ke dalam kawasan pihak berkuasa tempatan untuk makanan manusia, kecuali dengan suatu permit yang diberi oleh pihak berkuasa tempatan, daging apa-apa binatang yang disembelih di luar kawasan pihak berkuasa tempatan;
- (viii) membolehkan seseorang pegawai berkuasa pihak berkuasa tempatan masuk pada waktu siang atau malam ke dalam mana-mana premis di mana dia ada sebab bagi mempercayai bahawa apa-apa binatang mungkin akan, sedang atau telah disembelih bersalahan dengan peruntukan mana-mana undang-undang kecil;
- (f) untuk mengatur, memeriksa, menyelia dan melesen bangunan sementara, gerai, meja, papan tunjuk, pedati, kereta sorong, basikal roda tiga dan bekas lain dan untuk menyita, memusnah atau melupuskannya jika tidak dilesen sedemikian;
- (g) untuk mengatur, menyelia dan melesen, penjaja dan peniaga di jalan dan bagi menetapkan jalan atau kawasan di mana berjaja atau berniaga di jalan adalah dilarang;
- (h) untuk mengatur dan mengawal penggunaan tempat mandi awam, tempat membasuh bagi awam, tempat mencuci pakaian bagi awam dan tempat membasuh pakaian bagi awam, yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa tempatan;
- (i) untuk mengatur, memeriksa dan melesen tempat renang dan tempat mandi dan melarang atau mengatur mandi di mana-mana tempat air terbuka dalam kawasan pihak berkuasa tempatan;
- (j) untuk mengatur, memeriksa dan melesen penggunaan tandas awam, jamban, tempat buang air kecil dan jalan bawah tanah awam;
- (k) untuk menetapkan syarat bagi mengangkut binatang, burung atau ikan, sama ada mati atau hidup, dan daging, sayur-sayuran atau buah-buahan di mana-mana jalan atau tempat awam;

- (l) untuk melarang atau mengatur apa-apa cara bercucuk tanam, penggunaan apa-apa jenis baja atau baja kimia atau apa-apa cara pengairan yang, pada pendapat pihak berkuasa tempatan, adalah mengganggu atau adalah mendatangkan bencana kepada kesihatan; dan
- (m) untuk melarang, mengatur, memeriksa, menyelia dan melesen penternakan, dan untuk menyita, memusnahkan dan melupuskan binatang, burung atau ikan dalam kawasan pihak berkuasa tempatan.

(2) Walau apa pun peruntukan lain dalam Akta ini, sesuatu pihak berkuasa tempatan tidak boleh membuat, meminda atau membatalkan mana-mana undang-undang kecil berkenaan dengan kumbahan.

Rumah, dsb., kotor

74. Mana-mana pemunya, penduduk atau penyewa mana-mana rumah, bangunan atau tanah, sama ada layak diduduki oleh penyewa atau tidak, yang membiarkan rumah, bangunan atau tanah itu atau mana-mana bahagiannya berada dalam keadaan kotor dan tidak baik atau diliputi oleh tumbuh-tumbuhan rimbun dan mudarat melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Kuasa untuk memasuki dan mencuci rumah atau bangunan

75. (1) Pegawai Kesihatan, atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud memasuki dan memeriksa semua rumah dan bangunan oleh pihak berkuasa tempatan, boleh memasuki dan memeriksa semua rumah dan bangunan pada bila-bila masa dan boleh dengan suatu perintah bertulis mengarahkan penduduknya menyebabkan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu semua atau mana-mana bahagian daripada rumah dan bangunan itu, di sebelah dalam dan di sebelah luar, dilepa-warna atau disapu kapur

atau pun dicuci kerana sebab kebersihan dan, jika perlu, dinyahjangkit dan segala kotoran atau sampah dibuang atau dipungut.

(2) Jika perintah itu tidak dipatuhi dalam tempoh yang dinyatakan itu, penduduk itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari selepas sabitan sehingga perintah itu dipatuhi.

(3) Mana-mana rumah kediaman yang benar-benar ada penduduknya, iaitu bukan suatu rumah penginapan am, tidak boleh dimasuki tanpa memberi enam jam notis terlebih dahulu kepada penduduknya itu, melainkan jika penduduknya itu mengizinkan.

Memusnahkan tikus

76. (1) Jika Pegawai Kesihatan berpendapat bahawa sesuatu premis adalah dipenuhi oleh sebegitu banyak tikus, burung atau *vermin* lain hingga mendatangkan bahaya kepada kesihatan orang dalam rumah itu atau kesihatan masyarakat, dia boleh menyampaikan notis kepada pemunya atau penduduk premis itu meminta dia mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa tempatan itu untuk memusnahkan tikus, burung atau *vermin* lain itu dan untuk menghapuskan tempat pembiakannya dan untuk mencegahnya daripada berada semula.

(2) Mana-mana pemunya atau penduduk yang tidak mematuhi notis itu dalam tempoh tujuh hari dari penyampaianya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari kerja itu tidak dijalankan selepas sabitan, dan pihak berkuasa tempatan itu boleh mengambil milik premis itu dan mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk melaksanakan maksud seksyen ini.

Menutup dan meruntuhkan, dsb., tempat kediaman yang tidak bersih

77. (1) Apabila Pegawai Kesihatan telah memperakui secara bertulis bahawa pada pendapatnya sesuatu bangunan atau mana-mana bahagian daripada sesuatu bangunan atau apa-apa jua yang bercantum dengan sesuatu bangunan yang digunakan atau diduduki sebagai suatu tempat kediaman adalah tidak layak untuk kediaman manusia dan tidak boleh dijadikan layak untuk maksud itu tanpa dihapuskan, diubah atau diruntuhkan kesemua atau sebahagian daripada apa-apa penyekat, petak, para, galeri, emper, rumah-luar atau rangka bina atau binaan lain atau tanpa dijalankan apa-apa perubahan atau kerja-kerja rangka bina sebagaimana yang ditentukan olehnya, dia boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya melaksanakan semua atau mana-mana daripada perkara yang berikut:

- (a) menghapuskan, mengubah atau meruntuhkan kesemua atau sebahagian daripada penyekat atau binaan lain atau halangan yang berkenaan; dan
- (b) menjalankan apa-apa perubahan atau kerja rangka bina sebagaimana yang perlu untuk menjadikan premis itu layak untuk kediaman manusia dan untuk melindunginya daripada bahaya penyakit.

(2) Notis itu hendaklah menyatakan tempoh kerja itu hendak disiapkan dan tempoh itu tidak boleh kurang dari tujuh hari.

(3) Jika notis itu tidak dipatuhi, sesuatu Mahkamah Majistret boleh, atas permohonan pihak berkuasa tempatan itu, membuat suatu perintah mandatori menghendaki pemunya premis itu melaksanakan semua atau mana-mana daripada perkara yang dinyatakan dalam notis yang tersebut itu.

(4) Seseorang yang menempatkan semula, tanpa keizinan nyata dengan bertulis daripada pihak berkuasa tempatan itu, apa-apa penyekat, binaan atau halangan yang dihapuskan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan

selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari kerja itu tidak dijalankan selepas sabitan dan pihak berkuasa tempatan itu boleh mengambil milik premis itu dan menghapuskan penyekat, binaan atau halangan itu.

(5) Pihak berkuasa tempatan itu boleh, bagi maksud melaksanakan subseksyen (1), dengan notis yang ditampalkan di sesuatu tempat yang mudah dilihat pada bangunan itu, menghendaki pemunya atau penduduknya, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhenti menduduki bangunan itu dan mengeluarkan segala barang, perabot dan harta benda dari bangunan itu dalam tempoh empat puluh lapan jam dari penampalan notis itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh pihak berkuasa tempatan itu.

(6) Pemunya dan tiap-tiap penyewa yang menduduki bangunan itu hendaklah dengan itu mematuhi kehendak notis itu.

(7) Mana-mana pemunya atau penduduk yang tidak mematuhi kehendak notis itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh dia tidak mematuhi kehendak notis itu.

(8) Walau apa pun peruntukan subseksyen (7), apabila tamat tempoh empat puluh lapan jam dari penampalan notis itu atau tempoh lanjutan di bawah subseksyen (5) itu, pihak berkuasa tempatan itu boleh mengeluarkan semua barang, perabot dan harta-benda dari bangunan itu.

Rumah yang diduduki dengan penuh sesak

78. Seseorang yang membenarkan sesebuah rumah diduduki dengan sebegitu penuh sesak hingga mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan penduduknya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Bila rumah disifatkan sebagai “penuh sesak”

79. Bagi maksud Akta ini, sesebuah rumah hendaklah disifatkan sebagai sebegitu penuh sesak hingga mendatangkan bahaya atau mudarat kepada kesihatan penduduknya jika rumah itu atau mana-mana bilik di dalamnya didapati diduduki lebih daripada kadar seorang dewasa bagi tiap-tiap tiga ratus lima puluh kaki padu ruang dalam bersih dan dalam pengiraan itu tiap-tiap orang berumur lebih daripada sepuluh tahun hendaklah disifatkan sebagai seorang dewasa dan dua orang kanak-kanak berumur tidak lebih daripada sepuluh tahun hendaklah dikira sebagai seorang dewasa.

Kacau ganggu hendaklah dihapuskan

80. Pihak berkuasa tempatan hendaklah mengambil langkah bagi memberhentikan, memusnahkan dan menghapuskan segala kacau ganggu daripada jenis awam dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu pada premis awam atau persendirian dan boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap seseorang yang melakukan mana-mana kacau ganggu itu bagi menghapuskannya dan juga bagi mendapatkan ganti rugi.

Kacau ganggu yang tindakan secara terus boleh diambil atasnya di bawah Akta ini

81. Bagi maksud Akta ini, tindakan boleh diambil secara terus di bawah Akta ini atas perkara yang berikut:

- (a) mana-mana premis atau mana-mana bahagiannya dari sesuatu binaan atau dalam sesuatu keadaan yang boleh menjadi suatu kacau ganggu;
- (b) apa-apa binatang yang disimpan dalam sesuatu tempat atau dengan sesuatu cara atau dengan sebegitu besar bilangannya hingga menjadi suatu kacau ganggu;
- (c) apa-apa timbunan atau letakan yang mana suatu kacau ganggu atau mungkin menjadi suatu tempat pembiakan bagi nyamuk atau lalat atau apa-apa *vermin*;

- (d) apa-apa kilang, bengkel atau tempat kerja yang sebegitu penuh sesak semasa kerja dijalankan hingga menjadi suatu kacau ganggu;
- (e) apa-apa pondok atau bangsal, sama ada digunakan sebagai tempat kediaman atau sebagai kandang kuda atau bagi apa-apa maksud lain, yang mana suatu kacau ganggu, oleh sebab cara bagaimana pondok atau bangsal itu terkumpul atau tidak adanya saliran atau tidak praktiknya dijalankan kerja pembersihan jalan atau oleh apa-apa sebab lain;
- (f) mana-mana limbah atau longkang yang air darinya digunakan atau mungkin digunakan oleh manusia untuk maksud minuman atau rumah tangga atau untuk mengilang minuman bagi kegunaan manusia dan yang adalah sebegitu kotor hingga menjadi atau mungkin menjadi suatu kacau ganggu;
- (g) mana-mana tangki, telaga, limbah, alur air, longkang atau tanah paya yang mendatangkan bencana kepada kesihatan atau mendatangkan gangguan kepada kawasan sekitarnya atau yang mungkin menjadi suatu tempat pembiakan bagi nyamuk;
- (h) mana-mana tempat api atau relau dan mana-mana cerobong yang mengeluarkan asap atau benda lain boleh dibakar tetapi belum habis terbakar dengan sebegitu banyak hingga menjadi suatu kacau ganggu;
- (i) mana-mana lombong tanah bata, lombong pasir atau apa-apa jenis korokan lain yang mendatangkan bencana kepada kesihatan atau gangguan kepada kawasan sekitarnya atau yang digunakan bagi apa-apa maksud yang mungkin menjadi suatu kacau ganggu;
- (j) apa-apa debu atau *effluvia* yang disebabkan oleh apa-apa tred, perniagaan, pengilangan atau proses yang mendatangkan mudarat kepada kesihatan atau gangguan kepada kawasan sekitarnya; dan

- (k) apa-apa benda lain yang diisytiharkan oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai suatu kacau ganggu.

Notis menghendaki kacau ganggu dihapuskan

82. (1) Apabila diterima sesuatu maklumat berkenaan adanya sesuatu kacau ganggu yang tindakan secara terus boleh diambil atasnya di bawah Akta ini, pihak berkuasa tempatan hendaklah, jika puas hati tentang adanya sesuatu kacau ganggu, menyampaikan suatu notis kepada orang yang telah menyebabkan kacau ganggu itu terbit, sama ada melalui perbuatannya, kemungkirannya melakukan sesuatu atau oleh kerana dia telah membiarkannya berlaku atau, jika orang itu tidak dapat dijumpai, kepada penduduk atau pemunya premis di mana kacau ganggu itu terdapat, menghendakinya menghapuskan kacau ganggu itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu dan menjalankan apa-apa kerja dan melakukan apa-apa perkara sebagaimana yang perlu bagi maksud itu dan, jika difikirkan perlu oleh pihak berkuasa tempatan itu, menyatakan apa-apa kerja yang hendak dijalankan.

(2) Pihak berkuasa tempatan itu juga boleh, dengan notis yang sama atau dengan suatu notis lain yang disampaikan kepada penduduk, pemunya atau orang itu, menghendaki penduduk, pemunya atau orang itu melakukan apa yang perlu bagi mencegah kacau ganggu itu daripada berlaku semula dan, jika difikirkan perlu oleh pihak berkuasa tempatan itu, menyatakan apa-apa kerja yang hendak dijalankan bagi maksud itu, dan boleh menyampaikan notis itu walaupun kacau ganggu itu mungkin telah dihapuskan pada masa itu jika pihak berkuasa tempatan fikirkan kacau ganggu itu mungkin berlaku semula di premis itu.

(3) Jika kacau ganggu itu terbit daripada kecacatan atau tidak adanya sesuatu berjenis rangka bina atau jika premis itu tidak diduduki, notis itu hendaklah disampaikan kepada pemunya.

(4) Jika orang yang menyebabkan kacau ganggu itu tidak dapat dijumpai pihak berkuasa tempatan itu sendiri boleh menghapuskan kacau ganggu itu dan boleh menuntut belanja mengenainya daripada pemunya.

(5) Jika sesuatu notis telah disampaikan kepada seseorang dan orang itu tidak mematuhi mana-mana daripada kehendak notis itu dalam tempoh yang ditentukan, orang itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan selain daripada itu Mahkamah Majistret itu boleh mengeluarkan suatu perintah kacau ganggu.

(6) Sesuatu perintah kacau ganggu boleh jadi suatu perintah penghapusan atau suatu perintah penutupan atau suatu kombinasi daripada kedua-duanya.

(7) Sesuatu perintah penghapusan menghendaki seseorang mematuhi segala atau mana-mana daripada kehendak notis itu, atau menghapuskan kacau ganggu itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu.

(8) Sesuatu perintah penghapusan hendaklah menyatakan kerja yang hendak dijalankan oleh orang itu bagi maksud menghapuskan kacau ganggu itu.

(9) Sesuatu perintah penutupan adalah melarang sesebuah rumah kediaman daripada digunakan untuk kediaman manusia dan hendaklah dibatalkan atas permohonan pihak berkuasa tempatan itu apabila rumah kediaman itu telah dijadikan layak untuk kediaman manusia.

(10) Seseorang yang tidak mematuhi peruntukan sesuatu perintah kacau ganggu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh peruntukan perintah kacau ganggu itu tidak dipatuhi.

(11) Walau apa pun peruntukan subseksyen (5) dan subseksyen (10) pihak berkuasa tempatan itu sendiri boleh menghapuskan kacau ganggu itu dan boleh menuntut segala belanja mengenainya daripada orang yang tidak menghapuskan kacau ganggu itu.

(12) Jika sesuatu perintah penutupan telah dibuat berkenaan dengan sesuatu rumah kediaman, pihak berkuasa tempatan itu hendaklah menyampaikan suatu salinan perintah itu kepada tiap-tiap penduduk rumah kediaman itu dan jika penduduk itu tidak mematuhi perintah

itu, pihak berkuasa tempatan itu boleh, dengan bantuan polis, mengusir penduduk itu dari rumah kediaman itu.

(13) Sesuatu notis, sesuatu perintah penghapusan dan sesuatu perintah penutupan di bawah seksyen ini hendaklah masing-masing dibuat dalam Borang B, Borang C dan Borang D dalam Jadual Pertama kepada Akta ini.

Perintah untuk meruntuhkan rumah yang tidak layak untuk kediaman

83. (1) Jika sesuatu perintah penutupan telah dibuat berkenaan dengan sesuatu rumah kediaman dan pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa jika rumah kediaman itu masih lagi wujud ia akan mendatangkan bahaya atau bencana kepada kesihatan awam atau penduduk rumah kediaman yang berjiranan, pihak berkuasa tempatan boleh membuat suatu aduan kepada Mahkamah Majistret, dan mahkamah itu, selepas mendengar aduan itu, boleh membuat suatu perintah terus ke atas pemunya rumah kediaman itu supaya rumah kediaman itu diruntuhkan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi perintah terus itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh perintah terus itu tidak dipatuhi.

(3) Jika seseorang tidak mematuhi peruntukan sesuatu perintah terus, pihak berkuasa tempatan boleh melaksanakan perintah itu dan boleh menuntut kos bagi kerja itu daripada pemunya rumah kediaman yang berkenaan itu.

Kuasa untuk mengambil tindakan jika sebab kacau ganggu terbit di luar kawasan pihak berkuasa tempatan

84. Jika sesuatu kacau ganggu dalam, atau yang menyentuh mana-mana bahagian, sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan didapati disebabkan kesemuanya atau sebahagiannya oleh sesuatu perbuatan atau

kemungkiran yang dilakukan atau sedang dilakukan di luar kawasan pihak berkuasa tempatan itu, pihak berkuasa tempatan itu boleh mengambil, atau menyebabkan diambil, terhadap sesiapa jua mengenai perbuatan atau kemungkiran itu, apa-apa tindakan berhubungan dengan kacau ganggu, yang dibenarkan oleh Akta ini dalam kes yang serupa dan dengan beban dan akibat yang sama seolah-olah perbuatan atau kemungkiran itu adalah dilakukan atau berlaku kesemuanya dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu.

BAHAGIAN X

PERKHIDMATAN BOMBA

85 - 93. *(Dipotong oleh Akta 341).*

BAHAGIAN XI

TEMPAT PERKUBURAN, MEMBAKAR MAYAT DAN MENGELUARKAN MAYAT DARI KUBUR

Pihak berkuasa tempatan boleh mengadakan tanah perkuburan dan tempat membakar mayat dan mengeluarkan lesen untuknya

94. (1) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh mengadakan tempat yang sesuai dalam atau di luar kawasan pihak berkuasa tempatan itu untuk digunakan sebagai tanah perkuburan atau tempat membakar mayat dan hendaklah membuat peruntukan yang wajar bagi menyenggaranya.

(2) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh, menurut budi bicaranya, mengeluarkan lesen membolehkan tempat lain dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu digunakan untuk mengkebumikan atau membakar mayat.

(3) Tiap-tiap lesen bagi menggunakan sesuatu tempat sebagai tanah perkuburan atau tempat membakar mayat hendaklah dikeluarkan kepada tuannya berdaftar bagi tempat yang mengenainya lesen itu dikeluarkan.

Penalti bagi pengebumian yang menyalahi undang-undang

95. (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam subseksyen 94(3), seseorang yang mengebumikan atau membakar mayat atau menyebabkan, mendapatkan atau membiarkan dikebumikan atau dibakar sesuatu mayat atau bahagian dari sesuatu mayat atau menyediakan sesuatu tempat untuk digunakan bagi mengebumikan atau membakar sesuatu mayat dalam atau atas mana-mana tempat, yang bukan suatu tanah perkuburan atau tempat membakar mayat yang diperuntukkan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen 94(1) atau bukan suatu tanah perkuburan atau tempat membakar mayat yang dilesen di bawah subseksyen 94(2), atau dalam atau atas mana-mana tanah perkuburan atau tempat membakar mayat yang telah ditutup dengan perintah pihak berkuasa tempatan di bawah seksyen 96 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan mahkamah boleh, dengan suatu perintah bertulis yang dimeterai dengan meterainya, mengarahkan orang itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam perintah itu—

- (a) supaya memindahkan mayat atau bahagian dari mayat yang mengenainya kesalahan itu telah dilakukan dari tempat di mana ia telah dikebumikan atau dibakar ke suatu tanah perkuburan atau tempat membakar mayat yang diadakan atau dilesen oleh pihak berkuasa tempatan itu di bawah Akta ini; dan
- (b) supaya membuang apa-apa rangka bina yang didirikan bersalahan dengan seksyen ini dan memulihkan tanah itu kepada keadaan asalnya.

(2) Seseorang yang enggan atau cuai menurut perintah itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan denda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan dan Mahkamah boleh memerintahkan supaya perintah itu dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan itu atas perbelanjaan orang itu.

Kuasa untuk menutup tanah perkuburan dan tempat membakar mayat

96. Jika pada bila-bila masa pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa—

- (a) sesuatu tanah perkuburan atau tempat pengebumian atau sesuatu tempat yang digunakan untuk membakar mayat berada dalam sesuatu keadaan yang boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan orang yang tinggal di kawasan sekitarnya; atau
- (b) tanah perkuburan atau tempat pengebumian atau tempat membakar mayat itu atau mana-mana bahagian daripadanya—
 - (i) yang mudarat atau tidak baik atau tidak layak untuk digunakan sebagai suatu tanah perkuburan atau tempat membakar mayat;
 - (ii) tidak boleh lagi digunakan untuk mengebumikan atau membakar mayat orang mati tanpa mendatangkan bahaya kepada kesihatan awam; atau
 - (iii) digunakan bersalahan dengan syarat lesen,

pihak berkuasa tempatan boleh memerintahkan supaya tanah perkuburan atau tempat pengebumian atau membakar mayat itu atau mana-mana bahagiannya itu ditutup atau boleh membatalkan lesennya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan selepas daripada itu menyalahi undang-undang menggunakan yang demikian sebagai suatu tempat bagi mengebumikan atau membakar mayat.

Penggalian mayat

97. (1) Tiada seseorang pun boleh menggali sesuatu mayat atau sesuatu bahagian dari sesuatu mayat dari kubur dalam kawasan pihak berkuasa tempatan melainkan—

- (a) dengan perintah Mahkamah Majistret bagi maksud penyiasatan kehakiman; atau
- (b) di bawah suatu lesen yang diberi oleh pihak berkuasa tempatan itu membenarkan mayat itu digali dari kubur dan selepas dibayar bayaran sebanyak yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan itu dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri:

Dengan syarat bahawa tiada sesuatu lesen boleh diberi di bawah perenggan (b)—

- (i) jika kematian telah disebabkan oleh penyakit berjangkit sebagaimana ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan kuarantin dan pencegahan penyakit; atau
- (ii) berkenaan dengan sesuatu mayat yang telah dikebumikan kurang daripada lima tahun, melainkan jika pihak berkuasa berpuas hati bahawa ada sebab khas memerlukan mayat itu dikeluarkan dari kubur.

(2) Seseorang yang menggali dari kubur atau menyebabkan digali dari kubur atau membenarkan digali dari kubur sesuatu mayat atau sesuatu bahagian dari sesuatu mayat berlawanan dengan seksyen ini atau seseorang yang cuai atau tidak mematuhi apa-apa pengawasan yang ditetapkan sebagai suatu syarat bagi lesen untuk menggali mayat dari kubur atau yang tidak mematuhi apa-apa arahan yang munasabah yang dikeluarkan kepadanya oleh sesuatu pihak berkuasa tempatan bagi maksud mencegah bahaya kepada kesihatan awam melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk membuat undang-undang kecil

98. Pihak-pihak berkuasa tempatan boleh membuat undang-undang kecil untuk memeriksa dan mengawal tanah perkuburan dan tempat membakar mayat dalam dan di luar kawasan pihak berkuasa tempatan

yang diadakan oleh pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen 94(1) dan mengenai dalam, panjang dan lebarnya kubur dan tempat pengebumian di dalamnya dan amnya untuk menjalankan Akta ini berhubungan dengan segala perkara berkaitan dengan keadaan baik tanah perkuburan dan tempat membakar mayat dengan memberi perhatian kelaziman keagamaan masing-masing golongan masyarakat.

Menyimpan daftar

99. (1) Pemunya, pemegang amanah atau orang yang menjaga tiap-tiap tanah perkuburan dan tempat membakar mayat hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan suatu daftar dalam mana hendaklah dicatatkan nama, jantina, umur, agama, tempat tinggal dan, seberapa yang boleh, sebab kematian tiap-tiap orang yang mayatnya dibawa ke tanah perkuburan atau tempat membakar mayat itu dan hendaklah membenarkan pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai yang dilantik dengan sewajarnya olehnya memeriksa daftar itu dan membuat salinannya atau cabutan darinya.

(2) Seseorang yang, sebagai pemunya, pemegang amanah atau orang yang menjaga mana-mana tanah perkuburan atau tempat membakar mayat—

- (a) tidak mencatatkan butir-butir yang tersebut di atas mengenai seseorang yang mayatnya dibawa ke situ;
- (b) tidak menunjukkan daftar itu kepada pihak berkuasa tempatan atau pegawainya yang dilantik dengan sewajarnya;
- (c) melarang salinan atau cabutan dibuat; atau
- (d) memalsukan daftar itu,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Undang-undang bertulis lain tidak dipakai

100. Apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pengebumian hendaklah terhenti berkuat kuasa dalam mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan atau berkenaan dengan mana-mana tanah perkuburan atau tempat membakar mayat yang diadakan di luar mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen 94(1).

BAHAGIAN XII**KUASA TAMBAHAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN****Kuasa tambahan pihak berkuasa tempatan**

101. Selain daripada apa-apa kuasa lain yang diberi kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis lain, sesuatu pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa bagi melakukan segala atau mana-mana daripada perkara yang berikut, iaitu:

- (a) mendirikan, menyenggara dan memelihara bangunan sebagaimana dikehendaki bagi maksud pihak berkuasa tempatan dan untuk tempat tinggal kakitangan pihak berkuasa tempatan;
- (b) menanam, memangkas atau membuang pokok;
- (c)
 - (i) membina, menyenggara, menyelia dan mengawal taman awam, taman bunga, esplanad, taman rekreasi, padang permainan, taman permainan kanak-kanak, tempat terbuka, tempat bercuti, kolam renang, stadium, akuarium, gimnasium, pusat masyarakat dan bilik makan-minum;
 - (ii) memajak, memperolehi, menyewakan, menyusun atur, memajukan, melengkapkan, menyenggara dan menanam pokok di tanah bagi maksud digunakan sebagai taman awam, taman bunga, esplanad, taman rekreasi, padang

permainan, taman permainan kanak-kanak, tempat terbuka, tempat bercuti, kolam renang, stadium, akuarium, gimnasium dan pusat masyarakat dan mendirikan di atasnya apa-apa astaka, bilik rekreasi atau bilik makan-minum atau bangunan lain;

- (iii) menanggung penyenggaraan atau memberi sumbangan kepada tanggungan menyenggara taman awam, kebun bunga, esplanad, taman rekreasi, padang permainan, taman permainan kanak-kanak, tempat terbuka, tempat bercuti, kolam renang, stadium, akuarium, gimnasium, pusat masyarakat dan pertubuhan atau institusi khairat, agama, pendidikan, sosial atau kebajikan;
- (iv) menyenggara atau memberi sumbangan kepada penyenggaraan bangunan atau tempat bersejarah dan memperoleh mana-mana tanah, bersama dengan bangunan atau tidak, bagi maksud atau berkaitan dengan mengadakan taman awam, kebun bunga, esplanad, taman rekreasi, padang permainan, taman permainan kanak-kanak, tempat terbuka, tempat bercuti, kolam renang, stadium, akuarium, gymnasium dan pusat masyarakat atau bagi maksud atau berkaitan dengan menyenggara bangunan atau tempat bersejarah;
- (d) menjalankan kerja yang memberi apa-apa faedah am kepada penduduk kawasan pihak berkuasa tempatan;
- (e) menyusun atur dan membina sesuatu medan atau tempat terbuka kepunyaan pihak berkuasa tempatan menurut sesuatu skim atau perhiasan senibina termasuk mendirikan patung, pancuran air atau rangka bina lain;
- (f) menubuhkan, mendirikan dan menyenggara monumen dan tugu awam dan memberi dan menerima pemberian wang bagi menubuhkan dan menyenggaranya;

(g) menubuhkan, memperoleh, berdiri, membina, menyenggara, membantu, memajukan, mengawal dan memberi dan menerima pemberian wang berkenaan dengan—

(i) perpustakaan, balai senilukis dan muzium awam;

(ii) taman bunga, taman binatang dan akuarium,

di dalam atau di luar lingkungan kawasan pihak berkuasa tempatan:

Dengan syarat bahawa pihak berkuasa tempatan boleh memutuskan bahawa pengurusan, pengaturan dan pengawalan am mana-mana institusi itu yang ditubuhkan atau diperoleh oleh pihak berkuasa tempatan hendaklah diletakhakkan pada dan dijalankan oleh orang yang dilantik oleh pihak berkuasa tempatan bagi maksud itu dari semasa ke semasa sama ada mereka itu anggota pihak berkuasa tempatan atau tidak;

(h) menganjurkan, menubuhkan, menyenggara, mengawal, menyewa dan memberi sumbangan kepada pasukan pancaragam untuk mengadakan permainan muzik dan sandiwara di tempat awam dan di majlis perayaan pihak berkuasa tempatan atau majlis perayaan awam dan amnya untuk mengadakan hiburan awam di tempat itu dan di majlis perayaan itu;

(i) mengadakan, mendirikan dan menyenggara mesin timbang awam dan menyelia dan mengawal alat timbang dan sukat;

(j) mengadakan, mendirikan, menyenggara, menyelia dan mengawal kerja air, tempat mandi awam, tempat mandi, tempat pencuci pakaian dan tempat membasuh, pancuran minum, tangki dan telaga;

(k) membuat perkiraan untuk mengadakan lampu di lebuhraya awam dan di tempat awam;

(l) mengadakan dan menyenggara perkhidmatan ambulans;

- (m) memperoleh, menubuhkan, mendirikan, menyenggara dan mengawal sama ada secara sendiri atau bersesama dengan mana-mana badan atau pihak berkuasa lain, klinik dan dispensari awam di dalam atau di luar kawasan pihak berkuasa tempatan, dan menetapkan bayaran bagi rawatan di dalamnya;
- (n) menubuhkan, mendirikan dan menyenggara rumah sakit binatang;
- (o) mengadakan, memperoleh, menyenggara dan menjalankan perkhidmatan pengangkutan awam di dalam atau di luar kawasan pihak berkuasa tempatan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang berhubungan dengan lalu lintas jalan;
- (p)
 - (i) mendirikan dan menyenggara kedai dan rumah kediaman dan pangsa dan menjual, menyewakan atau pun melupuskannya;
 - (ii) menukar penggunaan bangunan dan mengubah, membesarkan, membaiki dan memajukan bangunan itu;
 - (iii) memberi pendahuluan wang bagi maksud membolehkan penduduk dalam kawasan pihak berkuasa tempatan dan pegawai dan pekerja pihak berkuasa tempatan memperoleh atau mendirikan rumah kediaman, pangsa, rumah kedai atau bangunan perindustrian atau perdagangan dan mendapatkan balik pendahuluan itu serta bunganya dengan cara ansuran atau pun sebagaimana yang diaturkan oleh pihak berkuasa tempatan menurut budi bicaranya,

di dalam atau luar kawasan pihak berkuasa tempatan;
- (q) memperoleh, memajukan dan menyenggara tanah bagi maksud estet perindustrian dan pelupusannya;

- (r) menjual, memajakkan atau pun melupuskan mana-mana harta alih atau harta tak alih pihak berkuasa tempatan:

Dengan syarat bahawa—

- (i) tiada apa-apa penjualan atau pemberimilikan lain harta tak alih boleh berlaku tanpa persetujuan Pihak Berkuasa Negeri;
 - (ii) semua wang yang diterima oleh pihak berkuasa tempatan dari penjualan atau pemberimilikan harta lain hendaklah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan;
- (s) memperoleh, membeli atau mengambil atas pajakan mana-mana tanah, atau apa-apa harta, hak atau kepentingan lain di dalam atau di luar kawasan pihak berkuasa tempatan yang perlu bagi maksud Akta ini;
- (t) mengadakan dan menyenggara sama ada di dalam atau di luar kawasan pihak berkuasa tempatan rumah tempat tinggal, termasuk rumah beristirehat untuk pesakit yang baru sembuh atau rumah bercuti, kelab dan padang permainan untuk pegawai dan pekerja pihak berkuasa tempatan;
- (u) memberi bantuan wang atau bantuan lain kepada Anggota Majlis, pegawai, pekerja dan orang lain untuk mengikuti kursus pengajian dan latihan praktik yang diluluskan atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan untuk dikenakan;
- (v) melakukan segala perkara yang perlu untuk atau yang bermanfaat kepada keselamatan, kesihatan dan kesenangan awam;
- (w) membayar apa-apa gaji, elaun dan ganjaran dan membayar apa-apa caruman kepada mana-mana Kumpulan Wang Bekal Tua atau Kumpulan Wang Simpanan;

- (x) memberi pinjaman kepada pegawai dan pekerja bagi maksud membeli kereta motor atau basikal atas apa-apa syarat yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan;
- (y) membayar kepada Anggota Majlis, pegawai dan pekerja yang bertugas atau kerana menghadiri mesyuarat, persidangan dan seminar yang diatur untuk pentadbiran kerajaan tempatan elaun perjalanan, belanja hidup dan elaun lain mengikut apa-apa kadar yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan dari semasa ke semasa;
- (z) membayar belanja perubatan yang dilakukan oleh mana-mana Anggota Majlis, pegawai atau pekerja;
- (aa) mengiklankan dan mempublisitikan perkara yang menarik, kemudahan dan kelebihan yang ada dalam kawasan pihak berkuasa tempatan dan dalam kawasan sekitarnya dan memberi sumbangan kepada dan menerima pemberian dan derma bagi maksud menggalakkan pelancongan;
- (bb)
 - (i) tertakluk kepada Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*], menubuhkan, memperoleh, membina, melengkapkan dan menjalankan, di dalam atau di luar kawasan pihak berkuasa tempatan, kerja bagi membekalkan kepada penduduknya lampu, haba dan kuasa dan membekalkan elektrik bagi segala maksud yang elektrik boleh digunakan atau berkenaan dengan mana-mana tanah, bangunan atau premis di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan;
 - (ii) membekalkan elektrik kepada sesiapa yang menjalankan perniagaan atau yang tinggal di luar kawasan pihak berkuasa tempatan;
 - (iii) membuat kontrak dengan pihak berkuasa tempatan bagi mana-mana kawasan yang bersempadanan dengannya untuk membekalkan kuasa elektrik kepada pihak berkuasa tempatan itu atas apa-apa terma dan syarat yang dipersetujui;

- (iv) menjual talian, pasangan, pesawat dan perkakas elektrik kepada pengguna;
- (cc) menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana premis melakukan mana-mana daripada perbuatan yang berikut:
 - (i) menghapuskan, merendahkan atau memangkas dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan, mana-mana pokok, pokok renek, atau pepagar yang menganjur ke mana-mana jalan atau lebuh atau dengan apa-apa cara mengganggu lalu lintas di mana-mana jalan atau lebuh atau mengganggu mana-mana dawai atau kerja pihak berkuasa tempatan atau yang, pada pendapat pihak berkuasa tempatan, mungkin membahayakan keselamatan atau kesenangan awam dan jika sekiranya mana-mana pokok di premis persendirian tumbang melintang mana-mana jalan atau lebuh, pihak berkuasa tempatan boleh menghapuskan pokok yang tumbang itu dan belanja yang dilakukan hendaklah dipertanggungkan pada pemunya atau penduduk premis itu dan dituntut daripadanya;
 - (ii) menghapuskan mana-mana pagar atau rangka bina buruk yang bersempadanan dengan mana-mana tempat awam dan jika pemunya atau penduduk itu tidak mematuhi mana-mana permintaan itu, mana-mana pegawai berkuasa pihak berkuasa tempatan itu boleh mengambil milik premis tersebut itu dan menjalankan apa-apa kerja itu dan seksyen 115 hendaklah terpakai mengenai belanja yang dilakukan bagi berbuat demikian;
- (dd) membuat apa-apa kontrak dengan mana-mana pihak berkuasa tempatan lain atau dengan mana-mana orang untuk menjalankan atau menjalankan selanjutnya di luar kawasan pihak berkuasa tempatan apa-apa kerja atau pengusahaan yang pihak berkuasa tempatan itu diberi kuasa menjalankan;
- (ee) tertakluk kepada persetujuan pihak berkuasa yang berkenaan, dan kepada peruntukan mana-mana undang-undang

berhubungan dengan hak air, melencongkan, meluruskan, menentukan dan menyalurkan haluan mana-mana anak sungai, saluran atau alur air selepas memberi notis dan membayar pampasan kepada mana-mana pemunya atau penduduk tanah, dan kepada sesiapa yang berhak kepada apa-apa hak atau isemen berkaitan dengan tanah yang bersempadanan dengan anak sungai atau alur air itu:

Dengan syarat bahawa pada menentukan amaun sesuatu pampasan yang kena dibayar perhatian hendaklah diberi kepada nilai naikan atau tambahan, segera atau yang diharapkan, yang mungkin berakru kepada tanah itu oleh sebab pelaksanaan maksud yang tersebut atau mana-mana daripada maksud itu dan amaun pampasan itu hendaklah, jika sekiranya tiada apa-apa persetujuan dicapai, ditentukan dengan jalan timbang tara;

- (ff) melakukan segala perkara yang perlu untuk menjalankan segala peruntukan yang baginya atau berkenaan dengannya pihak berkuasa tempatan diberi kuasa dari semasa ke semasa membuat undang-undang kecil, perintah tetap, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, dan untuk menguatkuasakan segala undang-undang kecil, perintah tetap dan peraturan-peraturan itu;
- (gg) menjalankan apa-apa kemajuan, sama ada olehnya sendiri atau dengan mana-mana lain pihak berkuasa tempatan atau orang bagi apa-apa pengusahaan perumahan, perdagangan, perindustrian atau pengusahaan lain yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan itu; dan
- (hh) melakukan segala perbelanjaan yang perlu untuk sambutan sivik yang dibenarkan oleh pihak berkuasa tempatan atau untuk menjalankan mana-mana maksud Akta ini atau apa-apa maksud yang tidak diperuntukkan khas dalam Akta ini iaitu yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan sebagai maksud yang dikira boleh memudahkan atau berfaedah kepada atau bersampingan dengan penjalanan oleh pihak berkuasa tempatan akan kuasa dan kewajipannya di bawah Akta ini.

BAHAGIAN XIII

UNDANG-UNDANG KECIL

Kuasa am untuk membuat undang-undang kecil

102. Selain daripada kuasa untuk membuat undang-undang kecil yang diberi dengan nyata atau secara tersirat kepada pihak berkuasa tempatan oleh mana-mana peruntukan lain Akta ini, tiap-tiap pihak berkuasa tempatan boleh dari semasa ke semasa membuat, meminda dan membatalkan undang-undang kecil mengenai segala perkara yang perlu atau diinginkan untuk memelihara kesihatan, keselamatan dan kesentosaan penduduk atau untuk mengadakan aturan dan pengelolaan yang baik bagi kawasan pihak berkuasa tempatan dan khususnya mengenai segala atau mana-mana daripada maksud yang berikut:

- (a) mengatur bentuk dalam mana segala anggaran, bajet, pernyataan, penyata atau akaun lain pihak berkuasa tempatan hendak dibuat dan disimpan;
- (b) mengatur hal membaiki, membersihkan, membasahkan atau memasang lampu pada lebuh, jalan, saluran dan jambatan;
- (c) mengatur, melesen, menyekat, melarang atau menghapuskan pameran iklan;
- (d) mengatur hal menanam, memelihara dan menghapuskan pokok, pokok bunga dan pokok renek di tempat awam;
- (e) mengadakan peruntukan bagi melindungi daripada kerosakan atau gangguan mana-mana kerja atau harta pihak berkuasa tempatan yang terletak atau yang ada dalam, di bawah atau di atas mana-mana tempat awam atau persendirian di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan;
- (f) mengadakan peruntukan bagi penubuhan, peraturan dan pengurusan mana-mana taman awam, jalan bersiar-siar, taman rekreasi dan bersuka-suka, kebun bunga, kolam renang, tasik, stadium, tempat atau bangunan bersejarah, perpustakaan awam, balai seni lukisan, muzium, panggung

awam, restoran, dewan, bilik perhimpunan, taman bunga atau bintang, atau akuarium;

- (g) mengatur dalam kawasan pihak berkuasa tempatan pendaratan dan penyimpanan sementara barang-barang di pengkalan, dermaga dan lebuah awam, yang bersambungan dengan mana-mana pelabuhan, atau mana-mana jalan air yang berhubungan dengannya dan menetapkan bayaran yang hendak dikenakan bagi penyimpanan sementara itu;
- (h) mengatur apa-apa jualan awam yang diadakan di mana-mana tempat awam;
- (i) menentukan lebuah atau kawasan dalam mana-mana kedai, gudang, kilang atau premis perniagaan tidak boleh didirikan, atau dalam mana-mana tred, perniagaan atau pekerjaan tertentu tidak boleh ditubuh atau dijalankan;
- (j) mengatur, melesen, menyelia, menyekat atau melarang permainan alat-alat muzik, nyanyian atau lakonan yang diadakan untuk maksud keuntungan, di mana-mana tempat awam;
- (k) mengatur penyenggaraan, pembahagian dan penggunaan apa-apa cahaya cipta jadi, gas atau tenaga lain yang dibekalkan oleh pihak berkuasa tempatan;
- (l) mengadakan peruntukan bagi penubuhan, penyenggaraan, peraturan dan kawalan perkhidmatan pengangkutan awam dan menetapkan tambang yang hendak dikenakan;
- (m) mengatur pasukan bomba dan mengadakan peruntukan bagi syarat perkhidmatan, pentadbiran dan tata tertib semua anggotanya;
- (n) (i) mengatur, menyelia dan melesen beca dan pedati dan menetapkan kadar atau tambang, sama ada mengikut jarak atau masa di dalam atau di luar kawasan pihak berkuasa tempatan yang hendak dikenakan bagi perkhidmatan itu,

bilangan penumpang dan berat, ukuran dan jenis muatan yang hendak dibawa dan cara pembinaannya;

- (ii) menetapkan piawai kelayakan dari segi kesihatan dan jasmani dan piawai kecekapan bagi pengayuh, pemandu atau penarik beca atau pedati, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (o) mengadakan peruntukan bagi melesen basikal dan basikal roda tiga;
- (p) mengadakan peruntukan bagi menubuhkan, mengatur, memeriksa dan melesen tempat hiburan, rekreasi awam atau tempat tumpuan awam, dan membuat peraturan-peraturan mengenai hal masuk dan keluar dari tempat itu dan bagi mengadakan tempat letak kereta yang cukup yang bersambungan dengannya atau dalam jarak dekat yang berpatutan dengannya;
- (q) melarang, menyekat atau mengatur pengangkutan dan perlombongan batu, kapur, tanah liat, pasir atau bahan lain di mana-mana premis dan pembakaran kapur dan pengilangan bata;
- (r) melarang, menyekat atau mengatur penggunaan mana-mana tanah sebagai kolam bagi memelihara atau menternak ikan;
- (s) mengawal dan menyelia, dengan pendaftaran, pelesenan atau selainnya, termasuk dalam keadaan wajar dengan melarang sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian dari jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam;
- (t) memperuntukkan kesalahan di bawah Akta ini dan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang boleh dikompaun oleh pihak berkuasa tempatan, orang yang boleh mengkompaun, had jumlah wang yang hendak dipungut oleh pihak berkuasa tempatan untuk mengkompaun kesalahan itu dan acara dan borang yang hendak diikuti bagi mengkompaun kesalahan itu; dan

- (u) setakat mana yang tidak termasuk dalam mana-mana perenggan yang lain, mengadakan peruntukan bagi segala perkara acara dan lain-lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini supaya ditetapkan, atau yang perlu atau sesuai untuk ditetapkan untuk melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

Undang-undang kecil, dll., boleh menetapkan bayaran dan caj

102A. Sesuatu undang-undang kecil, kaedah atau peraturan yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan boleh menetapkan bayaran dan caj bagi apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki atau dibenarkan supaya dilakukan di bawahnya.

Undang-undang kecil hendaklah disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri

103. Tiap-tiap undang-undang kecil, kaedah atau peraturan tidak mempunyai kuat kuasa sehingga ia disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan disiarkan dalam *Warta*.

Penalti kerana melanggar undang-undang kecil

104. Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh, dengan undang-undang kecil, kaedah atau peraturan, menetapkan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya bagi pelanggaran mana-mana undang-undang kecil, kaedah dan peraturan dan, mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan ia boleh menetapkan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Kuasa untuk meminta pemohon permit membayar wang deposit

105. Jika pihak berkuasa tempatan diberi kuasa membuat undang-undang kecil melarang apa-apa perbuatan daripada dilakukan, mengadakan sekatan dan peraturan tentang hal melakukan apa-apa perbuatan dan undang-undang kecil itu menghendaki seseorang mendapatkan suatu

permit daripada sesuatu pihak berkuasa tertentu sebelum perbuatan itu dilakukan, mana-mana undang-undang kecil itu boleh mengadakan peruntukan menghendaki sejumlah wang dibayar sebagai deposit atau suatu bon disempurnakan berserta atau tanpa berserta penjamin dengan apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditetapkan dalam undang-undang kecil itu, jumlah wang itu hendaklah dipulangkan balik atau bon itu adalah batal, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika orang yang diberi permit itu mematuhi segala syarat permit itu.

Penyiaran undang-undang kecil, kaedah atau peraturan dalam Warta adalah menjadi notis

106. Penyiaran dalam *Warta* apa-apa undang-undang kecil, kaedah atau peraturan menjadi notis yang cukup mengenai undang-undang kecil, kaedah atau peraturan itu dan mengenai pengesahannya yang sewajar oleh Pihak Berkuasa Negeri.

BAHAGIAN XIV

PELBAGAI

Lesen

107. (1) Pada memberi sesuatu lesen atau permit, sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh menetapkan bayaran bagi lesen atau permit itu dan caj bagi memeriksa atau menyelia apa-apa tred, pekerjaan atau premis yang mengenainya lesen itu diberi.

(1A) Mana-mana lesen atau permit yang diberikan di bawah Akta ini boleh dikeluarkan bersesama dengan mana-mana lesen atau permit lain.

(2) Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(2A) Pembatalan mana-mana lesen atau permit tertentu yang dikeluarkan bersesama dengan mana-mana lesen atau permit lain di bawah subseksyen (1A) tidak akan menyentuh keesahan mana-mana lesen atau permit lain yang telah dikeluarkan bersesama dengannya.

(3) Pihak berkuasa tempatan boleh, menurut budi bicaranya, enggan memberi atau membaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

(4) Sesuatu lesen sah selama tempoh tidak melebihi daripada tiga tahun.

(5) Tiap-tiap orang yang telah diberi lesen hendaklah mempamerkan lesennya itu pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis berlesen itu dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana pegawai pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa meminta lesen itu dikemukakan.

(6) Seseorang yang tidak mempamerkan atau mengemukakan lesen itu di bawah subseksyen (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(7) Bagi maksud subseksyen (5) atau (6) apa-apa sebutan mengenai perkataan “lesen” hendaklah termasuk salinan sahnya yang dipraktui.

(8) Perakuan mana-mana lesen sebagai suatu salinan yang sah hendaklah dibuat oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua secara bertulis.

Notis, dsb.

108. (1) Notis, perintah, waran, lesen, resit dan dokumen lain-lain seumpamanya boleh dengan bercetak atau sebahagiannya dengan bertulis dan sebahagiannya dengan bercetak.

(2) Penyampaian sesuatu dokumen kepada seseorang hendaklah dilakukan—

- (a) dengan menyerahkannya kepada orang itu atau dengan menyerahkannya di tempat kediamannya yang akhir diketahui kepada seorang ahli keluarganya yang dewasa;
- (b) dengan meninggalkannya di tempat kediaman atau perniagaan orang itu yang biasa atau yang akhir diketahui dalam suatu sampul yang dialamatkan kepada orang itu; atau
- (c) dengan menghantarnya melalui pos dalam suatu surat yang telahpun dijelaskan bayaran posnya yang dialamatkan kepada orang itu di tempat kediaman atau perniagaannya yang biasa atau yang akhir diketahui.

(3) Sesuatu dokumen yang dikehendaki disampaikan kepada pemunya atau penduduk mana-mana premis hendaklah disifatkan sebagai dialamatkan dengan sewajarnya jika dialamatkan atas perihal “pemunya” atau “penduduk” premis itu tanpa nama atau perihal lanjut dan boleh disampaikan dengan menyerahkannya kepada seseorang dewasa di premis itu atau, jika sekiranya tiada seseorang dewasa di premis itu yang kepadanya dokumen itu munasabah diserahkan, dengan menampalkannya di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis itu.

Kemungkinan mematuhi notis atau perintah

109. Jika, sesuatu notis atau perintah menghendaki pemunya atau penduduk sesuatu premis melakukan sesuatu perbuatan atau menjalankan sesuatu kerja dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis atau perintah itu dan pemunya atau penduduk itu tidak mematuhi kehendak notis atau perintah itu, pemunya atau penduduk itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, jika tiada apa-apa denda diperuntukkan khas bagi kesalahan itu, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kuasa untuk memasuki premis

110. Seseorang pegawai sesuatu pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa secara bertulis dengan sewajarnya boleh pada setiap masa yang

munasabah, memasuki mana-mana premis dalam kawasan pihak berkuasa tempatan bagi maksud menjalankan apa-apa kuasa pemeriksaan, penyiasatan atau menjalankan kerja, yang diberi kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan.

Pegawai boleh meminta nama dan alamat diberikan

111. (1) Penduduk mana-mana premis dalam kawasan pihak berkuasa tempatan hendaklah, jika dikehendaki oleh mana-mana pegawai sesuatu pihak berkuasa tempatan, memberikan nama dan nombor kad pengenالannya dan nama dan alamat pemunya premis itu, jika diketahui.

(2) Seseorang yang enggan memberi atau sengaja menyalahnyatakan nama dan nombor kad pengenالannya atau nama dan alamat pemunya premis itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penalti kerana menghalang Anggota Majlis dan lain-lain

112. Seseorang yang pada bila-bila masa menghalang, mengganggu atau menyerang Datuk Bandar Kuala Lumpur atau Datuk Bandar atau Yang Dipertua, Anggota Majlis, pegawai atau pekerja sesuatu pihak berkuasa tempatan pada menjalankan dan melaksanakan kewajipannya atau yang membuang apa-apa tanda yang diletakkan bagi maksud menandakan sesuatu aras atau arahan yang perlu bagi menjalankan kerja, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Mendapatkan belanja

113. Jika pemunya mana-mana premis tidak menjalankan kerja yang dikehendaki supaya dijalankan olehnya, penduduk premis itu boleh, dengan kelulusan pihak berkuasa tempatan, menyebabkan kerja itu dijalankan dan belanja mengenainya hendaklah dibayar kepada penduduk itu oleh pemunya itu atau amaun belanja itu boleh dipotong dari sewa yang kena dibayar oleh penduduk itu dari semasa ke semasa kepada pemunya itu dan penduduk itu boleh, jika tiada apa-

apa perjanjian khas sebaliknya, memiliki premis itu sehingga belanja itu telah dibayar dengan sepenuhnya kepadanya.

Belanja dan kos kena dibayar oleh pemunya

114. (1) Apa-apa jumlah wang yang kena dibayar oleh atau boleh didapatkan daripada pemunya mengenai belanja dan kos yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan pada menjalankan apa-apa kerja hendaklah, tertakluk dan tanpa menyentuh hak Negeri, menjadi suatu tanggungan pertama kepada premis yang mengenainya belanja dan kos itu telah dilakukan.

(2) Selain daripada apa-apa remedi lain yang diberikan oleh Akta ini mana-mana jumlah itu boleh didapatkan dengan jalan dan cara yang sama seperti suatu tunggakan kadar.

(3) Tanggungan itu adalah dikenakan, dan kuasa dan remedi itu boleh dijalankan, mulai dari tarikh selesainya kerja itu dan kemudian daripada itu kuasa dan remedi itu boleh dijalankan terhadap premis itu atau terhadap mana-mana harta alih atau tanaman yang pada masa itu terdapat atasnya, tidak kira apa jua perubahan yang telah berlaku tentang pemunyaan atau pendudukan premis itu selepas tarikh yang tersebut itu.

Mendapatkan belanja atau kos daripada orang yang tidak menjalankan kerja

115. Jika pihak berkuasa tempatan telah melakukan belanja atau kos pada menjalankan apa-apa kerja, ia boleh mendapatkan belanja atau kos itu daripada orang yang tidak menjalankan kerja itu dan, jika orang itu bukan pemunya premis itu, daripada pemunya premis itu mengikut cara yang diperuntukkan di bawah seksyen 114.

Mendapatkan caj bagi perkhidmatan pihak berkuasa tempatan

116. (1) Segala wang yang kena dibayar kepada sesuatu pihak berkuasa tempatan bagi perkhidmatan pihak berkuasa tempatan daripada pemunya atau penduduk premis yang mengenainya

perkhidmatan itu telah diberi, sama ada daripada kedua-duanya secara bersesama atau berasingan:

Dengan syarat bahawa—

- (a) pemunya itu adalah berhak, sekiranya tiada apa-apa perjanjian sebaliknya, mendapatkan daripada penduduk premis yang tersebut itu apa-apa caj yang telah dibayar olehnya mengenai pendudukan oleh penduduk itu; dan
- (b) penduduk itu adalah berhak memotong dari apa-apa sewa atau amaun lain yang kena dibayar olehnya kepada pemunya premis itu apa-apa bahagian daripada caj yang telah dibayar olehnya atau yang telah didapatkan daripadanya iaitu yang pemunya tidak berhak menghendaknya membayarnya.

(2) Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh mengenakan dan mendapatkan bunga ke atas caj yang belum dibayar bagi perkhidmatan mengikut suatu kadar tidak lebih daripada satu peratus sebulan atau sebahagian sebulan.

Mendapatkan wang secara ansuran

117. (1) Jika apa-apa jumlah wang kena dibayar oleh seseorang kepada pihak berkuasa tempatan bagi apa-apa maksud di bawah Akta ini, Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan orang itu membayar jumlah wang yang tersebut itu secara ansuran dengan dikenakan bunga ke atasnya mengikut apa-apa kadar yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Jika apa-apa ansuran atau bunga tidak dibayar pada tarikh yang ditetapkan bagi pembayarannya, kesemua baki amaun itu yang masih belum dijelaskan, berserta bunga yang bertunggakan adalah serta-merta genap masanya dibayar dan kena dibayar dan, tidak kira apa jua perubahan yang telah berlaku tentang pemunyaan atau pendudukan premis itu, boleh didapatkan dengan jalan dan cara yang sama seperti suatu tunggakan kadar.

Pampasan, ganti rugi dan kos hendaklah diputuskan oleh mahkamah yang berbidang kuasa layak

118. Jika pampasan, ganti rugi, kos atau belanja adalah dipertikaikan, amaun dan, jika perlu, pembahagiannya dan apa-apa soal mengenai tanggungan hendaklah ditentukan dan diputuskan secara terus oleh sesuatu mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa.

Penalti am

119. Tiap-tiap orang yang bersalah atas sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau terhadap mana-mana undang-undang kecil, kaedah atau peraturan yang tiada apa-apa penalti diperuntukkan dengan nyata baginya boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan pendakwaan

120. (1) Pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan apa-apa pendakwaan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil, kaedah atau peraturan dan hendaklah membayar apa-apa belanja yang dilakukan dalam pendakwaan itu.

(2) Mana-mana peguam bela dan peguam cara yang diberi kuasa secara bertulis oleh pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai pihak berkuasa tempatan boleh menjalankan apa-apa pendakwaan itu.

Kuasa menangkap

121. (1) Mana-mana pegawai pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang dia percayai dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan

di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil, kaedah atau peraturan—

- (a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau
- (b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu tepat.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah seksyen ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.

Buku pihak berkuasa tempatan adalah keterangan *prima facie* mengenai jumlah wang yang kena dibayar

122. Buku dan daftar sesuatu pihak berkuasa tempatan dan apa-apa cabutan daripadanya yang diperakui oleh Setiausaha atau mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh pihak berkuasa tempatan menjadi keterangan *prima facie* mengenai amaun yang kena dibayar itu dalam apa-apa perbicaraan bagi mendapatkan apa-apa bayaran, atau caj yang kena dibayar di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil, kaedah atau peraturan.

Tanggungan terhadap perbuatan dan peninggalan

123. Bagi maksud apa-apa pendakwaan atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang kecil, kaedah atau peraturan—

- (a) jika seseorang ejen atau pekerja semasa menjalankan pekerjaannya melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang jika dilakukan atau tidak dilakukan oleh prinsipal atau majikannya akan menjadi suatu kesalahan, ejen atau pekerja itu melakukan kesalahan itu, dan prinsipal atau majikannya dan mana-mana orang yang pada masa perbuatan itu dilakukan atau tidak dilakukan itu menjaga

urusan yang mengenainya perbuatan itu telah dilaku atau tidak dilakukan adalah juga melakukan kesalahan itu melainkan jika prinsipal atau majikan atau orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, membuktikan dengan memuaskan hati Mahkamah bahawa dia telah, dengan memberi perhatian kepada segala hal keadaan, mengambil segala langkah dan pengawasan yang munasabah bagi mengelakkan perbuatan itu daripada dilakukan atau daripada tidak dilakukan;

- (b) jika sesuatu kesalahan telah dilakukan oleh mana-mana pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus besar, setiausaha atau mana-mana pegawai lain pertubuhan perbadanan itu yang seumpamanya atau yang berupa sebagai bertindak dalam mana-mana jawatan itu hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa dipersetujui atau dibiarkan olehnya dan bahawa dengan memberi perhatian kepada jenis tugasnya dalam jawatan itu dan kepada segala hal keadaan dia telah mengambil segala langkah dan pengawasan bagi mencegah berlakunya kesalahan itu.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

124. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap mana-mana pihak berkuasa tempatan atau terhadap mana-mana Anggota Majlis, pegawai, pekerja atau ejen mana-mana pihak berkuasa tempatan mengenai apa-apa perbuatan, kecuaiian atau kemungkiran yang dibuat atau dilakukan.

Perlindungan bagi Anggota Majlis, pegawai dan pekerja daripada tanggungan sendiri

125. (1) Tiada apa-apa perkara atau benda yang dilakukan dan tiada apa-apa kontrak yang dibuat oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur atau

oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua, Anggota Majlis, pegawai atau pekerja pihak berkuasa tempatan atau oleh mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh menjadikannya sendiri tertakluk kepada apa-apa jua tindakan, tanggungan, tuntutan atau permintaan, jika perkara atau benda itu telah dilakukan atau kontrak itu telah dibuat *bona fide* bagi maksud menjalankan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil, kaedah-kaedah atau peraturan.

(2) Apa-apa belanja yang dilakukan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Bandar atau Yang Dipertua, Anggota Majlis, pegawai atau pekerja atau orang di bawah subseksyen (1) hendaklah ditanggung dan dibayar dari Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan.

Pegawai adalah pekhidmat awam

126. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Bandar atau Yang Dipertua, Anggota Majlis, pegawai atau pekerja dari tiap-tiap jenis jawatan hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

BAHAGIAN XV

KADAR DAN NILAIAN

Kuasa untuk mengenakan kadar

127. Pihak berkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, dari semasa ke semasa sebagaimana difikirkan perlu, mengenakan sama ada secara berasingan atau sebagai suatu kadar yang disatukan, kadar atau kadar tahunan dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan bagi maksud Akta ini atau bagi maksud lain yang mana adalah kewajipan pihak berkuasa tempatan itu menyempurnakannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Kadar tambahan

128. Selain daripada kadar yang tersebut dalam seksyen 127, pihak berkuasa tempatan boleh dengan cara yang serupa mengenakan suatu kadar perparitan mengikut seksyen 132.

Membahagikan kawasan dan pegangan bagi maksud kadar

129. Bagi maksud Bahagian ini, pihak berkuasa tempatan boleh membahagikan kawasannya kepada dua bahagian atau lebih dan boleh, mengenai bahagian atau bahagian-bahagian yang berasingan itu, mengenakan apa-apa kadar atau kadar-kadar yang difikirkan patut dan wajar dan pihak berkuasa tempatan boleh selain daripada itu mengenakan dalam bahagian atau bahagian-bahagian itu suatu kadar yang berlainan mengikut kegunaan sebenar pegangan itu atau bahagian pegangan itu.

Asas taksiran kadar

130. (1) Apa-apa kadar atau kadar-kadar yang dikenakan di bawah Bahagian ini boleh ditaksirkan atas nilai tahunan pegangan atau atas nilai tambah pegangan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Jika sesuatu kadar atau kadar-kadar ditaksirkan atas nilai tahunan pegangan kadar atau kadar-kadar itu hendaklah tidak boleh lebih daripada—

- (a) tiga puluh lima peratus dari nilai tahunan, iaitu mengenai kadar yang dikenakan di bawah seksyen 127;
- (b) *(Dipotong oleh Akta A865);*
- (c) lima peratus dari nilai tahunan, iaitu mengenai kadar yang dikenakan di bawah seksyen 132.

(3) Jika sesuatu kadar atau kadar-kadar ditaksirkan atas nilai tambah pegangan, kadar atau kadar-kadar itu hendaklah tidak boleh lebih daripada—

- (a) lima peratus dari nilai tambah, iaitu mengenai kadar yang dikenakan di bawah seksyen 127;
- (b) *(Dipotong oleh Akta A865)*;
- (c) satu peratus dari nilai tambah, iaitu mengenai kadar yang dikenakan di bawah seksyen 132.

131. *(Dipotong oleh Akta A865).*

Kadar perparitan

132. Kadar perparitan boleh dikenakan untuk menampung kos pembinaan sesuatu sistem perparitan.

Lamanya tempoh kadar

133. Kadar yang tersebut dalam seksyen 127 dan seksyen 128 hendaklah berterusan selama sesuatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan hendaklah kena dibayar tiap-tiap setengah tahun terlebih dahulu oleh pemunya pegangan itu di pejabat pihak berkuasa tempatan atau di tempat lain yang ditetapkan dalam bulan Januari dan bulan Julai dan hendaklah ditaksirkan dan dilevi mengikut cara yang diperuntukkan di dalam ini kemudian daripada ini.

Pengecualian dari kadar

134. Apabila sesuatu pegangan atau mana-mana bahagiannya digunakan semata-mata—

- (a) sebagai tempat awam untuk sembahyang;

- (b) sebagai tanah perkuburan atau tempat membakar mayat awam yang berlesen;
- (c) bagi sekolah awam;
- (d) sebagai tempat awam bagi maksud khairat atau bagi maksud sains, sastera atau seni halus,

dan bukan untuk mendapatkan keuntungan wang, Pihak Berkuasa Negeri boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan pegangan itu atau mana-mana bahagian pegangan itu dari pembayaran apa-apa kadar.

Pengecualian atau pengurangan kadar

135. Apabila sesuatu pegangan atau sesuatu bahagian daripadanya digunakan semata-mata bagi maksud rekreasi, sosial atau kebajikan, dan bukan untuk mendapat keuntungan wang Pihak Berkuasa Negeri boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan pegangan atau bahagian pegangan itu daripada pembayaran semua atau mana-mana kadar atau boleh mengurangkan apa-apa kadar yang dikenakan ke atas pegangan atau bahagian pegangan itu.

Kadar minimum yang kena dibayar

136. Jika kadar yang dikenakan mengenai sesuatu pegangan adalah kurang daripada lima ringgit setahun, tiada apa-apa kadar kena dibayar.

Menyediakan Senarai Nilai

137. (1) Pihak berkuasa tempatan hendaklah menyebabkan suatu Senarai Nilai bagi segala pegangan yang tidak dikecualikan daripada pembayaran kadar disediakan mengandungi—

- (a) nama jalan atau tempat di mana pegangan itu terletak;

- (b) perihal pegangan itu sama ada dengan nama atau nombor yang cukup untuk mengenalinya;
- (c) nama pemunya dan penduduknya, jika diketahui;
- (d) nilai tahunan atau nilai tambah pegangan itu.

(2) Senarai Nilai itu bersama dengan pindaan yang dibuat di bawah seksyen 144 hendaklah terus lagi berkuat kuasa sehingga ia digantikan dengan suatu Senarai Nilai baru.

(3) Sesuatu Senarai Nilai baru yang mengandungi butir-butir yang sama seperti dalam subseksyen (1) hendaklah disediakan dan disiapkan sekali tiap-tiap lima tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Perihal jika nama pemunya tidak diketahui

138. Jika nama pemunya atau penduduk tidak diketahui memadailah memperihalkan pemunya atau penduduk itu dalam Senarai Nilai dan dalam apa-apa tindakan untuk menuntut apa-apa kadar sebagai “pemunya” atau “penduduk” pegangan atas mana kadar itu ditaksirkan tanpa perihal tambahan.

Nilai bersama atau berasingan

139. Pegawai Penilai boleh, menurut budi bicaranya, menilai sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan secara bersama atau berasingan.

Penyata boleh dikehendaki

140. (1) Untuk membolehkan pihak berkuasa tempatan mentaksirkan nilai pegangan yang kena ditaksirkan, pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki pemunya atau penduduknya memberi penyata mengenai luasnya, tempat letaknya, kualiti, guna dan sewanya dan memberi segala maklumat yang perlu untuk menyediakan Senarai Nilai atau pun bagi maksud nilai itu, dan bagi maksud yang

serupa pihak berkuasa tempatan atau seseorang yang dilantik olehnya bagi maksud itu boleh, pada bila-bila masa memasuki dan memeriksa dan, jika perlu, mengukurnya.

(2) Seseorang yang—

- (a) enggan atau tidak memberi penyata atau maklumat itu dalam tempoh dua minggu dari tarikh diterima notis menghendakinya berbuat demikian;
- (b) dengan diketahuinya membuat suatu penyata palsu atau tidak betul atau memberi suatu maklumat palsu atau tidak betul;
- (c) merintangi, menghalang atau menahan pihak berkuasa tempatan atau seseorang yang dilantik olehnya daripada memasuki, memeriksa atau mengukur mana-mana pegangan itu,

boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Notis mengenai Senarai Nilaian baru hendaklah disiarkan

141. (1) Jika sesuatu Senarai Nilaian telah disediakan atau diterima serta dipakai di bawah seksyen 137 pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi notis mengenainya dan mengenai tempat di mana Senarai Nilaian atau salinannya boleh diperiksa dalam *Warta* dan melalui iklan dalam dua surat khabar tempatan sekurang-kurangnya satu daripadanya ialah dalam bahasa kebangsaan.

(2) Seseorang yang mengaku sebagai sama ada pemunya atau penduduk sesuatu pegangan yang termasuk dalam Senarai Nilaian atau sebagai ejen mana-mana orang itu boleh memeriksa Senarai Nilaian itu dan membuat cabutan daripadanya tanpa bayaran.

(3) Pihak berkuasa tempatan hendaklah memberi notis dengan cara yang sama mengenai hari yang tidak kurang daripada empat puluh dua hari dari tarikh pemberitahuan itu dalam *Warta* bila pihak

berkuasa tempatan akan bertindak menyemak Senarai Nilai dan mengenai semua hal dalam mana sesuatu pegangan adalah pada kali pertama dinilai atau nilai atasnya telah bertambah, pihak berkuasa tempatan hendaklah juga memberi notis kepada pemunya atau penduduknya.

Bantahan

142. (1) Seseorang yang terkilan atas mana-mana daripada alasan yang berikut:

- (a) bahawa sesuatu pegangan yang baginya dia dikenakan kadar adalah dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar;
- (b) bahawa sesuatu pegangan yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar;
- (c) bahawa seseorang atau sesuatu pegangan yang sepatutnya termasuk dalam Senarai Nilai itu adalah ditinggalkan daripadanya;
- (d) bahawa sesuatu pegangan adalah dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar; atau
- (e) bahawa sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara bersesama atau berasingan sepatutnya dinilai secara lain,

boleh membuat bantahan secara bertulis kepada pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tidak kurang daripada empat belas hari sebelum masa yang ditetapkan untuk menyemak Senarai Nilai itu.

(2) Segala bantahan hendaklah disiasat dan mereka yang membuatnya hendaklah diberi peluang untuk didengar dalam penyiasatan itu sama ada mereka sendiri atau melalui ejen yang diberi kuasa.

Mengesahkan Senarai Nilai baru

143. (1) Pada atau sebelum 31 Disember dalam tahun sebelum sahaja tahun dalam mana sesuatu Senarai Nilai akan mula berkuat kuasa, pihak berkuasa tempatan hendaklah, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengesahkan Senarai Nilai itu dengan atau tanpa apa-apa pindaan atau perubahan dan Senarai Nilai yang disahkan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai Senarai Nilai sehingga suatu masa ia digantikan dengan suatu Senarai Nilai lain.

(2) Senarai Nilai yang disahkan yang tersebut dalam subseksyen (1) hendaklah disimpan di pejabat pihak berkuasa tempatan dan hendaklah terbuka di situ untuk diperiksa dalam waktu pejabat oleh semua pemunya dan penduduk pegangan yang terkandung di dalamnya, dan suatu notis yang ia terbuka sedemikian untuk diperiksa menyatakan tempat pemeriksaan hendaklah disiarkan dengan segera.

(3) Pihak berkuasa tempatan tidak boleh dikehendaki mendengar dan memutuskan segala bantahan terhadap Senarai Nilai sebelum mengesahkan Senarai Nilai itu mengikut subseksyen (1), dan jika sesuatu bantahan tidak didengar dan diputuskan sebelum Senarai Nilai itu disahkan bantahan itu hendaklah didengar dan diputuskan dengan seberapa segera kemudian daripadanya dan dengan akibat yang sama seolah-olah bantahan itu telah didengar dan diputuskan sebelum Senarai Nilai itu telah disahkan sedemikian, dan sehingga bantahan itu telah didengar dan diputuskan kenaikan tentang nilai atau nilai baru yang dibantah itu hendaklah jangan disifatkan sebagai berkuat kuasa dan kadar yang lama hendaklah masih kena dibayar.

Pindaan kepada Senarai Nilai

144. (1) Jika oleh sebab—

- (a) kesilapan, alpa atau fraud nama seseorang atau butir-butir nama pegangan berkadar yang sepatutnya telah dimasukkan dalam atau ditinggalkan dari Senarai Nilai telah ditinggalkan dari atau dimasukkan dalam Senarai Nilai,

mengikut mana-mana yang berkenaan, atau sesuatu pegangan berkadar telah dinilai dengan tidak mencukupi atau dengan berlebihan atau kerana apa-apa jua sebab lain, sesuatu pegangan berkadar telah tidak dimasukkan dalam Senarai Nilai itu;

- (b) apa-apa bangunan didirikan, diubah suai, diubah, diruntuhkan atau dibina semula, atau kemajuan lain dibuat pada sesuatu pegangan berkadar, nilainya telah dinaikkan;
- (c) apa-apa bangunan atau bahagian sesebuah bangunan diruntuhkan atau apa-apa kerja lain dijalankan di atas pegangan berkadar, nilainya telah diturunkan;
- (d) apa-apa pegangan berkadar yang telah dimasukkan dalam suatu nilai bersama dan yang pada pendapat Pegawai Penilai sepatutnya telah dinilai secara berasingan atau selainnya;
- (e) dikeluarkan apa-apa hakmilik baru mengenai sesuatu pegangan;
- (f) apa-apa perubahan pada pegangan berkadar disebabkan oleh mana-mana undang-undang berhubungan dengan perancangan, yang mengakibatkan nilai pegangan itu naik atau turun,

Pegawai Penilai boleh pada bila-bila masa meminda Senarai Nilai itu dengan sewajarnya dan kadar hendaklah kena dibayar mengenai pegangan yang berkenaan itu mengikut Senarai Nilai yang dipinda sedemikian.

(2) Notis hendaklah diberi kepada semua orang yang ada kena-mengena dengan pindaan mengenai masa pindaan itu akan dibuat, yang tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu disampaikan.

(3) Seseorang yang terkilan dengan pindaan kepada Senarai Nilai atas mana-mana daripada alasan yang dinyatakan dalam seksyen 142 boleh membuat bantahan secara bertulis kepada pihak berkuasa tempatan tidak kurang daripada sepuluh hari sebelum masa yang

ditetapkan dalam notis itu dan hendaklah diberi peluang untuk didengar sendiri atau melalui seseorang ejen yang diberi kuasa.

(4) Apa-apa pindaan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh, menurut budi bicara pihak berkuasa tempatan, memberi perhatian kepada aras nilai-nilai tahunan atau nilai tambah yang terdapat seperti pada atau lebih kurang pada masa Senarai Nilaian semasa telah disediakan.

(5) Apa-apa pindaan yang dibuat dalam Senarai Nilaian mengikut seksyen ini hendaklah disahkan oleh pihak berkuasa tempatan.

(6) Jika oleh kerana sesuatu pindaan dalam Senarai Nilaian kadar yang kena dibayar mengenai sesuatu pegangan dinaikkan, dikurangkan atau dihapuskan, maka kadar baru itu hendaklah kena dibayar, atau kadar itu hendaklah terhenti daripada kena dibayar, mulai dari permulaan setengah tahun yang berikut selepas saja daripadanya atau sesuatu tarikh yang lebih awal mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan.

Rayuan

145. (1) Jika seseorang telah membuat suatu bantahan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 142 atau 144 dan dia tidak puas hati dengan keputusan pihak berkuasa tempatan mengenai bantahan itu orang itu boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi dengan cara usul permulaan:

Dengan syarat bahawa bersama dengan pemfailan usul permulaan itu hendaklah dibayar kepada pihak berkuasa tempatan amaun kadar yang rayuan dibuat terhadapnya itu.

(2) Usul permulaan itu hendaklah difailkan oleh orang yang tidak puas hati dengan keputusan pihak berkuasa tempatan itu dalam tempoh empat belas hari dari penerimaan keputusan itu.

(3) Pihak berkuasa tempatan ialah pihak menentang dalam sesuatu rayuan di bawah seksyen ini.

(4) Tiap-tiap rayuan itu hendaklah didengar di hadapan Mahkamah Tinggi dan keputusannya atas soal fakta adalah akhir dan muktamad.

(5) Dari keputusan Mahkamah Tinggi itu salah satu pihak boleh merayu atas soal undang-undang kepada Mahkamah Persekutuan dan keputusan Mahkamah Persekutuan akhir dan muktamad.

(6) Dalam sesuatu rayuan di bawah subseksyen (5), peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuat kuasa berhubungan dengan rayuan dalam perkara sivil terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dalam bidang kuasa rayuannya ke Mahkamah Persekutuan hendaklah dipakai.

Kadar hendaklah menjadi tanggungan pertama

146. Semua kadar hendaklah dibayar oleh orang yang mana adalah pemunya pegangan pada masa itu, dan sehingga dibayar kadar itu hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], menjadi tanggungan pertama ke atas pegangan yang mengenainya kadar itu ditaksirkan, dan jika tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, kadar itu boleh dituntut mengikut cara yang ditetapkan dalam ini kemudian daripada ini.

Tindakan jika kadar tidak dibayar

147. (1) Jika apa-apa jumlah wang yang kena dibayar mengenai sesuatu kadar masih belum dibayar pada akhir bulan Februari atau bulan Ogos, mengikut mana-mana yang berkenaan, pemunya atau pemunya-pemunya adalah bertanggungjawab membayar jumlah wang itu bersama dengan apa-apa bayaran yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dari semasa ke semasa.

(2) Jika mana-mana jumlah wang itu atau mana-mana bahagiannya masih terhutang dan belum dibayar hingga akhir bulan Februari atau hingga akhir bulan Ogos dalam setiap tahun, mengikut mana-mana yang berkenaan, jumlah wang itu hendaklah disifatkan sebagai suatu tunggakan dan boleh dituntut sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 148.

Tindakan untuk menuntut tunggakan

148. (1) Untuk menuntut sesuatu tunggakan, pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan suatu waran tahanan dalam Borang F dalam Jadual Pertama kepada Akta ini dan boleh menyita menurut waran itu apa-apa harta alih kepunyaan pemunya atau penduduk yang bertanggung membayarnya, yang dijumpai dalam kawasan pihak berkuasa tempatan itu dan juga boleh menyita apa-apa harta alih kepunyaan sesiapa jua pun yang dijumpai pada pegangan yang mengenainya tunggakan itu kena dibayar:

Dengan syarat bahawa tiada sesuatu waran tahanan boleh dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan melainkan jika pihak berkuasa tempatan itu telah menyampaikan suatu notis dalam Borang E dalam Jadual Pertama kepada Akta ini, mengeposkan atau menyerahkan kepada pemunya atau mana-mana seorang daripada pemunya-pemunya, jika lebih daripada seorang, di alamat yang akhir diketahui, memintanya supaya membayar tunggakan itu dalam tempoh lima belas hari selepas notis itu dipos atau diserahkan.

(2) Waran itu hendaklah dilaksanakan oleh seorang pegawai pihak berkuasa tempatan dan pegawai itu hendaklah membuat suatu inventori mengenai harta yang ditahan di bawah waran itu, dan hendaklah pada masa yang sama memberi notis dalam Borang G dalam Jadual Pertama kepada Akta ini, kepada orang yang memiliki harta itu pada masa harta itu ditahan:

Dengan syarat bahawa jika pada pendapat pegawai yang melaksanakan waran itu nilai harta alih yang hendak ditahan itu adalah kurang nilainya daripada tunggakan yang hendak dituntut atau jika tiada apa-apa harta alih yang hendak ditahan seperti dalam hal sesuatu pegangan yang kosong atau tidak diduduki maka tiada apa-apa inventori perlu dibuat dan dalam hal yang demikian pegawai itu hendaklah menampalkan suatu notis dalam Borang H dalam Jadual Pertama kepada Akta ini di sesuatu tempat yang mudah dilihat di pegangan itu atau di mana-mana satu daripada pegangan yang mengenainya tunggakan itu kena dibayar yang bermaksud bahawa acara tuntutan itu akan dijalankan di bawah seksyen 151.

(3) Pegawai itu boleh memecah buka pada waktu siang mana-mana rumah atau bangunan bagi maksud melaksanakan tahanan itu.

(4) Bayaran bagi waran tahanan ialah sebanyak yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dari semasa ke semasa dan menjadi kos tahanan itu.

Jualan harta yang ditahan

149. (1) Melainkan jika tunggakan berserta kos dibayar dalam tempoh tujuh hari dari tarikh tahanan, harta yang ditahan itu atau mana-mana bahagian daripadanya sebagaimana yang perlu hendaklah dijual melalui lelongan awam:

Dengan syarat bahawa jika harta yang disita itu daripada jenis mudah rosak atau jika belanja bagi menyimpannya akan melebihi nilainya harta itu bolehlah dijual dengan serta-merta.

(2) Belanja bagi memelihara ternakan dan menyimpan harta alih menjadi kos tahanan.

Menggunakan hasil jualan

150. Hasil jualan hendaklah digunakan bagi menjelaskan tunggakan berserta bunganya mengikut kadar enam peratus setahun dan juga kos, dan surplusnya, jika ada, hendaklah dibayar kepada orang yang memiliki harta itu pada masa harta itu ditahan.

Menahan dan menjual pegangan

151. (1) Jika tunggakan itu tidak boleh didapati dengan cara yang diperuntukkan dalam seksyen 148 adalah sah bagi Pendaftar Mahkamah Tinggi, apabila permohonan dibuat oleh pihak berkuasa tempatan, atau oleh mana-mana pegawai pihak berkuasa tempatan yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa tempatan itu bagi maksud itu, memerintahkan ditahan dan dijual pegangan atau pegangan-pegangan yang mengenainya tunggakan itu telah terakru.

(2) Tahanan dan jualan itu boleh dilaksanakan dengan cara yang diperuntukkan oleh undang-undang berhubungan dengan acara sivil untuk pelaksanaan sesuatu dekri dengan menahan dan menjual harta tak alih.

(3) Pendaftar Mahkamah Tinggi hendaklah, dari hasil jualan itu, memperuntukkan pertamanya kos bagi tahanan dan jualan, kemudiannya pembayaran amaun tunggakan kepada pihak berkuasa tempatan, berserta bunganya mengikut kadar enam peratus setahun dan juga kos dan jika sekiranya ada apa-apa surplus Pendaftar hendaklah, jika dia puas hati tentang hak seseorang yang menuntut surplus itu, membayar amaun surplus itu kepada orang itu, dan jika Pendaftar tidak puas hati sedemikian hendaklah meletakkan amaun itu sebagai deposit dalam Perbendaharaan untuk dipegang sebagai amanah untuk orang yang mungkin akhirnya Berjaya membuktikan tuntutan ke atasnya.

(4) Pihak berkuasa tempatan boleh, menurut budi bicaranya, enggan menyita dan menjual, atau boleh melepaskan dari tahanan, mana-mana harta yang boleh disita dengan sah di bawah seksyen 148 jika harta itu adalah harta penduduk, iaitu seorang penyewa, pegangan itu atau harta seseorang yang tidak bertanggung membayar sesuatu tunggakan yang kena dibayar mengenai pegangan itu.

(5) Jika harta itu adalah harta seorang penyewa-penduduk, pihak berkuasa tempatan hendaklah jangan menyita dan menjual, atau hendaklah melepaskan dari tahanan, harta itu:

Dengan syarat penyewa-penduduk itu membayar kepada pihak berkuasa tempatan sewa pegangan itu apabila sahaja genap masanya dibayar sehingga tunggakan itu selesai atau sehingga penyewaannya tamat dan dalam mana-mana hal yang demikian, walau apapun yang terkandung dalam subseksyen (1), pegangan itu boleh ditahan dan dijual.

(6) Amaun apa-apa sewa yang dibayar oleh seseorang penyewa-penduduk kepada pihak berkuasa tempatan di bawah subseksyen (5) boleh dipotong oleh penyewa-penduduk itu dari bayaran sewa selepas saja daripada itu dan berikutnya kepada pemunya pegangan itu.

Menuntut kos

152. Semua kos bagi apa-apa tindakan di bawah Bahagian ini untuk menuntut tunggakan boleh dituntut seolah-olah kos itu menjadi sebahagian daripada tunggakan.

Kuasa untuk memberhentikan jualan

153. Jika seseorang yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai apa-apa harta yang boleh kena dijual di bawah Bahagian ini membayar pada bila-bila masa sebelum harta itu dijual tunggakan itu berserta bunga dan kos, pihak berkuasa tempatan hendaklah dengan itu berhenti mengambil segala tindakan selanjutnya mengenainya, dan jika harta itu telah ditahan oleh mahkamah di bawah seksyen 151, orang itu hendaklah memberitahu mahkamah mengenai pembayaran itu.

Bantahan terhadap tahanan

154. (1) Jika seseorang yang telah ditahan hartanya di bawah peruntukan Bahagian ini mempertikaikan kepatutan tahanan itu dia boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi jika harta yang ditahan itu ialah suatu pegangan, atau kepada Mahkamah Majistret jika harta yang ditahan itu ialah harta alih, untuk suatu perintah menggantung tindakan itu, dan mahkamah itu selepas menjalankan apa-apa penyiasatan yang perlu hendaklah membuat apa-apa perintah yang patut mengenai hal yang tersebut di atas.

(2) Tiada apa-apa permohonan boleh dilayani oleh mana-mana Mahkamah melainkan jika pemohon telah menandatangani dengan pihak berkuasa tempatan amaun tunggakan itu berserta bunga dan kos.

Menuntut kadar yang telah dibayar oleh penduduk

155. Jika jumlah wang yang kena dibayar oleh pemunya sesuatu pegangan oleh sebab apa-apa kadar atau kos adalah dibayar oleh penduduk pegangan itu penduduk itu boleh, walau apa pun yang terkandung dalam sesuatu perjanjian atau perkiraan dengan pemunya,

memotong daripada bayaran sewanya selepas saja daripada itu dan berikutnya amaun yang mungkin telah dibayar sedemikian olehnya.

Tunggakan boleh didakwa sebagai hutang

156. Walau apa pun yang terkandung dalam ini, sesuatu tunggakan boleh dituntut dan didapatkan sebagai suatu hutang dalam sesuatu mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa oleh pihak berkuasa tempatan atas nama rasminya daripada mana-mana orang yang bertanggungjawab membayar tunggakan itu.

Keterangan mengenai kadar

157. Pengemukakan buku atau rekod yang berupa sebagai mengandungi apa-apa kadar atau taksiran yang dibuat di bawah Bahagian ini adalah, tanpa apa-apa jua keterangan lain, menjadi bukti *prima facie* mengenai pembuatan dan sahnya kadar atau taksiran yang tersebut di dalamnya itu.

Taksiran, dsb., yang tidak mengikut bentuk cara tidak boleh dicabar

158. (1) Tiada apa-apa nilai atau kadar yang ditaksirkan atasnya, tiada apa-apa pengenaan atau tuntutan mengenai apa-apa kadar dan tiada apa-apa tahanan atau jualan boleh dicabar atau terjejas oleh sebab apa-apa kesilapan tentang—

- (a) nama seseorang yang bertanggungjawab membayar kadar itu;
- (b) perihal sesuatu pegangan yang bertanggungjawab terhadap kadar itu;
- (c) amaun kadar yang ditaksirkan atasnya; atau
- (d) cara tahanan atau jualan,

jika kehendak Bahagian ini atau kehendak mana-mana undang-undang kecil, kaedah atau peraturan adalah dipatuhi pada asasnya dan dengan sebenarnya.

(2) Tiada apa-apa tindakan di bawah Bahagian ini untuk menuntut sesuatu kadar boleh dibatalkan atau diketepikan dalam mana-mana mahkamah oleh sebab tidak mengikut bentuk cara.

Tanggungan pemunya atas pemecah bahagian atau penyatuan pegangan

159. Apabila pegangan dipecah bahagi atau disatukan pemunya adalah bertanggungjawab membayar sehingga akhir tahun dalam mana pemecah bahagian atau penyatuan itu dilakukan atau sehingga mula berkuatkuasanya suatu Senarai Nilai baru, mengikut mana yang terlebih dahulu, segala kadar, tunggakan, bunga dan kos yang kena dibayar atasnya seolah-olah pemecah bahagian atau penyatuan itu telah tidak dibuat.

Notis mengenai pindah milik pegangan berkadar

160. (1) Apabila sesuatu pegangan berkadar dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan dijual atau dipindah milik adalah menjadi kewajipan penjual atau pemindah milik dan pembeli atau penerima pindah milik dalam tempoh tiga bulan selepas jualan atau pindah milik itu memberi notis mengenainya kepada pihak berkuasa tempatan dalam Borang I dalam Jadual Pertama kepada Akta ini.

(2) Apabila pemunya sesuatu pegangan berkadar dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan mati, menjadi kewajipan orang yang menjadi pemunya melalui warisan atau selainnya memberi notis mengenainya kepada pihak berkuasa tempatan dalam tempoh satu tahun selepas kematian itu dalam Borang J dalam Jadual Pertama kepada Akta ini.

(3) Apabila diterima notis itu, pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki dikemukakan surat cara mengenai pertukaran pemunyaan atau suatu salinannya yang diperakui.

(4) Tiap-tiap orang yang menjual atau memindah milik sesuatu pegangan berkadar dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan masih lagi bertanggungjawab membayar semua kadar yang kena dibayar mengenai pegangan itu dan melaksanakan segala kewajipan lain yang dipertanggungjawabkan oleh Bahagian ini atau oleh mana-mana undang-undang kecil ke atas pemunya pegangan itu, yang kena dibayar atau akan dilaksanakan pada bila-bila masa sebelum notis mengenai pindah milik itu diberi atau sehingga jualan atau pindah milik itu telah direkodkan dalam buku pihak berkuasa tempatan itu.

(5) Tiada apa-apa jua dalam ini boleh menyentuh tanggungan pembeli atau penerima pindah milik untuk membayar kadar mengenai pegangan itu atau untuk melaksanakan kewajipan itu, atau menyentuh hak pihak berkuasa tempatan untuk menuntut kadar itu atau untuk menguatkuasakan kewajipan itu di bawah Bahagian ini walaupun kadar itu kena dibayar atau kewajipan itu telah ditanggungkan sebelum notis mengenai jualan atau pindah milik itu direkodkan.

(6) Tiap-tiap orang yang tidak memberi sesuatu notis boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Notis mengenai bangunan baru

161. (1) Jika sesuatu bangunan baru didirikan atau jika sesuatu bangunan dibina semula, dibesarkan, diubah, dibaiki, dibarui, atau jika sesuatu bangunan yang telah kosong diduduki semula pemunya pegangan di atas mana bangunan itu terletak hendaklah dalam tempoh lima belas hari memberi notis mengenainya secara bertulis kepada pihak berkuasa tempatan.

(2) Tempoh lima belas hari yang tersebut itu hendaklah dikira dari tarikh siapnya atau tarikh diduduki, mengikut mana yang berlaku terlebih dahulu, bangunan yang baru telah didirikan, dibina semula, dibesarkan, diubah, dibaiki atau dibarui itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan mengenai sesuatu bangunan yang telah kosong, dari tarikh bangunan itu diduduki semula.

(3) Apabila sesuatu bangunan atau bahagian sesuatu bangunan diruntuhkan atau dihapuskan melainkan dengan perintah pihak berkuasa tempatan, pemunya pegangan itu hendaklah memberi notis mengenai mulanya peruntukan atau penghapusan itu secara bertulis kepada pihak berkuasa tempatan.

(4) Pihak berkuasa tempatan boleh apabila menerima notis itu dan jika ia puas hati bahawa peruntukan itu sedang dijalankan dengan sepatut dan seharusnya, memerintahkan bahawa kadar yang ditaksirkan mengenai mana-mana pegangan itu dikurangkan dan jika telahpun dibayar, dipulangkan balik mengikut kadar amaun taksiran pegangan itu berhubungan dengan bangunan itu atau bahagian bangunan yang sedang diruntuh atau dihapuskan itu.

(5) Sehingga notis itu diberi pemunya adalah masih lagi bertanggungjawab membayar kadar mengenai pegangan itu seolah-olah bangunan atau bahagian sesuatu bangunan itu telah tidak diruntuh atau dihapuskan.

(6) Tiap-tiap orang yang tidak memberi sesuatu notis boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pulangan balik mengenai bangunan yang tidak diduduki

162. (1) Jika sesuatu bangunan tidak diduduki dan tiada apa-apa sewa kena dibayar mengenainya selama tempoh tidak kurang dari satu bulan kalendar dalam mana-mana setengah tahun yang mengenainya suatu kadar telah dibayar pihak berkuasa tempatan boleh memerintahkan supaya sebahagian daripada kadar itu yang seimbang dengan tempoh bangunan itu tidak diduduki dipulangkan balik atau diremit, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Tiada apa-apa pulangan balik atau remitan boleh diperintah melainkan jika orang yang menuntutnya itu telah memberi notis bertulis kepada pihak berkuasa tempatan mengenai kekosongan itu dalam masa tujuh hari dari mulanya tempoh yang mengenainya pulangan balik atau remitan itu dituntut dan mengenai sesuatu pulangan balik orang itu telah menuntut pembayarannya secara

bertulis tidak lewat daripada satu bulan selepas tamatnya setengah tahun yang mengenainya tuntutan itu dibuat.

(3) Tiada apa-apa pulangan balik atau remitan boleh diperintah mengenai sesuatu bangunan melainkan jika pemunya pegangan yang berkenaan itu membuktikan dengan memuaskan hati pihak berkuasa tempatan—

- (a) bahawa bangunan itu berada dalam keadaan baik dan layak untuk diduduki;
- (b) bahawa segala usaha yang munasabah untuk mendapatkan seseorang penyewa telah dibuat;
- (c) bahawa sewa yang diminta adalah sewa yang munasabah;
- (d) bahawa bangunan itu telah kosong selama tempoh yang baginya pulangan balik itu dituntut:

Dengan syarat bahawa apabila sesuatu pulangan balik dituntut mengenai suatu tempoh dalam masa bila bangunan itu telah dibaiki bagi maksud menjadikan ia layak untuk diduduki atau untuk pembinaan semula *bona fide* tidaklah perlu dibuktikan mengenai tuntutan itu perkara yang dinyatakan dalam perenggan (a), (b) dan (c).

(4) Tuntutan hendaklah menyatakan tarikh bila bangunan itu telah tidak diduduki dan juga alamat ke mana perhubungan mengenainya boleh dihantar.

(5) Bagi maksud seksyen ini, ungkapan “bangunan” termasuklah—

- (a) sesuatu flat yang lengkap dalam bangunan yang didirikan dengan kelulusan pihak berkuasa tempatan;
- (b) mana-mana seluruh tingkat sesuatu bangunan yang mempunyai jalan masuk yang berasingan; dan
- (c) ruang lantai tidak kurang daripada 1,000 kaki persegi pada tingkat yang sama sesuatu bangunan yang boleh disewakan

sebagai suatu pejabat, kedai, kilang, gudang atau kegunaan lain yang seumpamanya.

Peruntukan bagi mengkadar bangunan di atas tanah Kerajaan Negeri atau tanah yang dirizabkan

163. (1) Mengenai bangunan yang terletak di atas tanah Kerajaan Negeri atau di atas tanah yang dirizabkan untuk sesuatu maksud awam dan yang tidak diduduki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengenakan kadar yang tersebut dalam seksyen 127 ke atas nilai tahunan atau nilai tambah semua atau mana-mana bangunan itu dan penduduk bangunan itu adalah bertanggung membayar kadar tersebut.

(2) Peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai bagi apa-apa kadar yang dikenakan di bawah seksyen (1) kecuali bahawa dalam pemakaiannya rujukan mengenai “pegangan” hendaklah disifatkan sebagai rujukan mengenai “bangunan”, dan rujukan mengenai “pemunya” sesuatu pegangan hendaklah disifatkan sebagai rujukan mengenai “penduduk” sesuatu bangunan.

Kecualian

164. Walau apa pun peruntukan Akta ini, sehingga suatu Senarai Nilai telah disediakan dan diperakui mengikut Bahagian ini, senarai taksiran yang diberikan atau disediakan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan oleh Akta ini hendaklah, walaupun undang-undang itu dimansuhkan, menjadi asas bagi kadar yang hendak dilevi berkenaan dengan harta berkadar yang terkandung dalam senarai taksiran itu dan senarai taksiran itu hendaklah disifatkan sebagai Senarai Nilai yang sedang berkuat kuasa.

BAHAGIAN XVI
PERUNTUKAN KHAS

Pemindahan tugas

165. (1) Jika pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri adalah perlu atau diingini bagi kepentingan awam bahawa mana-mana tugas pihak berkuasa tempatan atau tugas seseorang pekerja pihak berkuasa tempatan itu patut dipindahkan dengan serta-merta daripada pihak berkuasa tempatan itu atau pekerja itu, Pihak Berkuasa Negeri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memindahkan tugas itu kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri itu; dan jika Pihak Berkuasa Negeri berpendapat bahawa sesuatu penyiasatan patut diadakan Pihak Berkuasa Negeri boleh dalam perintah yang sama atau dalam perintah yang kemudian mengarahkan supaya suatu penyiasatan diadakan berkenaan dengan perkara itu dan boleh membuat apa-apa perintah lanjut yang difikirkan perlu atau sesuai.

(2) Jika di bawah subseksyen (1) sesuatu tugas dipindahkan, Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat apa-apa perintah yang perlu atau sesuai berhubungan dengan belanja yang diperlukan oleh pemindahan tugas itu dan perintah itu adalah berkuat kuasa atas pihak berkuasa tempatan itu walaupun apa peruntukan Akta ini berhubungan dengan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan, dan pembayaran belanja yang dibenarkan oleh perintah itu adalah suatu maksud yang baginya pihak berkuasa tempatan itu boleh meminjam mengikut peruntukan Akta ini.

(3) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibentangkan dalam Dewan Negeri sesuatu Negeri di mesyuaratnya yang berikut selepas sahaja daripada itu dan hendaklah, melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu oleh Pihak Berkuasa Negeri, berkuat kuasa seterusnya sehingga dibatalkan dengan suatu ketetapan Dewan Negeri itu.

Pemansuhan

166. Peruntukan undang-undang setakat mana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta ini adalah dengan ini dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA
AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

BORANG A

PENGAKUAN MENERIMA JAWATAN

[Seksyen 11]

Saya, yang telah dilantik menjadi
seorang Anggota Majlis
mengaku bahawa saya sendiri menerima jawatan tersebut dan bahawa saya akan
melaksanakan kewajipan jawatan itu dengan wajar dan jujur mengikut sebaik-baik
hemat dan kebolehan saya.

.....
Tandatangan Pengaku

Diakui di hadapan Majlis
pada haribulan 20

.....
**Datuk Bandar/Yang Dipertua*

*Potong mana-mana yang tidak dipakai.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

BORANG B

NOTIS MENGHENDAKI KACAU GANGGU DIHAPUSKAN

[Seksyen 82]

Kepada.....
beralamat

Sila ambil perhatian bahawa di bawah seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 Majlis yang puas hati tentang adanya di
suatu kacau ganggu iaitu
(*perihalkan kacau ganggu itu*) dengan ini menghendaki kamu dalam tempoh (*nyatakan masa*) dari tarikh notis ini
disampaikan menghapuskan kacau ganggu itu dan menjalankan apa-apa kerja dan
melakukan apa-apa perkara yang perlu bagi maksud itu, iaitu (*nyatakan apa-apa kerja yang hendak dijalankan*).

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu tidak mematuhi mana-mana kehendak notis ini dalam tempoh yang dinyatakan itu, kamu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya di bawah subseksyen 82(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
bagi pihak Pihak Berkuasa Tempatan

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

BORANG C

PERINTAH PENGHAPUSAN

[Seksyen 82]

Kepada
beralamat

Bahawasanya kamu telah pada hari bulan 20 hadir di hadapan saya kerana tidak mematuhi kehendak Notis dalam Borang B dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 bertarikh haribulan 20 dan bahawasanya kamu telah disabitkan atas kesalahan itu Mahkamah dengan ini menghendaki kamu mematuhi semua kehendak Notis yang tersebut atau menghapuskan kacau ganggu itu dalam tempoh (*nyatakan masa*).

Diberi di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah, pada haribulan 20

.....
Majistret

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

BORANG D

PERINTAH PENUTUPAN

[Seksyen 82]

Kepada
beralamat

Bahawasanya kamu telah pada haribulan 20 ... hadir di hadapan saya kerana tidak mematuhi kehendak Notis dalam Borang B dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 bertarikh ... haribulan 20 ... dan bahawasanya kamu telah disabitkan atas kesalahan itu Mahkamah dengan ini melarang kamu daripada menggunakan (*perihalkan rumah kediaman*) untuk kediaman manusia.

Diberi di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah, pada
haribulan 20

.....
Majistret

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

BORANG E

NOTIS SUPAYA MEMBAYAR TUNGGAKAN KADAR

[Seksyen 148]

No.

Kepada:

.....

Sila ambil perhatian bahawa kamu adalah dengan ini dikehendaki membayar tunggakan kadar yang kena dibayar bagi tempoh berakhir berjumlah RM bersama dengan bayaran sebanyak RM yang kena dibayar di bawah subseksyen 147(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 di pejabat dalam masa lima belas hari dari tarikh notis ini diposkan/diserahkan; jika pembayaran tidak dibuat dalam tempoh yang dinyatakan itu, amaun tunggakan yang kena dibayar bersama dengan kos proses akan dituntut di bawah kuasa yang terkandung dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Bertarikh pada haribulan 20

RM sen

Taksiran pada Tunggakan kadar ...
 Bayaran

Jumlah tunggakan ...

Seksyen/Mukim

Lot No.

.....
bagi pihak Pihak Berkuasa Tempatan

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

BORANG F

WARAN TAHANAN

[Seksyen 148]

Kepada:

.....

Bahawasanya melalui suatu Notis No. yang diposkan/diserahkan pada hari bulan 20 pemunya/penduduk telah dikehendaki membayar di pejabat wang sebanyak RM..... sebagai tunggakan kadar dan bahawasanya wang sebanyak RM yang tersebut belum dibayar:

Ini adalah memerintahkan kamu menahan harta alih pemunya/penduduk yang tersebut di mana sahaja harta alih itu boleh dijumpai dalam kawasan Majlis yang tersebut dan juga apa-apa harta alih kepunyaan sesiapa jua yang dijumpai pada pegangan itu (*perihalkan di sini pegangan atau pegangan-pegangan itu*) dan melainkan wang sebanyak RM yang tersebut bersama dengan RM, iaitu kos bagi tahanan ini dibayar, supaya menahannya sehingga diberi perintah selanjutnya.

Selanjutnya kamu adalah diperintahkan mengembalikan Waran ini pada atau sebelum hari bulan 20 ... dengan suatu catatan memperakui tarikh dan cara bagaimana Waran ini telah dilaksanakan atau mengapa Waran ini tidak dilaksanakan.

Diberi di bawah tandatangan saya pada haribulan 20

.....
bagi pihak Pihak Berkuasa Tempatan

BUTIR-BUTIR TUNGGAKAN DAN BAYARAN

	RM	sen
Kadar semasa bagi setengah tahun yang berakhir 20		
Tunggakan bagi tahun iaitu 20 hingga 20		
Bayaran di bawah seksyen 147		
Bayaran Tahanan		
Jumlah ...	_____	_____

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

BORANG G

INVENTORI DAN NOTIS

[Seksyen 148]

Kepada:

..... beralamat Lot No. Seksyen/Mukim
 (atau lain-lain perihal pengenalan).

Sila ambil perhatian bahawa saya telah pada hari ini menahan harta yang dinyatakan dalam inventori yang dinyatakan di bawah kerana wang sebanyak RM..... iaitu tunggakan dan kos yang boleh dituntut di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 sebagaimana ditunjukkan butir-butirnya di bawah ini dan bahawa melainkan kamu membayar ke dalam pejabat Majlis amaun yang kena dibayar itu berserta kos bagi tahanan ini dalam tempoh 7 hari dari tarikh notis ini, harta itu akan dijual.

Bertarikh pada haribulan 20

.....
Tandatangan

INVENTORI

Bil. Barang	Perihal harta

BUTIR-BUTIR TUNGGAKAN DAN BAYARAN

	RM	sen
Kadar semasa bagi setengah tahun yang berakhir 20		
Tunggakan bagi tahun iaitu 20 hingga 20		
Bayaran di bawah seksyen 147		
Bayaran Tahanan		
Jumlah ...		

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

BORANG H

NOTIS

[Seksyen 148]

Kepada:

beralamat Lot No. Seksyen/Mukim
(atau lain-lain perihal pengenalan).

Sila ambil perhatian bahawa melalui suatu Notis Tuntutan No. yang diposkan/diserahkan pada haribulan 20... kamu telah dikehendaki membayar di pejabat wang sebanyak RM iaitu tunggakan kadar dan bahawasanya wang sebanyak RM yang tersebut belum dibayar dan bahawa melainkan kamu membayar jumlah wang tersebut berserta kos bagi tahanan ini dalam tempoh 7 hari dari tarikh notis ini, permohonan akan dibuat kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi untuk menjual pegangan atau pegangan-pegangan yang tersebut.

.....
bagi pihak Pihak Berkuasa Tempatan

BUTIR-BUTIR TUNGGAKAN DAN BAYARAN

	RM	sen
Kadar semasa bagi setengah tahun yang berakhir 20		
Tunggakan bagi tahun iaitu 20 hingga 20		
Bayaran di bawah seksyen 147		
Bayaran Tahanan		
Jumlah ...	_____	_____

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

BORANG I

NOTIS JUALAN ATAU PINDAH MILIK

[Seksyen 160]

.....

Saya/Kami,
 beralamat.....
 dengan ini memberi notis sebagaimana dikehendaki di bawah subseksyen 160(1)
 Akta Kerajaan Tempatan 1976 mengenai yang berikut:

1. Hakmilik Pegangan

2. Perihal dan Tempat Letak ... Lot No. Seksyen/Mukim
 Pegangan Alamat

3. Nama Pemindah milik
 Nama Penerima pindah milik
 Alamat

4. Nombor atau Simbol Surat Ruj Jilid Pindah milik
 cara Folio
 Tarikh Surat cara
 didaftarkan

5. Hal-hal lain:
 Harga beli Tarikh beli

Bertarikh haribulan 20

.....
 Tandatangan

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

BORANG J

NOTIS

[Seksyen 160]

.....

Saya/Kami,
 beralamat.....
 dengan ini memberi notis sebagaimana dikehendaki di bawah subseksyen 160(2)
 Akta Kerajaan Tempatan 1976 mengenai pindah milik yang berikut:

1. Hakmilik Pegangan

2. Perihal dan Tempat Letak ... Lot No. Seksyen/Mukim
 Pegangan Alamat

3. Nama Pemunya sebelum
 perpindahan

Nama Pemunya sekarang
 Alamat

4. Nombor atau Simbol Surat Ruj Jilid Pindah milik
 cara Folio

Tarikh Surat cara
 didaftarkan

5. Hal-hal lain:

Bertarikh haribulan 20

.....
Tandatangan

JADUAL KEDUA

[Seksyen 166]

<i>Undang-undang</i>	<i>Takat Pemansuhan</i>
1. Enakmen Lembaga Bandaran N.M.B. Bab 137	Kesemua kecuali seksyen 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 76, perenggan 78(a), (d), subperenggan 78(g)(i) dan (ii), perenggan 78(h) and (l), 89, 90, 91, 91A, 92, 92A, 92B, 93, 94, 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 110, 110A, 111, 112, 113, 114, 115, 115A, 116, 117, 118, 119, 123, 124, 125, 126, 127, 128, 129, 130, 131, 132, 133, 133A, 134, 134A, 135, 136, 137, 138, 139, 140, 141, 142, 143, 144, 145, 146, 147, 148 dan 149.
2. Enakmen Lembaga Bandaran Johor No. 118	Kesemua kecuali seksyen 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 76, perenggan 78(d), subperenggan 78(g)(i) dan (ii), perenggan 78(h) dan (l), 89, 90, 91, 91A, 92, 92A, 92B, 93, 94, 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 110, 110A, 111, 112, 113, 114, 115, 115A, 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 129, 130, 131, 132, 133, 133A, 134, 134A, 135, 136, 137, 138, 139, 140, 141, 142, 143, 144, 145, 146, 147, 148, 149 dan 149A.
3. Enakmen Lembaga Bandaran Trengganu Bab 64. 3/1955	Kesemua, kecuali seksyen 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 76, perenggan 78(i), (iv), subperenggan 78(vii)(a) dan (b), perenggan 78(viii) dan (xii), 89, 90, 91, 91A, 92, 92A, 92B, 93, 94, 95, 96, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 110, 110A, 111, 112, 113, 114, 115, 115A, 116, 117, 120, 121, 122, 129, 130, 131, 133, 133A, 134, 134A, 135, 136, 137, 138, 139, 140, 141, 142, 143, 144, 145, 146, 147, 147A, 148 dan 149.

Undang-undang

Takat Pemansuhan

4. Enakmen Perbandaran Kelantan No. 20 tahun 1938 Kesemua, kecuali seksyen 11A, 44, 45, 45A, 46, 46A, 46B, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 54A, 54B, 54C, 54D, 54E, 54F, 54G, 54H, 54I, 54J, 54K, 54L, 54M, 54N, 54O, 55, 56 dan 57.
 5. Ordinan Perbandaran Negeri-Negeri Selat Bab 133 Kesemua, kecuali perenggan 58(1)(g), (j) dan (ee), seksyen 95, 97, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 110, 111, 112, 113, 114, 115, 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 123, 124, 125, 126, 127, 128, 129, 130, 131, 132, 133, 134, 135, 136, 137, 138, 139, 139A, 140, 141, 142, 142A, 143, 144, 144A, 144C, 145, 146, 147, 148, 150, 151, 152, 153, 154, 155, 156A, 157, 158, 159, 160, 161, 162, 163, 164, 165, 166, 167, 168, 169, 170, 170A, 170B, 170C, 219, 229, perenggan 245(a), (b), subperenggan 245(e)(i) dan (ii), perenggan 245(f) dan (k), seksyen 369, 370 dan 395A.
 6. Ordinan Majlis Tempatan 1952 Kesemua.
 7. Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-Peruntukan Sementara) 1973 Kesemua.
-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

LAMPIRAN

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Akta 171

Tarikh Permulaan Kuat kuasa:

<i>Kawasan</i>	<i>Peruntukan yang berkuat kuasa</i>	<i>Mula berkuat kuasa</i>	<i>Kuasa</i>
WILAYAH PERSEKUTUAN			
Wilayah Persekutuan	Semua	01-01-1977	P.U.(B) 592/1976
JOHOR			
Johor Bahru	Semua	01-11-1978	JPU. 62/1978
Pontian	Semua	01-02-1979	” 4/1979
Muar Selatan	Semua	01-05-1979	” 40/1979
Muar Utara	Semua	”	” 41/1979
Kluang Utara	Semua	”	” 42/1979
Kota Tinggi	Semua	”	” 43/1979
Mersing	Semua	”	” 44/1979
Batu Pahat Barat	Semua	01-09-1979	” 64/1979
Batu Pahat Timur	Semua	”	” 65/1979
Kluang Selatan	Semua	”	” 66/1979
Segamat Utara	Semua	”	” 67/1979
Segamat Selatan	Semua	”	” 68/1979
Johor Bahru Tengah	Semua	”	” 69/1979
Kulai	Semua	”	” 70/1979
KEDAH			
Kawasan Kota Star, Kuala Muda, Kulim, Baling dan Kubang Pasu	Semua	01-02-1978	KPU. 2/1978
Kawasan Yan, Padang Terap, Sik, Bandar Bahru, Langkawi dan Pendang	Semua	01-03-1979	KPU. 6/1979
KELANTAN			
Kawasan Kota Bharu, Badang, Kemumin, Panji, Lundang dan Kota	Semua	01-07-1978	KN. P.U. 13/1978
Kawasan Kota Bharu, Kuala	Semua	01-01-1979	KN. P.U. 4/1979

<i>Kawasan</i>	<i>Peruntukan yang berkuat kuasa</i>	<i>Mula berkuat kuasa</i>	<i>Kuasa</i>
Krai, Pasir Mas, Tanah Merah, Pasir Puteh, Machang, Tumpat, Bachok dan Ulu Kelantan			
MELAKA			
Kawasan Bandar dan Kota Melaka dan Melaka Tengah	Semua	01-01-1977	MGN. 62/1977
Jasin	Semua	01-07-1978	” 157/1978
Alor Gajah	Semua	01-07-1978	” 158/1978
NEGERI SEMBILAN			
Kawasan yang dinyatakan dalam Jadual—		01-03-1979	G.N.N.S. 128/1979
Bandar dan kawasan Rantau, Kuala Sawah, Sagga, Sungai Gadut, Nilai, Labu Batu 8, 9 and 10, Ulu Beranang, Lenggeng, Mantin, Pajam, Batang Benar dan Pantai.			
Kesemua kawasan yang terletak dalam Daerah Seremban iaitu dalam lingkungan jarak enam rantai dari garisan tengah di kedua-dua bahagian dan keseluruhan sepanjang jalan tar yang dibaiki oleh Kerajaan kecuali kawasan yang terletak dalam Kawasan Majlis Daerah Seremban seperti yang dinyatakan di atas dan Kawasan Majlis Perbandaran Seremban.			
Majlis Bandaran Seremban, Kawasan Lembaga Bandaran Gedong Lalang, Majlis Tempatan Rahang, Rasah dan Mambau dan kawasan yang berjiran dengannya dalam Daerah Seremban.		01-03-1979	G.N.N.S. 129/1979
Kawasan yang dinyatakan dalam Jadual sebagai kawasan Majlis Daerah Port Dickson.		01-12-1979	N.S.P.U. 18/1979
Kawasan Lembaga Bandar Tampin, Majlis Tempatan Gedok dan kawasan yang berjiran dengannya dalam Daerah Tampin.		01-07-1980	G.N.N.S. 315/1980
Kawasan yang dinyatakan dalam Jadual—		01-07-1980	G.N.N.S. 331/1980

<i>Kawasan</i>	<i>Peruntukan yang berkuat kuasa</i>	<i>Mula berkuat kuasa</i>	<i>Kuasa</i>
Bandar dan kawasan Kuala Pilah, Tanjung Ipoh, Kampung Tengah, Simpang Dangi, Seri Menanti, Pelangai, Gentam, Air Mawang, Johol, Dangi, Kepis, Batu 10, Juasseh, Batu Meraong, Padang Lebar, Bukit Gelugor, Jemapoh, Terachi, Simpang Tanjung Ipoh dan Senaling.			
Semua kawasan yang terletak dalam Daerah Kuala Pilah iaitu dalam lingkungan jarak dua puluh rantai dari garisan tengah di kedua-dua bahagian dan keseluruhan sepanjang jalan tar yang dibaiki oleh Kerajaan kecuali kawasan yang terletak dalam kawasan Majlis Daerah Kuala Pilah seperti yang dinyatakan di atas.			
Kawasan Lembaga Bandaran Rembau.		01-07-1980	G.N.N.S. 332/1980
Kawasan Lembaga Bandaran Rompin, Majlis Tempatan Bahau dan kawasan yang berjiran dengannya dalam Daerah Jempol.		01-08-1980	N.S.P.U. 10/1980
Kawasan Lembaga Bandaran Kuala Klawang, Majlis Tempatan Titi, Majlis Tempatan Pertang dan kawasan yang berjiran dengannya dalam Daerah Jelebu.		01-08-1980	N.S.P.U. 11/1980
PAHANG			
Semua kawasan dalam Negeri Pahang	Semua	01-07-1979	Phg. G.N. 374/1979
Raub (kawasan yang ditandakan warna kelabu)	Semua	01-07-1981	Phg. G.N. 339/1981
Temerloh (kawasan yang ditandakan warna kelabu)	Semua	01-07-1981	Phg. G.N. 340/1981
Bentong (kawasan yang ditandakan warna kelabu)	Semua	01-07-1981	Phg. G.N. 341/1981
Jerantut (kawasan yang ditandakan warna kelabu)	Semua	01-03-1982	Phg. G.N. 59/1982
	Semua		

<i>Kawasan</i>	<i>Peruntukan yang berkuat kuasa</i>	<i>Mula berkuat kuasa</i>	<i>Kuasa</i>
Cameron Highlands (kawasan yang ditandakan warna kelabu)	Semua	01-03-1982	Phg. G.N. 60/1982
Lipis (kawasan yang ditandakan warna kelabu)	Kecuali Bahagian XV	01-03-1982	Phg. G.N. 61/1982
Jerantut (kawasan yang tidak ditandakan warna kelabu)	Kecuali Bahagian XV		Phg. G.N. 62/1982
Cameron Highlands (kawasan yang tidak ditandakan warna kelabu)	Kecuali Bahagian XV		Phg. G.N. 63/1982
Lipis (kawasan yang tidak ditandakan warna kelabu)	Kecuali Bahagian XV		Phg. G.N. 64/1982
PULAU PINANG			
Pulau Pinang	Semua	15-12-1976	Pg. P.U. 73/1976
PERAK			
Kawasan Majlis Daerah Batu Gajah terdiri daripada Batu Gajah, Tronoh, Siputeh, Papan, Pusing, Tanjung Tualang, Sungai Durian dan kawasan 40 rantai di kiri dan kanan Jalan Raya Negeri dan Persekutuan di Mukim-Mukim Belanja, Sungai Terap dan Tanjung Tualang dalam Daerah Kinta	Semua kecuali Bahagian X	01-09-1979	Pk. P.U. 40/1979
Kawasan Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan Taiping, Aulong, Pokok Asam, Kampong Pinang, Batu Kurau, Jelai, Pondok Tanjong, Ulu Sepetang dan Matang dan kawasan yang berjiran dengannya dalam Daerah Larut dan Matang	Semua kecuali Bahagian X	01-09-1979	Pk. P.U. 45/1979
Kawasan Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan Krian, dan kawasan meliputi Bagan Tiang, Titi Serong, Alor Pongsu, Bukit Merah, Gunong Semanggol, Simpang Empat Semanggol, Sungai Gedong dan kawasan-kawasan sejauh 6 rantai di kiri dan kanan Jalan Raya Persekutuan dan 4 rantai kiri dan kanan Jalan Raya Negeri di dalam Daerah Krian	Semua kecuali Bahagian X	01-09-1979	Pk. P.U. 46/1979

<i>Kawasan</i>	<i>Peruntukan yang berkuat kuasa</i>	<i>Mula berkuat kuasa</i>	<i>Kuasa</i>
SELANGOR			
Selangor	Semua	01-01-1976	Sel. P.U. 8/1977
Taman Sri Muda, Daerah Klang	Semua	14-04-1983	Sel. P.U. 8/1983
TERENGGANU			
Kuala Terengganu		01-01-1979	Tr. G.N. 602/1979
Dungun		01-01-1981	Tr. G.N. 860/1980
Kemaman		01-01-1981	Tr. G.N. 861/1980
Ulu Kemaman		01-01-1981	Tr. G.N. 862/1980
Marang		01-01-1981	Tr. G.N. 863/1980
Besut		01-01-1981	Tr. G.N. 864/1980
PERLIS			
Perlis	Semua	01-01-1980	PS. P.U. 3/1979
Majlis Perbandaran Kangar	Kecuali Bahagian VII-XV	01-01-1980	PS. P.U. 6/1979

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

LAMPIRAN

AKTA KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN) 1993 (Akta A865)

(1)
Tarikh Mula Berkuat
kuasa/*Date of Coming into
Operation*

(2)
Bahagian/*Part*

P.U. (B) 92/1994

Selangor

01-06-1994 Kawasan Majlis Perbandaran Petaling Jaya/
Petaling Jaya Municipal Council area

Negeri Sembilan

01-06-1994 Kawasan Majlis Perbandaran Seremban/
Seremban Municipal Council area

P.U. (B) 384/1994

Selangor

01-09-1994 Kawasan Majlis Daerah Gombak/
Gombak District Council area

01-09-1994 Kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya/
Ampang Jaya Municipal Council area

01-09-1994 Kawasan Majlis Perbandaran Klang/
Klang Municipal Council area

01-09-1994 Kawasan Majlis Perbandaran Shah Alam/
Shah Alam Municipal Council area

01-09-1994 Kawasan Majlis Daerah Petaling/
Petaling District Council area

01-09-1994 Kawasan Majlis Daerah Sepang/
Sepang District Council area

(1) Tarikh Mula Berkuat kuasa/ <i>Date of Coming into Operation</i>	(2) Bahagian/ <i>Part</i>
01-09-1994	Kawasan Majlis Daerah Ulu Langat/ <i>Ulu Langat District Council area</i>
01-09-1994	Kawasan Majlis Daerah Ulu Selangor/ <i>Ulu Selangor District Council area</i>
01-09-1994	Kawasan Majlis Daerah Kuala Langat/ <i>Kuala Langat District Council area</i>
01-09-1994	Kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor/ <i>Kuala Selangor District Council area</i>
01-09-1994	Kawasan Majlis Daerah Sabak Bernam/ <i>Sabak Bernam District Council area</i>
Perak	
01-09-1994	Kawasan Majlis Bandaraya Ipoh/ <i>Area of the City Council of Ipoh</i>
01-09-1994	Kawasan Majlis Perbandaran Taiping/ <i>Taiping Municipal Council area</i>
01-09-1994	Kawasan Majlis Daerah Kuala Kangsar/ <i>Kuala Kangsar District Council area</i>
Melaka	
01-09-1994	Kawasan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah/ <i>Malacca Historical City Municipal Council area</i>
01-09-1994	Kawasan Majlis Daerah Jasin/ <i>Jasin District Council area</i>
01-09-1994	Kawasan Majlis Daerah Alor Gajah/ <i>Alor Gajah District Council area</i>
Pulau Pinang	
01-12-1994	Kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang/ <i>Penang Island Municipal Council area</i>

(1) Tarikh Mula Berkuat kuasa/ <i>Date of Coming into Operation</i>	(2) Bahagian/ <i>Part</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai/ <i>Seberang Perai Municipal Council area</i>
Perak	
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Manjung/ <i>Manjung District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Kerian/ <i>Kerian District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Kinta Selatan/ <i>Kinta Selatan District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Hilir Perak/ <i>Hilir Perak District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Tanjung Malim/ <i>Tanjung Malim District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Grik/ <i>Grik District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Perak Tengah/ <i>Perak Tengah District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Selama/ <i>Selama District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Tapah/ <i>Tapah District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Kinta Barat/ <i>Kinta Barat District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Lenggong/ <i>Lenggong District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Pengkalan Hulu/ <i>Pengkalan Hulu District Council area</i>

(1)
Tarikh Mula Berkuat
kuasa/*Date of Coming into
Operation*

(2)
Bahagian/*Part*

Negeri Sembilan

01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Kuala Pilah/ <i>Kuala Pilah District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Seremban/ <i>Seremban District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Rembau/ <i>Rembau District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Tampin/ <i>Tampin District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Jelebu/ <i>Jelebu District Council area</i>
01-12-1994	Kawasan Majlis Daerah Jempol/ <i>Jempol District Council area</i>

Kedah

01-02-1995	Kawasan Majlis Perbandaran Kota Setar/ <i>Kota Setar Municipal Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Kuala Muda/ <i>Kuala Muda District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Kulim/ <i>Kulim District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Bandar Baharu/ <i>Bandar Baharu District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Yan/ <i>Yan District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Pendang/ <i>Pendang District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Padang Terap/ <i>Padang Terap District Council area</i>

(1) Tarikh Mula Berkuat kuasa/ <i>Date of Coming into Operation</i>	(2) Bahagian/ <i>Part</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Baling/ <i>Baling District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Kubang Pasu/ <i>Kubang Pasu District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Sik/ <i>Sik District Council area</i>
Johor	
01-02-1995	Kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru/ <i>Johor Bahru Municipal Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Muar Selatan/ <i>Muar Selatan District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Segamat Utara/ <i>Segamat Utara District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Batu Pahat Barat/ <i>Batu Pahat Barat District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah/ <i>Johor Bahru Tengah District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Kluang Utara/ <i>Kluang Utara District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Kulai/ <i>Kulai District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Muar Utara/ <i>Muar Utara District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Segamat Selatan/ <i>Segamat Selatan District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Kota Tinggi/ <i>Kota Tinggi District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Mersing/ <i>Mersing District Council area</i>

(1) Tarikh Mula Berkuat kuasa/ <i>Date of Coming into Operation</i>	(2) Bahagian/ <i>Part</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Kluang Selatan/ <i>Kluang Selatan District Council area</i>
01-02-1995	Kawasan Majlis Daerah Pontian/ <i>Pontian District Council area</i>
	Perlis
01-04-1995	Kawasan Majlis Perbandaran Kangar/ <i>Kangar Municipal Council area</i>
	Pahang
01-04-1995	Kawasan Majlis Perbandaran Kuantan/ <i>Kuantan Municipal Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Temerloh/ <i>Temerloh District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Bentong/ <i>Bentong District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Cameron Highlands <i>Cameron Highlands District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Jerantut/ <i>Jerantut District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Pekan/ <i>Pekan District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Lipis/ <i>Lipis District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Maran/ <i>Maran District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Raub/ <i>Raub District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Rompin/ <i>Rompin District Council area</i>

(1)
Tarikh Mula Berkuat
kuasa/*Date of Coming into
Operation*

(2)
Bahagian/*Part*

Terengganu

01-04-1995	Kawasan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu/ <i>Kuala Terengganu Municipal Council ar</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Kemaman/ <i>Kemaman District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Dungun/ <i>Dungun District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Hulu Terengganu/ <i>Hulu Terengganu District Council are</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Besut/ <i>Besut District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Setiu/ <i>Setiu District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Marang/ <i>Marang District Council area</i>

Kelantan

01-04-1995	Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu/ <i>Kota Bharu Municipal Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Kota Bharu/ <i>Kota Bharu District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Tumpat/ <i>Tumpat District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Pasir Mas/ <i>Pasir Mas District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Gua Musang/ <i>Gua Musang District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Kuala Krai Selatan/ <i>Kuala Krai Selatan District Council area</i>

(1) Tarikh Mula Berkuat kuasa/ <i>Date of Coming into Operation</i>	(2) Bahagian/ <i>Part</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Kuala Krai Utara/ <i>Kuala Krai Utara District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Bachok/ <i>Bachok District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Tanah Merah/ <i>Tanah Merah District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Jeli/ <i>Jeli District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Machang/ <i>Machang District Council area</i>
01-04-1995	Kawasan Majlis Daerah Pasir Puteh/ <i>Pasir Puteh District Council area</i>

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 171

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk	Berkuat kuasa dari
Akta 160	Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta A436	Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1978	03-03-1978
Akta A564	Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1983	01-01-1986
Akta 341	Akta Perkhidmatan Bomba 1988	01-01-1989
Akta A806	Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1991	13-09-1991
Akta A865	Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1993*	(lihat lampiran)
Akta A1131	Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2007	**01-09-2011

*CATATAN—Kecualian—lihat seksyen 8

** CATATAN — Akta ini berkuat kuasa di Negeri Perlis, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor— lihat P.U. (B) 488/2011 dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya— lihat P.U. (B) 491/2011.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 171

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A436	03-03-1978
	Akta A865	(lihat P.U. (B) 92/1994 dan P.U. (B) 384/1994)
10	Akta A436	03-03-1978
17	Akta A436	03-03-1978
54	Akta A436	03-03-1978
60	Akta A436	03-03-1978
72	Akta A865	(lihat P.U. (B) 92/1994 dan P.U. (B) 384/1994)
	Akta A1131	01-09-2011
73	Akta A436	03-03-1978
	Akta A865	(lihat P.U. (B) 92/1994 dan P.U. (B) 384/1994)
	Akta A1131	01-09-2011
Bahagian X	Akta 341	01-01-1989
101	Akta A436	03-03-1978
102	Akta A564	01-01-1986
102A	Akta A436	03-03-1978

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
103	Akta A436	03-03-1978
104	Akta A436	03-03-1978
107	Akta A806	13-09-1991
113	Akta A436	03-03-1978
128	Akta A865	(lihat P.U. (B) 92/1994 dan P.U. (B) 384/1994)
130	Akta A436	03-03-1978
	Akta A865	(lihat P.U. (B) 92/1994 dan P.U. (B) 384/1994)
131	Akta A865	(lihat P.U. (B) 92/1994 dan P.U. (B) 384/1994)
137	Akta A436	03-03-1978
144	Akta A436	03-03-1978
163	Akta A436	03-03-1978
164	Akta A436	03-03-1978
Jadual Pertama	Akta A436	03-03-1978
Keseluruhan Akta	Akta 160	29-08-1975
